Perkhidmatan atau sistem yang menyokong aset lain untuk melaksanakan fungsi-fungsinya. Contoh: Perkhidmatan rangkaian (LAN, WAN), sistem halangan akses (seperti sistem kad akses), dan perkhidmatan sokongan (seperti kemudahan elektrik, penghawa dingin, sistem pencegah kebakaran). Secara ringkas, ia meliputi apa sahaja komponen teknologi yang digunakan untuk menyimpan, memproses, menjana, mencetak, mengakses dan mengedar maklumat.

### 2.3.2 Perkakasan ICT KKM

Perkakasan ICT pengguna merangkumi pelbagai komponen yang digunakan bagi menyokong pelaksanaan urusan dan tugasan harian dengan lebih cekap, sistematik dan berkesan selaras dengan keperluan operasi organisasi. Senarai perkakasan ICT di KKM berdasarkan Sistem Pengurusan Aset ICT (SPAI) sehingga Oktober 2025 adalah seperti di **JADUAL 2-1**.

**JADUAL 2-1: JUMLAH PERKAKASAN ICT KKM**

| KATEGORI AGENSI | KOMPUTER DESKTOP | KOMPUTER RIBA | Jumlah |
|---|---|---|---|
| **PROGRAM DAN BAHAGIAN** | 3,627 | 1,066 | **4,693** |
| **FASILITI KESIHATAN** | 87,139 | 13,965 | **101,104** |
| **INSTITUSI DAN AGENSI** | 1,963 | 308 | **2,271** |
| **INSTITUT LATIHAN KKM** | 2,250 | 451 | **2,701** |
| **Jumlah** | **94,979** | **15,790** | **110,769** |

### 2.3.3 Rangkaian KKM


Perkhidmatan MyGov*Net merupakan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan yang khusus dan selamat serta diuruskan secara berpusat oleh Jabatan Digital Negara (JDN), Kementerian Digital. MyGov*Net menyediakan satu (1) platform rangkaian bagi membolehkan capaian kepada aplikasi digital KKM, aplikasi dalaman KKM atau intranet dan capaian ke Internet. Pelaksanaan MyGov*Net di KKM merangkumi semua agensi KKM di seluruh Malaysia (Wide Area Network, WAN) dan di Putrajaya (Putrajaya Campus Network, PCN).

Perkhidmatan utama rangkaian MyGov*Net di KKM terbahagi kepada dua (2) iaitu:

(a) MyGov*Net.WAN - Perkhidmatan rangkaian luas (Wide Area Network, WAN) yang selamat, khusus dan terurus dengan menggunakan teknologi rangkaian terkini untuk fasiliti KKM di seluruh negara; dan

(b) MyGov*Net.PCN - Perkhidmatan Rangkaian Kampus Putrajaya (Putrajaya Campus Network, PCN) yang selamat, khusus dan terurus dengan menggunakan teknologi rangkaian terkini. Perkhidmatan ini dikhususkan kepada Ibu Pejabat dan fasiliti KKM yang beroperasi di Pusat Kerajaan Persekutuan Putrajaya.

Kemudahan rangkaian ini adalah untuk komunikasi LAN dan WAN bagi tujuan capaian kepada Internet, capaian emel, capaian sistem aplikasi dalaman dan penghantaran/perkongsian data antara semua fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia. Gambar rajah rangkaian MyGOV*Net.adalah seperti di **RAJAH 2-2.**




**RAJAH 2-2: DIAGRAM RANGKAIAN KKM**

Merujuk kepada maklumat dari portal MyGovServ2.0 (JDN), sebanyak *2,774 *sites* fasiliti kesihatan KKM menggunakan kemudahan rangkaian MyGov*Net.WAN (Wide Area Network) yang dikendalikan oleh JDN. Senarai terperinci fasiliti di KKM yang menggunakan perkhidmatan MyGov.Net.WAN adalah seperti di **JADUAL 2-2**.

**JADUAL 2-2: RINGKASAN KATEGORI FASILITI KKM**

| BIL | KATEGORI FASILITI | JUMLAH FASILITI |
|---|---|---|
| 1. | Bahagian/Cawangan/Institusi/Majlis/Pusat Kecemerlangan/Pusat Kesihatan Mental | 57 |
| 2. | Hospital | 155 |
| 3. | Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) | 15 |
| 4. | Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), Pejabat Kesihatan Kawasan | 150 |

| | | |
|---|---|---|
| 5. | Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah, Pejabat Kesihatan Pergigian Bahagian | 72 |
| 6. | Pejabat Kesihatan Bahagian | 8 |
| 7. | Pejabat Farmasi Bahagian | 8 |
| 8. | Pejabat Unit, Vektor | 15 |
| 9. | Lain-lain (Pintu Masuk Antarabangsa, Jabatan, Kuarters, One Stop Centre, Wellness Hub) | 92 |
| 10. | Klinik Kesihatan (KK) | 1,093 |
| 11. | Klinik Pergigian (KP) | 53 |
| 12. | Klinik Desa | 876 |
| 13. | Klinik Komuniti | 142 |
| 14. | Institut Latihan | 22 |
| 15. | Makmal Kesihatan/Keselamatan Dan Kualiti Makanan | 16 |
| **JUMLAH** | | **2,774** |

**data adalah sehingga Oktober 2025*

### 2.3.4 Pengurusan Pusat Data

Pengurusan Pusat Data merangkumi Pusat Data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM), bilik server di fasiliti kesihatan, serta Pusat Data Sektor Awam (PDSA) di Putrajaya, Enstek dan Kulim. Penempatan server di PDSA dilaksanakan secara *co-location* berdasarkan keperluan sumber yang diperlukan seperti rak, bekalan kuasa dan sistem penyejukan.

Penempatan server di fasiliti pula ditentukan berdasarkan keperluan sistem yang perlu dihoskan secara *on-premise*. Jenis pusat data di bawah pengurusan KKM dikategorikan seperti berikut:

(a) Tier 1 merupakan tahap asas yang menggunakan satu laluan kuasa dan penyejukan tanpa sistem sandaran;

(b) Tier 2 dilengkapi dengan komponen sandaran asas seperti sistem *Uninterruptible Power Supply* (UPS) dan penyejuk tambahan menggunakan konfigurasi N+1, sesuai

untuk organisasi bersaiz sederhana yang memerlukan tahap kestabilan operasi yang lebih tinggi; dan

(c) Tier 3 direka dengan laluan kuasa dan penyejukan berganda yang membolehkan penyelenggaraan dilakukan tanpa gangguan operasi serta mampu beroperasi secara berterusan 24 jam sehari, tujuh (7) hari seminggu (24/7).

Keperluan pusat data ini juga perlu diselaraskan dengan penggunaan perkhidmatan Pengkomputeran Awan KKM dan Gunasama Jabatan Digital Negara (JDN) bagi memastikan pengurusan sumber infrastruktur dilaksanakan secara lebih optimum dan efisien.


### 2.3.5 Pengkomputeran Awan KKM

Pengkomputeran awan (cloud computing) merupakan model infrastruktur perkhidmatan ICT yang membolehkan pengurusan kepada sumber pengkomputeran seperti *virtual machine* (VM), rangkaian, pelayan, storan dan aplikasi dapat diuruskan secara *software-define*. Perkhidmatan ini bersifat fleksibel dan elastik mengikut keperluan serta permintaan pengguna, sekali gus menyokong penjimatan kos, meningkatkan kecekapan, dan mempercepatkan proses penyampaian perkhidmatan ICT kementerian.

Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pula merangkumi pengkomputeran awan persendirian KKM (Cloud KKM), *Cloud-Based Commercial Off-The-Shelf* (COTS), *Cloud Service Provider* (CSP) bukan gunasama dan pengkomputeran awan gunasama di bawah Jabatan Digital Negara (JDN). Pembangunan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Persendirian KKM dilaksanakan melalui pendekatan *Infrastructure as a Service* (IaaS) bagi menyediakan infrastruktur pengkomputeran bersepadu bagi menampung keperluan kapasiti tambahan sistem ICT KKM. Penempatan perkakasan dilaksanakan secara *co-location* di tiga lokasi utama iaitu Pusat Data KKM Putrajaya, Pusat Data Sektor Awam (PDSA) Putrajaya, dan Pusat Pemulihan Bencana (DRC) di PDSA Kulim. Sementara itu, Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Guna Sama JDN (MyGovCloud@CFA) melibatkan penggunaan perkhidmatan pengkomputeran awan awam yang disediakan oleh CSP melalui pendekatan *Software as a Service* (SaaS), *Platform as a Service* (PaaS) dan *Managed Services*. Perkhidmatan gunasama ini turut merangkumi penyediaan persekitaran IaaS melalui platform MyGovCloud@PDSA.

Keseluruhan senibina infrastruktur KKM juga meliputi hubungan dan kawalan antara persekitaran pengkomputeran awan, premis fasiliti KKM, serta co-location PDSA yang akan dihubungkan secara berterusan melalui Cloud KKM menjelang tahun 2030. Pendekatan ini membolehkan pemantauan bersepadu terhadap sumber awan dan memastikan kecekapan serta kesinambungan perkhidmatan pengkomputeran awan

KKM dapat diuruskan secara holistik kelak. Ringkasan Arkitektur Pengkomputeran Awan KKM adalah seperti di **RAJAH 2.3** berikut:




**RAJAH 2-3: ARKITEKTUR PENGKOMPUTERAN AWAN KKM**

### 2.3.6 Keselamatan ICT KKM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merupakan Ketua Sektor Perkhidmatan Jagaan Kesihatan di bawah Akta Keselamatan Siber 2024 (Akta 854) serta tertakluk kepada arahan Ketua Eksekutif (KE) Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA). Sebagai Ketua Sektor, KKM bertanggungjawab untuk melaksanakan fungsi Ketua Sektor bagi memastikan tahap keselamatan siber yang tinggi dalam kalangan entiti di bawah sektor jagaan kesihatan. Melalui peruntukan seksyen (17), KKM perlu melaksanakan kewajipan dan tanggungjawabnya dalam memastikan keselamatan, integriti dan ketahanan sistem maklumat kesihatan negara, sejajar dengan objektif nasional untuk melindungi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (NCII) daripada ancaman siber. Antara fungsi Ketua Sektor sebagaimana dinyatakan adalah seperti berikut:

(a) Menetapkan entiti Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (NCII) dalam sektor perkhidmatan jagaan kesihatan sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 17 Akta 854;

(b) Menyediakan, menyenggara dan melaksanakan tataamalan (code of practice) bagi sektor selaras dengan kehendak Seksyen 25 Akta 854;

(c) Melaksanakan keputusan dan arahan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara serta Ketua Eksekutif (KE) NACSA;
(d) Mengawasi dan memastikan pematuhan oleh semua entiti NCII dalam sektor terhadap kewajipan dan langkah-langkah keselamatan siber yang ditetapkan di bawah Akta ini;
(e) Menyediakan serta menyenggara garis panduan amalan terbaik berhubung pengurusan dan perlindungan keselamatan siber sektor kesihatan;
(f) Melaporkan kepada Ketua Eksekutif NACSA berhubung ancaman atau insiden keselamatan siber yang menjejaskan NCII dalam sektor perkhidmatan jagaan kesihatan; dan
(g) Melaksanakan apa-apa fungsi tambahan sebagaimana yang diarahkan atau ditetapkan di bawah Akta 854.

KKM juga telah ditetapkan sebagai entiti NCII oleh Ketua Eksekutif NACSA kerana memiliki, mengoperasi dan mengendali sistem kritikal negara. Sistem merupakan aset kritikal negara yang perlu diberikan perlindungan dan kawalan menyeluruh bagi memastikan kelangsungan operasi serta menjaga kepercayaan rakyat terhadap keutuhan sistem kesihatan awam. Sebagai entiti NCII, KKM turut bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan ketahanan sistem maklumat kritikal kesihatan negara melalui kewajipan yang telah diperuntukan dibawah akta 854 seperti berikut:

(a) Membangunkan dasar keselamatan siber dalaman yang menyeluruh dan melaksanakan kawalan keselamatan selaras dengan Akta 854 serta *Code of Practice* yang diluluskan oleh NACSA;
(b) Melaksanakan langkah-langkah perlindungan, pengesanan, tindak balas dan pemulihan terhadap ancaman serta insiden keselamatan siber yang boleh menjejaskan sistem atau data kritikal;
(c) Melaporkan segera kepada NACSA dan Ketua Sektor sekiranya berlaku insiden keselamatan siber yang menjejaskan operasi atau perkhidmatan kritikal;
(d) Menjalankan penilaian risiko keselamatan siber secara berkala serta melaksanakan tindakan mitigasi sewajarnya;
(e) Menyediakan latihan dan program kesedaran keselamatan siber untuk pegawai dan pengguna bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan terhadap ancaman siber;
(f) Memastikan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan sistem serta data kritikal sentiasa terjamin dan dilindungi daripada sebarang kompromi keselamatan;dan
(g) Memberi kerjasama penuh kepada NACSA dan Ketua Sektor dalam pelaksanaan audit, pemantauan dan arahan berkaitan keselamatan siber sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta ini.

Perlindungan menyeluruh terhadap maklumat dan sistem kritikal adalah penting bagi menjamin kerahsiaan, integriti dan ketersediaan (Confidentiality, Integrity, Availability) data kesihatan pada setiap masa. Sebarang kompromi terhadap data atau sistem bukan sahaja boleh mengganggu operasi harian, malah berpotensi menjejaskan keselamatan

pesakit, reputasi kementerian, dan kredibiliti kerajaan dalam pengurusan maklumat kesihatan. Oleh itu, kawalan keselamatan yang efektif perlu dilaksanakan secara berlapis meliputi aspek dasar, proses, teknologi dan kecekapan manusia.

Seiring dengan itu, KKM komited melaksanakan pelbagai inisiatif keselamatan siber secara berterusan, termasuk penambahbaikan dasar keselamatan, pemantauan berpusat terhadap ancaman siber, latihan kesedaran kepada warga kerja, serta penggunaan teknologi perlindungan terkini. Pendekatan menyeluruh ini memastikan aset dan sistem kritikal kementerian sentiasa berada dalam kawalan yang optimum, seterusnya menjamin penyampaian perkhidmatan kesihatan digital yang selamat, berdaya tahan dan dipercayai oleh seluruh rakyat Malaysia.

## 2.4 ORGANISASI DAN PENGURUSAN PENDIGITALAN

Organisasi dan pengurusan pendigitalan merujuk kepada keseluruhan rangka kerja struktur kepimpinan, tatakelola, proses, dan budaya yang diwujudkan untuk merancang serta melaksanakan transformasi digital secara holistik. Rangka kerja ini penting untuk memastikan transformasi digital dapat meningkatkan kecekapan, nilai pelanggan dan daya saing.

### 2.4.1 Struktur Kepimpinan

Transformasi digital di Kementerian Kesihatan Malaysia diterajui oleh Ketua Pegawai Digital (CDO) yang dilantik secara rasmi. Peranan dan tanggungjawab CDO adalah seperti berikut:

(a) Meneraju inisiatif pendigitalan di kementerian/agensi melalui penggunaan data, analitis dan teknologi digital;
(b) Mewujudkan budaya berpacukan data dalam sektor awam yang mengamalkan pendekatan *principle-based* melalui penggunaan data dan teknologi digital;
(c) Mentransformasi penyampaian perkhidmatan digital di kementerian/agensi berfokuskan pengalaman pelanggan (customer experience) yang berteraskan konsep *Whole-of-Government* (WOG) melalui inovasi melibatkan perkongsian data, data terbuka dan teknologi baru muncul;
(d) Menilai, menyelaras, memperaku keperluan perkhidmatan digital, *Technical Service Design* dan bajet pembangunan serta mengurus agensi sebagai pelaksana inisiatif dan projek pendigitalan;
(e) Melaporkan pelaksanaan dan kemajuan transformasi pendigitalan kepada YBhg Ketua Setiausaha Negara (KSN) sebagai Pengerusi Kluster Kerajaan di bawah Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara melalui urus setia kluster kerajaan;
(f) Meneraju perubahan melalui Penjajaran Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Kementerian/Negeri/Agensi dengan:

(i) Memastikan PSP agensi selari dengan PSP Sektor Awam dan Pengurusan Risiko dan Pelan Pengurusan Perubahan.
(ii) Memastikan *blueprint Enterprise Architecture* (EA) agensi tersedia.
(iii) Memantapkan struktur tadbir urus pendigitalan agensi menyelaras penggunaan dasar, standard dan amalan terbaik global.

(g) Melaporkan pelaksanaan dan kemajuan transformasi pendigitalan kepada YBhg Ketua Setiausaha Negara (KSN) sebagai Pengerusi Kluster Kerajaan di bawah Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara melalui urus setia kluster kerajaan.

### 2.4.2 Tatakelola Pendigitalan

Tatakelola pendigitalan memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan dan kecekapan ICT KKM. Jawatankuasa ICT utama di KKM adalah Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) dan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT).

a. Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI)

Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) KKM merupakan sebuah jawatankuasa yang telah ditubuhkan selaras Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 - Garis Panduan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam. Jawatankuasa ini berperanan untuk memproses, menilai dan mengesyorkan perakuan teknikal projek ICT semua agensi di bawahnya kepada Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian.

JTI KKM dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) merangkap Ketua Pegawai Digital (CDO) atau pegawai yang diturunkan kuasa dan diurus setiakan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM). Terma rujukan JTI KKM adalah seperti berikut:

(a) Memproses dan menilai semua permohonan perolehan projek ICT semua agensi dan fasiliti KKM;
(b) Mengesyorkan perakuan teknikal projek ICT kepada JPICT KKM;
(c) Meluluskan perolehan ICT KKM mengikut had nilai yang ditetapkan berdasarkan keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan;
(d) Mengesyorkan perkongsian pintar projek ICT atau data antara agensi dan fasiliti di KKM;
(e) Memantau kemajuan pembangunan dan pelaksanaan projek ICT yang diluluskan oleh JPICT KKM dan JTISA serta melapor kepada JPICT KKM;
(f) Mengenal pasti masalah dan isu semasa dalam pelaksanaan projek ICT KKM serta mengesyorkan cadangan penyelesaian kepada JPICT KKM;
(g) Menyediakan laporan kepada JPICT KKM mengikut keperluan; dan
(h) Memberi khidmat nasihat berhubung penjajaran ICT dan bisnes KKM.

b. Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT)

Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merupakan jawatankuasa yang telah ditubuhkan selaras dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 - Garis Panduan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam. Jawatankuasa ini berperanan untuk menyelaras dan memantau permohonan perolehan, pembangunan dan pelaksanaan projek ICT di agensi Kerajaan serta menetapkan arah tuju dan strategi pelaksanaan pendigitalan ICT di KKM.

JPICT KKM dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KKM atau pegawai yang diturunkan kuasa dan diurus setiakan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM). Terma rujukan JPICT KKM adalah seperti berikut:

(a) Menetapkan arah tuju dan strategi untuk pembangunan dan pelaksanaan ICT KKM;
(b) Merancang, mengenal pasti dan mencadangkan sumber seperti kepakaran, tenaga kerja dan kewangan yang diperlukan bagi melaksanakan arah tuju/strategi ICT di KKM dan semua Jabatan/Agensi/Fasiliti di bawahnya;
(c) Merancang dan menyelaras pelaksanaan program/projek-projek ICT di KKM supaya selaras dengan Pelan Strategik KKM dan Pelan Strategik Pendigitalan KKM;
(d) Menyelaras dan menyeragamkan pembangunan dan pelaksanaan ICT di antara agensi dan fasiliti kesihatan dengan Pelan Strategik KKM dan Pelan Strategik Pendigitalan KKM;
(e) Mempromosi dan menggalakkan perkongsian pintar projek ICT antara agensi dan fasiliti di KKM;
(f) Merancang dan memantau pelaksanaan keselamatan ICT;
(g) Mengikuti dan memantau perkembangan program ICT serta memahami keperluan, masalah dan isu-isu yang dihadapi dalam pembangunan dan pelaksanaan ICT;
(h) Menilai dan meluluskan semua perolehan ICT KKM berdasarkan keperluan sebenar dan dengan perbelanjaan yang berhemah serta mematuhi peraturan-peraturan semasa yang berkaitan; dan
(i) Menyelaras dan mengemukakan kertas cadangan perolehan ICT KKM dan laporan projek ICT mengikut ketetapan Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA).

### 2.4.3 Prosedur dan Garis Panduan Pendigitalan

Bagi memastikan pelaksanaan projek-projek ICT berjalan lancar, prosedur dan garis panduan ICT perlu dipatuhi. Prosedur ICT ini termasuklah yang dikeluarkan oleh agensi pusat seperti Jabatan Digital Negara, Kementerian Kewangan, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) dan lain-lain. Antara prosedur dan garis panduan ICT utama yang berkaitan dan diguna pakai dalam pelaksanaan projek-projek ICT KKM adalah seperti yang berikut:

(a) Pengurusan Kelulusan Teknikal dan Perolehan ICT:

(i) Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan dan Perolehan Projek ICT bagi RMKe-13;
(ii) Surat Pekeliling Am Bilangan 7 Tahun 2024 bertajuk Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam;
(iii) Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) dan Permohonan Projek Pembangunan Tahun 2026-2030 (GP RMK13);
(iv) Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2006 bertajuk Pengukuhan Tadbir Urus Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan;
(v) Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2015 bertajuk Pelaksanaan Data Terbuka Sektor Awam;
(vi) Perolehan Kerajaan – PK 1.1 bertajuk Punca Kuasa, Prinsip dan Kategori Perolehan Kerajaan;
(vii) Perolehan Kerajaan – PK 1.3 bertajuk Perolehan Kerajaan Dalam Perjanjian Bebas (Free Trade Agreement=FTA);
(viii) Perolehan Kerajaan – PK1.13 bertajuk Pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan Dalam Perolehan Kerajaan;
(ix) Perolehan Kerajaan – PK2.1 bertajuk Perihal Umum;
(x) Perolehan Kerajaan – PK2.2 bertajuk Tender Terbuka;
(xi) Perolehan Kerajaan – PK2.3 bertajuk Tender Terbuka Pra Kelayakan;
(xii) Perolehan Kerajaan – PK2.9 bertajuk Sebut Harga;
(xiii) Perolehan Kerajaan – PK 2.6 bertajuk Perolehan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan (Cloud) Sektor Awam;
(xiv) Perolehan Kerajaan – PK 3.1 bertajuk Perolehan Perunding Secara Am;
(xv) Perolehan Kerajaan – PK 3.3 bertajuk Kriteria Penilaian Perunding;
(xvi) Perolehan Kerajaan – PK 3.5 bertajuk Kaedah Lantikan Terus Berserta Kos Siling;
(xvii) Perolehan Kerajaan – PK 3.6 bertajuk Kaedah Perolehan Secara Tender Terbuka;
(xviii) Perolehan Kerajaan – PK 3.10 bertajuk Pentadbiran Kontrak Perunding;
(xix) Pengurusan Belanjawan – PB 3.1 bertajuk Garis Panduan Langkah-langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan;
(xx) Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 Akta 680 – Arahan Teknologi Maklumat; dan
(xxi) Peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa.

(b) Pengurusan Projek dan Maklumat:
(i) Garis Panduan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam (PPrISA);
(ii) Garis Panduan Penyediaan Perancangan Strategik Pendigitalan Sektor Awam;
(iii) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2020 MyGovEA: Pelaksanaan Pendekatan Reka Bentuk Berstruktur Ekosistem Organisasi Perkhidmatan Awam;

(iv) Surat Pekeliling Am Kementerian Kesihatan Malaysia Bil 1 Tahun 2016 – Tatacara Pelaksanaan Projek ICT Di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
(v) Surat Pekeliling Am Kementerian Kesihatan Malaysia Bil 2 Tahun 2016 – Garis Panduan Kesediaan Infrastruktur Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Di Agensi Dan Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
(vi) Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil 5/2023 – Garis Panduan Pengendalian dan Pengurusan Rekod Perubatan Pesakit Di Fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia
(vii) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2015 bertajuk Pengurusan Laman Web Agensi Sektor Awam; dan
(viii) Peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa.

(c) Pengurusan Keselamatan dan Operasi ICT:
(i) Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2022 bertajuk Garis Panduan Sanitasi Media Elektronik Dalam Perkhidmatan Awam;
(ii) Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2022 – Pengurusan Dan Pengendalian Insiden Keselamatan Siber Sektor Awam bertarikh 1 Ogos 2022
(iii) Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2024 - Garis Panduan Pengurusan Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam bertarikh 21 Mac 2024
(iv) Surat Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2024 - Garis Panduan Penilaian Tahap Keselamatan Rangkaian Dan Sistem ICT Sektor Awam bertarikh 21 Mac 2024
(v) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2021 bertajuk Dasar Perkhidmatan Pengkomputeran Awan Sektor Awam;
(vi) Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2021 bertajuk Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Maklumat Melalui Pengkomputeran Awan (*Cloud Computing*) Dalam Perkhidmatan Awam;
(vii) *Malaysian Public Sector Management of Information & Communications Technology Security Handbook* (MyMIS) bertarikh 15 Januari 2002;
(viii) Surat Pekeliling Am Bilangan 6 Tahun 2005 bertajuk Garis Panduan Penilaian Risiko Keselamatan Maklumat Sektor Awam bertarikh 7 November 2005;
(ix) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertajuk Panduan Keperluan dan Persediaan Pelaksanaan Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2007 dalam Sektor Awam bertarikh 24 November 2010;
(x) Surat Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negara – Pengurusan Maklumat Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO) Sektor Awam bertarikh 28 Februari 2019;
(xi) Garis Panduan Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam (Business Continuity Management) seperti yang ditetapkan oleh Garis Panduan Bil. 1 2025
(xii) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertajuk Pelaksanaan Risiko Keselamatan Maklumat Menggunakan MyRAM App 2.0 di Agensi Sektor Awam bertarikh 12 Ogos 2015;

(xiii) Rangka Kerja Keselamatan Siber Sektor Awam (RAKKSSA);
(xiv) Surat Pemakluman Pelaksanaan Fungsi Pengurusan Pengendalian *Government Computer Emergency Response Team* (GCERT) oleh NACSA bertarikh 28 Januari 2019;
(xv) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2003 bertajuk Garis Panduan Mengenai Tatacara Pengurusan Internet dan Mel Elektronik di Agensi Kerajaan bertarikh 28 November 2003;
(xvi) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertajuk Pemantapan Penggunaan dan Pengurusan E-mel di Agensi-agensi Kerajaan bertarikh 1 Julai 2010;
(xvii) Surat Arahan Ketua Pengarah MAMPU bertajuk Langkah-langkah Pemantapan Pelaksanaan Sistem Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan bertarikh 23 November 2007; dan
(xviii) Peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa.

## 2.5 PENILAIAN PENDIGITALAN SECARA KESELURUHAN

Penilaian pelaksanaan pendigitalan masa kini dan peluang pengukuhan pendigitalan telah digunakan bagi mengenal pasti keperluan pendigitalan KKM masa hadapan. Untuk tujuan tersebut, templat khusus untuk pengumpulan maklumat telah digunakan dan telah dijadikan asas kepada rumusan analisis isu dan cabaran serta peluang pendigitalan KKM.

Rumusan analisis jurang menunjukkan domain aplikasi mempunyai isu paling tinggi dan paling banyak peluang peningkatan yang boleh dilaksanakan berbanding dua (2) domain yang lain iaitu domain infrastruktur ICT serta domain tatakelola dan modal insan. Aspek utama peningkatan aplikasi termasuklah bagi mewujudkan persekitaran aplikasi yang lebih inklusif dan bersepadu selaras dengan persekitaran digital dan teknologi masa hadapan. Selain bagi memantapkan pengurusan data serta memodenkan perkhidmatan kesihatan.

Bagi domain infrastruktur pula, banyak peluang yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan perkara yang berkaitan dengan perancangan perolehan dan meningkatkan jaminan keupayaan serta kestabilan perkhidmatan digital. Ia termasuk juga bagi memperkukuhkan ketahanan keselamatan siber dan jaminan kesinambungan perkhidmatan digital.

Manakala bagi domain tatakelola dan modal insan, isu tentang pengukuhan kapasiti modal insan dan kompetensi banyak diperbincangkan, selain pemantapan dasar dan pematuhan tatakelola kesihatan digital. Oleh itu latihan yang memfokuskan kepada kemahiran seperti penggunaan teknologi baharu dan kemahiran teknikal baharu perlu dipertingkatkan secara sistematik dan bersasar. Selain itu, perlu juga membangunkan

polisi dan dasar digital baharu serta pengemaskinian dasar digital sedia ada juga perlu dipertingkatkan dan disesuaikan dengan perkembangan inisiatif digital semasa.

Secara keseluruhan, persekitaran semasa pendigitalan KKM adalah baik dan memenuhi keperluan pihak berkepentingan dan pengguna. Walau bagaimanapun inisiatif pembangunan, pengukuhan dan penambahbaikan daripada aspek aplikasi, infrastruktur ICT, organisasi serta pengurusan pendigitalan perlu diteruskan bagi mempertingkat dan mewujudkan persekitaran pendigitalan yang lebih efektif dan relevan.

### 2.5.1 Rumusan Penuh Isu dan Cabaran Serta Cadangan Peningkatan

Analisis keseluruhan isu dan cabaran pendigitalan KKM telah dilaksanakan dengan merumuskan isu dan cabaran mengikut enam (6) tema strategik utama. Cadangan strategi pendigitalan telah mengambil kira perancangan dalam RMK13, MyDigital, Kertas Putih Kesihatan, Pelan Strategik KKM 2026–2030 dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2026–2030. Bagi setiap tema, ditunjukkan rumusan, contoh isu terperinci, serta cadangan peningkatan seperti di **JADUAL 2-3**.

## JADUAL 2-3: RUMUSAN ISU DAN CABARAN SERTA CADANGAN PENINGKATAN

| Tema Strategik | Rumusan | Contoh Isu Terperinci | Cadangan Peningkatan | Cadangan Strategi Pendigitalan 2026–2030 |
|---|---|---|---|---|
| **Aplikasi & Sistem Digital Kesihatan** | Sistem aplikasi kesihatan masih *silo*, usang, tidak seragam dan kurang mesra pengguna. | 1. Fragmentasi aplikasi dan tiada interoperabiliti<br>2. Kualiti data tidak lengkap, tidak standard, tidak dikemaskini<br>3. Portal/aplikasi menggunakan teknologi lama, UI tidak mesra<br>4. Sistem janji temu tidak bersepadu dengan MySejahtera/ MyVAS. | 1. Bangunkan *Enterprise Architecture* (EA) untuk penyelarasan system<br>2. Peralihan kepada EMR bersepadu nasional (standard HL7 FHIR & ICD)<br>3. Laksana API Gateway & *Single Sign-On* (SSO)<br>4. Wujudkan sistem janji temu kesihatan nasional yang bersepadu. | 1. Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Digital yang Inklusif dan Mampan<br>2. Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Digital Bersepadu dan Responsif<br>3. Pemantapan Pengurusan Data dan Pemodenan Perkhidmatan Kesihatan |
| **Infrastruktur ICT & Teknologi** | Infrastruktur ICT usang dan tidak mencukupi serta tidak mampu menampung *big data* serta keperluan AI/ML moden. | 1. Server/storan *on-prem* tidak mampu tampung big data<br>2. Capaian internet luar bandar tidak stabil<br>3. Peralatan ICT tiada penyelenggaraan<br>4. Cloud digunakan secara *silo* mengikut projek. | 1. Naik taraf rangkaian & storan pusat data KKM dengan *high-availability*<br>2. Luaskan capaian internet berkelajuan tinggi hingga ke fasiliti luar bandar<br>3. Perolehan berpusat untuk peralatan ICT dan kontrak penyelenggaraan standard<br>4. Perkhidmatan cloud berpusat KKM (hybrid | 1. Pengukuhan Pengurusan Teknikal dan Keperluan Peralatan ICT<br>2. Pemantapan Jaminan Keupayaan, Kestabilan dan Keboleh-percayaan Infrastruktur<br>3. Pemodenan Infrastruktur dan Jaminan Kesinambungan Perkhidmatan<br>4. Pemantauan dan Ketersediaan Pengoperasian |

| Tema Strategik | Rumusan | Contoh Isu Terperinci | Cadangan Peningkatan | Cadangan Strategi Pendigitalan 2026–2030 |
|---|---|---|---|---|
| | | | cloud + AI/ML/IoT). | Infrastruktur Yang Mampan |
| **Keselamatan Siber & Privasi Data** | Tahap keselamatan aplikasi & data sederhana, sistem legasi tidak dipatch, tiada *Secure Sockets Layer/ Multifactor Authentication* (SSL/MFA) menyeluruh, kawalan capaian masih boleh dipertingkatkan. | 1. Server/storan *on-prem* tidak mampu tampung *big data*<br>2. Capaian internet luar bandar tidak stabil<br>3. Peralatan ICT tiada penyelenggaraan<br>4. Cloud digunakan secara *silo* mengikut projek. | 1. Naik taraf rangkaian & storan pusat data KKM dengan *high-availability*<br>2. Luaskan capaian internet berkelajuan tinggi hingga ke fasiliti luar bandar;<br>3. Perolehan berpusat untuk peralatan ICT dan kontrak penyelenggaraan standard<br>4. Perkhidmatan cloud berpusat KKM (hybrid cloud + AI/ML/IoT). | 1. Pengukuhan Pengurusan Teknikal dan Keperluan Peralatan ICT<br>2. Pemantapan Jaminan Keupayaan, Kestabilan dan Keboleh-percayaan Infrastrukur<br>3. Pemodenan Infrastruktur dan Jaminan Kesinambungan Perkhidmatan<br>4. Memperkukuh Ketahanan Kawalan Keselamatan Siber<br>5. Memantapkan Pematuhan Keselamatan Digital Secara Menyeluruh |
| **Tatakelola Digital & Perundangan** | Tatakelola ICT kurang berkesan, bergantung vendor, proses perolehan *rigid*, SOP lapuk, dasar perkongsian data tidak jelas. | 1. Tiada dasar perkongsian data kesihatan dalaman/luaran<br>2. Kebergantungan tinggi kepada vendor<br>3. Proses kelulusan ICT/perolehan terlalu *rigid*<br>4. SOP penyelenggaraan dan penyebaran | 1. Gubal dasar perkongsian data kesihatan nasional yang komprehensif<br>2. Wujudkan Unit Pengurusan Risiko & Audit ICT berpusat<br>3. Reformasi proses perolehan ICT agar lebih fleksibel & pantas | 1. Pemantapan Dasar dan Pematuhan Tatakelola Kesihatan Digital<br>2. Meningkatkan Keberkesanan Pemantauan dan Tadbir Urus Bagi Mematuhi Akta Keselamatan Siber |

| Tema Strategik | Rumusan | Contoh Isu Terperinci | Cadangan Peningkatan | Cadangan Strategi Pendigitalan 2026–2030 |
|---|---|---|---|---|
| | | maklumat tidak menyeluruh. | 4. Pemodenan SOP & garis panduan ICT KKM (selaras standard antarabangsa) | |
| **Modal Insan & Kompetensi Digital** | Kekurangan pegawai ICT mahir, terlalu bergantung kepada vendor, latihan ICT terhad, kurang kesedaran digital. | 1. Kekurangan pegawai IT untuk penyelenggaraan<br>2. Kebergantungan kepada pegawai kontrak/MyStep<br>3. Latihan ICT terhad & tidak selaras keperluan<br>4. Kesedaran keselamatan ICT sederhana. | 1. Kurangkan vendor *dependency* dengan membina kepakaran dalaman<br>2. Skim kerjaya dan insentif untuk pakar ICT kesihatan awam<br>3. Wujudkan Akademi Digital KKM untuk latihan ICT berterusan<br>4. Program kesedaran digital & keselamatan siber untuk semua staf. | 1. Pengukuhan Organisasi dan Tatakelola Digital Kementerian<br>2. Pemantapan Kompetensi ICT dan Pembudayaan Persekitaran Digital<br>3. Pengukuhan Kapasiti Modal Insan dan Kepimpinan Digital |
| **Budaya Data & Analitik** | Budaya data sederhana: data *silo*, tiada data *warehouse* nasional, kualiti data rendah, rekod manual masih digunakan. | 1. Data *silo* antara klinik, hospital & makmal<br>2. *Dashboard* tidak automatik kerana data tidak seragam<br>3. Rekod fizikal masih digunakan (buku pink/biru)<br>4. Inisiatif data terbuka belum dilaksanakan menyeluruh. | 1. Bangunkan *Data Lakehouse* sebagai repositori utama bagi data kesihatan dan data geospatial bagi KKM<br>2. Standardisasi data kesihatan (ICD, HL7 FHIR)<br>3. Digitalisasi penuh rekod manual & sistem notifikasi penyakit | 1. Pemantapan Pengurusan dan Sokongan Perkhidmatan Kesihatan Menyeluruh<br>2. Pemantapan Pengurusan Data dan Pemodenan Perkhidmatan Kesihatan |

| Tema Strategik | Rumusan | Contoh Isu Terperinci | Cadangan Peningkatan | Cadangan Strategi Pendigitalan 2026–2030 |
|---|---|---|---|---|
| | | | 4. Laksanakan inisiatif data terbuka secara menyeluruh. | |

## 2.6 RUMUSAN

Penilaian persekitaran pendigitalan yang telah dibincangkan dalam bab ini meliputi aspek aplikasi, infrastruktur, organisasi dan pengurusan pendigitalan KKM masa kini. Hasil daripada penilaian tersebut gambaran tentang isu, cabaran dan peluang pengukuhan yang boleh dilaksanakan telah dikenal pasti. Di bahagian akhir bab, analisis jurang pendigitalan telah dirumuskan kepada enam (6) tema strategik iaitu Aplikasi dan Sistem Digital Kesihatan, Infrastruktur ICT dan Teknologi, Keselamatan Siber dan Privasi Data, Tatakelola Digital dan Perundangan, Modal Insan dan Kompetensi Digital serta Budaya Data dan Analitik dengan cadangan strategi peningkatan pendigitalan. Cadangan tersebut akan digunakan sebagai asas strategi pendigitalan dalam merangka strategi masa hadapan pendigitalan KKM yang akan dibincangkan dalam bab seterusnya.

# 3

## BAB 3 : RANGKA KERJA STRATEGIK PENDIGITALAN


| | | |
|---|---|---|
| 3.1 | Pengenalan | 3-1 |
| 3.2 | Visi Dan Misi Pendigitalan | 3-2 |
| 3.3 | Teras Strategik Pendigitalan | 3-2 |
| 3.4 | Rangka Kerja PSP KKM dan Penjajaran | 3-4 |
| 3.5 | Strategi Dan Program Pendigitalan | 3-10 |
| 3.6 | Rumusan | 3-54 |

## 3.1 PENGENALAN

Pendigitalan merupakan pemangkin utama transformasi nasional yang akan menentukan daya saing, kecekapan, dan kesejahteraan Malaysia dalam dekad akan datang. Seiring dengan aspirasi negara untuk menjadi sebuah ekonomi digital serantau yang progresif, Malaysia telah merangka pelbagai inisiatif strategik seperti Dasar Ekonomi MADANI, MyDIGITAL dan Rancangan Malaysia Ke-13 (2026–2030) bagi memperkukuh asas teknologi, modal insan, dan ekosistem digital.

Menjelang tahun 2030, Malaysia menyasarkan ekonomi digital menyumbang sekurang-kurangnya 30% kepada KDNK, dengan memberi tumpuan kepada pembangunan AI, semikonduktor, pusat data, pengkomputeran awan, IoT, teknologi hijau dan keselamatan siber. Usaha ini dipacu oleh pelaburan besar dalam infrastruktur digital, pembangunan bakat berkemahiran tinggi, serta transformasi menyeluruh sektor awam dan swasta.

Selain itu, arah tuju pendigitalan negara turut menekankan aspek inklusiviti dengan memastikan rakyat di kawasan bandar dan luar bandar mendapat akses sama rata kepada perkhidmatan digital. Penerapan teknologi seperti teleperubatan, pendidikan digital, bandar pintar, dan automasi industri bukan sahaja akan mempercepat pertumbuhan ekonomi, malah meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Agenda pendigitalan KKM sejajar dengan aspirasi Kertas Putih Kesihatan yang menekankan keperluan memperkukuh sistem kesihatan bersepadu, berorientasikan rakyat dan mampan. Transformasi digital menjadi pemangkin utama untuk mencapai matlamat ini melalui pemodenan Rekod Perubatan Elektronik (EMR), pengembangan teleperubatan ke kawasan pedalaman, penggunaan AI dalam diagnostik dan rawatan, serta pembinaan pangkalan data kesihatan bersepadu bagi menyokong dasar berasaskan bukti.

Selari dengan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), pendigitalan kesihatan turut disokong oleh fokus pembangunan infrastruktur digital, peluasan teknologi 5G dan IoT, serta pelaburan dalam modal insan dan teknologi hijau. RMK13 menekankan keperluan meningkatkan produktiviti melalui automasi dan inovasi, yang mana dalam konteks kesihatan diterjemahkan kepada efisiensi hospital pintar, integrasi IoMT, dan sistem pengurusan pesakit berasaskan data masa nyata. Gabungan hala tuju Kertas Putih Kesihatan dan RMK13 meletakkan KKM sebagai peneraju penting dalam menjayakan aspirasi nasional Malaysia Digital MADANI 2030, dengan sektor kesihatan yang lebih inklusif, responsif, selamat, serta berdaya tahan menghadapi cabaran masa depan.


Hala tuju pendigitalan KKM ini dijelaskan menerusi pernyataan visi dan misi pendigitalan, teras strategik, strategi, program serta pelan tindakan pendigitalan.

## 3.2 VISI DAN MISI PENDIGITALAN




## 3.3 TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN

Teras Strategik Pendigitalan merupakan teras pendigitalan utama yang menentukan perancangan, strategi pembangunan dan pelaksanaan projek-projek pendigitalan bagi menyokong perkhidmatan teras organisasi/agensi. Teras strategik pendigitalan KKM telah dibangunkan berdasarkan kepada dapatan analisis persekitaran ke atas domain pendigitalan iaitu Aplikasi, Infrastruktur, Keselamatan, dan Tatakelola dan Modal Insan seperti yang telah dibincangkan dalam Bab 2. Empat (4) teras strategik pendigitalan beserta objektifnya telah dikenal pasti untuk memacu hala tuju pendigitalan selaras dengan visi dan misi PSP KKM ditunjukkan seperti di **RAJAH 3-1**.





**RAJAH 3-1: TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN PSP KKM DAN OBJEKTIF**

## 3.4 RANGKA KERJA PSP KKM DAN PENJAJARAN

Rangka kerja dibangunkan bertujuan menggambarkan secara strategik bagaimana setiap komponen dicerakinkan bagi mencapai sesuatu objektif. Ia juga merupakan suatu struktur konsep asas yang digunakan untuk menyelesaikan atau menangani suatu masalah kompleks. Rangka kerja PSP KKM distrukturkan mengikut empat (4) komponen utama iaitu Visi, Teras Strategik, Strategi, dan Program.

### 3.4.1 Rangka Kerja PSP KKM 2026–2030

Kerangka kerja PSP KKM terdiri daripada enam (6) komponen utama iaitu visi pendigitalan KKM, empat (4) teras strategik pendigitalan, 15 strategi, 31 program, 35 subprogram beserta dengan matlamat strategik dan prinsip panduan strategik ditunjukkan seperti di **RAJAH 3-2**.




**RAJAH 3-2: RANGKA KERJA PSP KKM 2026–2030**

### 3.4.2 Penjajaran Teras Strategik PSP KKM kepada SDGs 2030

Agenda Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals 2030 – SDGs 2030) telah dilancarkan pada tahun 2015 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang memfokuskan kepada pembangunan bagi mencapai masa hadapan

yang lebih baik dan lestari untuk semua berdasarkan pengumpulan matlamat, sasaran dan indikator global. Malaysia bersama 193 buah negara anggota PBB yang lain telah menyatakan komitmen untuk menyokong dan melaksanakan SDGs seterusnya mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan. Sejak 1 Januari 2016, kebanyakan negara di dunia mula mengadaptasi SDGs 2030 sebagai agenda tindakan kesejahteraan dan kemakmuran sejagat yang merangkumi semua isu pembangunan lestari. SDGs 2030 menggariskan 17 matlamat utama dan 169 sasaran yang ingin dicapai menjelang tahun 2030 dengan bertemakan, *leaving no one behind* bagi memastikan tiada sesiapa pun yang terpinggir daripada menikmati kemakmuran. Agenda SDGs 2030 seperti yang ditunjukkan di **RAJAH 3-3**, menekankan keperluan untuk memperkasakan pengetahuan masyarakat dengan memastikan setiap individu mempunyai peluang yang sama, berinteraksi secara seimbang dan secara tidak langsung meningkatkan akses kepada perkhidmatan digital.





**RAJAH 3-3: SDGs 2030**

Teras Strategik PSP KKM adalah sejajar dengan matlamat utama SDG 2030 secara keseluruhannya terutama bagi matlamat utama SDG 3 (Menjamin kehidupan sihat dan kesejahteraan semua) yang dikaitkan dengan pemodenan sistem kesihatan digital dan integrasi data kesihatan awam, SDG 9 (Inovasi dan Infrastruktur Moden) yang dikaitkan dengan pembangunan infrastruktur ICT kesihatan, pusat data, rangkaian selamat dan pengkomputeran awan, SDG 16 (Tadbir Urus Digital Berintegriti dan Telus) yang dikaitkan dengan keselamatan siber, SDG 4 (Pendidikan dan Pembelajaran Berterusan) yang dikaitkan dengan pembangunan kompetensi digital. Selain itu kesan langsung juga

untuk SDG 17 (Kolaborasi Strategik Global dan Nasional), SDG 10 (Ases Saksama Kepada Perkhidmatan Kesihatan Digital), SDG 11 (Komuniti Sihat dan Mampan), dan SDG 8 (Pekerjaan Bermaruah dan Ekonomi Digital). Manakala bagi kesan tidak secara langsung pula adalah SDG 1 (Menghapuskan Kemiskinan), SDG 2 (Keselamatan Makanan dan Makanan Baik) dan SDG 5 (Kesaksamaan *Gender*).

Pelan Strategik Pendigitalan KKM 2026–2030 bertekad penuh menyokong agenda SDGs 2030 menerusi pembangunan hala tuju strategik iaitu visi, misi, teras strategik dan strategi pendigitalan KKM. Penjajaran ini ditunjukkan seperti di **RAJAH 3-4**.





**RAJAH 3-4: PENJAJARAN TERAS STRATEGIK PSP KKM KEPADA SDGs 2030**

### 3.4.3 Penjajaran Teras Strategik PSP KKM Kepada Teras Strategik Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13)

Inisiatif pendigitalan kesihatan negara merupakan salah satu (1) strategi utama di bawah teras Menaikkan Lantai (peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat) dan disokong oleh fokus Tadbir Urus yang Baik serta pembangunan teknologi di bawah teras Menaikkan Siling dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

Inisiatif utama RMK13 adalah untuk mempertingkatkan pendigitalan pengurusan maklumat kesihatan bagi mencapai sistem kesihatan yang pintar melalui pendigitalan rekod kesihatan, pembangunan platform perkongsian data, pemerkasaan analitik kesihatan melalui kecerdasan buatan (AI). Inisiatif pendigitalan kesihatan dalam RMK13 ini adalah sejajar dengan Teras Strategik 1 PSP KKM 2026–2030 iaitu Memperkasakan Aplikasi Kesihatan Digital Bersepadu yang fokus kepada peluasan *Electronic Medical* Records (EMR) dan pembangunan Platform Digital Maklumat Kesihatan Bersepadu serta Teras Strategik 2 iaitu Memperkasakan Ekosistem Infrastruktur Berteraskan Teknologi Termaju yang fokus kepada pengukuhan infrastruktur dan adaptasi awan bagi menyokong data raya dan aplikasi.

Pendigitalan kesihatan merupakan langkah reformasi kesihatan penting yang diperuntukkan perbelanjaan besar dalam RMK13 dengan matlamat utama untuk memastikan rakyat mendapat akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik, inklusif, dan mampan. Rangka kerja RMK13 adalah seperti di **RAJAH 3-5**.





**RAJAH 3-5: RANGKA KERJA RMK13**

### 3.4.4 Penjajaran Pelan Strategik KKM 2026–2030 kepada PSP KKM 2026–2030

Pelan Strategik (PS) KKM 2026–2030 merupakan asas transformasi kesihatan negara bagi tempoh 15 tahun (2025–2040). PS KKM 2026–2030 turut menyokong dasar-dasar di peringkat antarabangsa seperti (SDG dan UHC, One Health ASEAN, Planetary Health) dan nasional (Malaysia MADANI, Kertas Putih Kesihatan, Ageing Blueprint). Pelan ini turut memberi penekanan kepada pendekatan *whole-of-government, whole-of-society* dan *whole-of-nation* (merentas kementerian dan agensi dan sektor awam-swasta) dalam perancangan pelan tindakan untuk tempoh lima (5) tahun akan datang.

Penjajaran Pelan Strategik KKM 2026–2030 kepada PSP KKM 2026–2030 ditunjukkan seperti di **RAJAH 3-6**.





**RAJAH 3-6: PENJAJARAN PELAN STRATEGIK KKM 2026–2030 KEPADA PSP KKM 2026–2030**

### 3.4.5 Penjajaran Teras Strategik PSP KKM Kepada Rancangan Pendigitalan Sektor Awam (RPSA) 2026-2030

Matlamat Rancangan Pendigitalan Sektor Awam (RPSA) 2026-2030 adalah untuk memastikan kesinambungan transformasi digital kerajaan dan menyokong aspirasi nasional seperti RMK13 dan Malaysia MADANI. RPSA 2026–2030 akan menjadi panduan bagi semua Kementerian dan agensi untuk pelaksanaan projek pendigitalan. Visi RPSA 2026-2030 adalah Rakyat Pintar Digital manakala tema RPSA 2026–2030 adalah Paduan Dinamik Keseluruhan Kerajaan. Lima (5) prinsip utama RPSA adalah Keseluruhan Kerajaan EA (WOG EA), Rekabentuk Berteraskan Keselamatan, Prinsip Sekali Sehaja, Pengalaman Rakyat dan Tanggungjawab Bersama. RPSA 2026–2030 meliputi lima (5) teras strategik, 18 strategi dan 45 program.

Penjajaran Teras Strategik PSP KKM 2026–2030 kepada Rancangan Pendigitalan Sektor Awam Malaysia 2026–2030 ditunjukkan seperti di **RAJAH 3-7**.




**RAJAH 3-7: PENJAJARAN TERAS STRATEGIK PSP KKM 2026–2030 KEPADA RANCANGAN PENDIGITALAN SEKTOR AWAM MALAYSIA 2026–2030**

## 3.5 STRATEGI DAN PROGRAM PENDIGITALAN

Empat (4) teras pendigitalan telah dikenal pasti yang melibatkan sebanyak 15 strategi, 31 program serta 35 subprogram. Secara lebih terperinci, strategi dan program pendigitalan, tahun sasaran pelaksanaan, pemilik dan keutamaan program mengikut teras strategik pendigitalan telah diringkaskan seperti di **JADUAL 3-1** bagi Teras 1, **JADUAL 3-2** bagi Teras 2, **JADUAL 3-3** bagi Teras 3 dan **JADUAL 3-4** bagi Teras 4. Manakala Jadual Pelan Tindakan Pendigitalan PSP KKM secara terperinci mengikut Teras Strategik Pendigitalan ialah seperti di **LAMPIRAN 1**.



**TERAS 1:**
**MEMPERKASAKAN APLIKASI KESIHATAN DIGITAL BERSEPADU**

**JADUAL 3-1: STRATEGI, PROGRAM, TAHUN SASARAN PELAKSANAAN DAN PEMILIK PROGRAM BAGI TERAS 1**

**Strategi 1: Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Digital yang Inklusif dan Mampan**

| **Program 1: Pelaksanaan Aplikasi EMR Yang Tangkas dan Menyeluruh** | |
|---|---|
| **Objektif:**<br>1. Mendigitalkan perkhidmatan kesihatan di semua fasiliti kesihatan. Pelaksanaan EMR sedia guna secara berfasa dengan skala yang besar, kecepatan yang tinggi, dan kos yang rendah, bertujuan untuk mencapai impak yang maksimum dalam transformasi penjagaan Kesihatan;<br>2. Memastikan sistem kesihatan digital mampu saling kebolehkendalian dengan keperluan data standard bagi perkongsian ringkasan rekod pesakit antara fasiliti kesihatan. Ini bertujuan untuk memastikan kemudahan aliran data antara hospital dan klinik, sama ada awam mahupun swasta; dan<br>**3.** Meningkatkan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI-Artificial Intelligence) dan pembelajaran mesin (ML-Machine Learning)) bagi klinikal (clinical decision support), analisis prediktif (predictive analysis) dan *precision public health*. | |
| **Subprogram (SP), Fungsi dan Skop** | **Tahun Sasaran dan Pemilik** |
| **SP1: Peluasan Total Hospital Information System (THIS) di Hospital**<br><br>**Skop:**<br>1. Perkhidmatan langganan THIS melibatkan hospital yang masih tidak mempunyai sistem EMR. Perancangan:<br>- NOC : 16 buah hospital (2026)<br>- RMK13 RP1 : 26 buah hospital (2027) | Jan 2026 – Dis 2029<br>Bahagian Kesihatan Digital |

| Program 1: Pelaksanaan Aplikasi EMR Yang Tangkas dan Menyeluruh | |
|---|---|
| - RMK13 RP2 : 44 buah hospital (2028)<br>- RMK13 RP3 : 49 buah hospital (2029)<br>1. Pembekalan perkakasan ICT THIS dan naik taraf rangkaian di hospital<br>2. Pelaksanaan kerja-kerja berkaitan *Security Posture Assessment* (SPA)<br>3. Migrasi data dari sistem sedia ada ke sistem baru<br>4. Integrasi THIS dengan sistem dalaman dan luaran | |
| **SP2: Peluasan Cloud Based Clinic Management System (CCMS) di Fasiliti Kesihatan Primer**<br><br>**Skop:**<br>1. Perkhidmatan langganan CCMS melibatkan fasiliti kesihatan primer yang masih tidak mempunyai sistem EMR.<br>2. Pembekalan perkakasan ICT CCMS dan naik taraf rangkaian di fasiliti kesihatan primer<br>3. Migrasi data dari sistem sedia ada ke sistem baru<br>4. Integrasi CCMS dengan sistem dalaman dan luaran<br>5. Peluasan perkhidmatan konsultasi maya kepada semua fasiliti KKM di kawasan pedalaman (Klinik Desa (KD), Klinik Ibu dan Anak (KKIA) dan Klinik Komuniti) | 2026 – 2028<br>Bahagian Kesihatan Digital |
| **SP3: Peluasan Dental Information System (DIS) di Fasiliti Kesihatan Pergigian**<br><br>**Skop:**<br>1. Peluasan sistem ke klinik pergigian yang tidak menggunakan DIS.<br>2. Latihan peluasan kepada pengguna.<br>3. Peluasan perkakasan/infrastruktur bagi menyokong pendigitalan di klinik pergigian.<br>4. Peluasan penggunaan perkakasan *Internet of Things* (IoT) dalam pemberian perkhidmatan pergigian.<br>5. Pelaksanaan kerja-kerja berkaitan *Security Posture Assessment* (SPA)<br>6. Peluasan penggunaan DIS di program outreach<br>7. Integrasi DIS dengan sistem dalaman dan luaran | 2027 – 2029<br>Program Kesihatan Pergigian |

| Program 2: Naik Taraf Aplikasi EMR Yang Kukuh dan Komprehensif |
|---|
| **Objektif:**<br>1. Penambahbaikan dan naik taraf aplikasi EMR sedia ada; dan<br>2. Meningkatkan kebolehcapaian dan mobiliti aplikasi EMR. |

| Program 2: Naik Taraf Aplikasi EMR Yang Kukuh dan Komprehensif | |
|---|---|
| **Sistem, Fungsi dan Skop** | **Tahun Sasaran dan Pemilik** |
| **1. Naik Taraf Aplikasi Dental Information System (DIS) Di Fasiliti Kesihatan Pergigian**<br><br>**Skop:**<br>1. Pelaksanaan penambahbaikan aplikasi mengikut keperluan dan teknologi terkini<br>2. Pelaksanaan kerja-kerja integrasi dengan sistem lain yang diperlukan<br>3. Latihan berkenaan teknologi baru dan pemantapan kemahiran sedia ada kepada ahli pasukan pembangun sistem<br>4. Langganan perisian analitik dan *generative* AI bagi membantu pembangunan sistem<br>5. Pembangunan aplikasi mudah alih DIS<br>6. Memenuhi keperluan perkakasan pasukan pembangun sistem mengikut fungsi yang akan dibangunkan | Jan 2026 – Dis 2030<br>Program Kesihatan Pergigian |
| **Objektif/Fungsi:**<br>1. Memperkasa penggunaan analitik data raya kesihatan melalui ekosistem pengkomputeran awan dengan penyediaan perkhidmatan analitik data raya yang menyeluruh untuk meningkatkan kualiti penyelidikan, dasar kesihatan, rawatan klinikal serta keberkesanan pengurusan Kesihatan;<br>2. Memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan kepintaran data dalam meningkatkan perkhidmatan kesihatan dalam dan luar bandar bagi tujuan diagnostik, rawatan peribadi (precision medicine), penyelidikan kesihatan, dan perancangan dasar, dengan menekankan aspek etika serta keselamatan data;<br>3. Meningkatkan akses dan proses rawatan melalui aplikasi kesihatan pintar yang dapat digunakan dalam perkhidmatan klinikal, operasi kesihatan awam dan sokongan pentadbiran;<br>4. Menyediakan platform penyelidikan bersepadu dan selamat (Trusted Research Environment) yang membolehkan kolaborasi, perkongsian data serta *federated analytics*; dan<br>5. Menyokong proses membuat keputusan berasaskan data dengan penyediaan dashboard *descriptive analytics* dan *GenAI-driven insights* untuk pemantauan prestasi perkhidmatan, pembuatan dasar kesihatan dan pengurusan kesihatan. | |
| **Subprogram (SP), Fungsi dan Skop** | **Tahun Sasaran dan Pemilik** |
| **SP1: Peningkatan Ekosistem Analitik Data Raya Kesihatan (Big Data Analytics)** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **1. Peningkatan Ekosistem Big Data Analytics (Research) NIH**<br><br>**Skop:**<br>1. Langganan Perkhidmatan Awan (Infrastructure-as-a-Service (IaaS), Platform-as-a-Service (PaaS) dan Software-as-a-Service (SaaS))<br>2. Perkhidmatan Profesional<br>*3. Manage Services* | Jan 2026 – Jan 2028<br>Institut Kesihatan Negara |
| **2. Pembangunan Platform Trusted Research Environment (TRE)**<br><br>**Skop:**<br>1. Langganan perkhidmatan pengkomputeran awan *Cloud Service Provider CSP* (Cloud Framework Agreement, CFA) yang terdiri daripada | Jan 2026 – Dis 2030<br>Institut Kesihatan Negara |

| Program 2: Pemanfaatan AI dan Data Raya Dalam Perkhidmatan Pengurusan Kesihatan | |
|---|---|
| Infrastructure-as-a-Service (IaaS),<br>Platform-as-a-Service (PaaS) dan,<br>Software-as-a-Service (SaaS)<br>2. Perkhidmatan Professional yang meliputi Pembangunan TRE bagi modul *Data Ingestion*, *Data Integration*, *Data Curation*, *Data Processing and Compute*, *Data Consumption*, latihan dan dokumentasi | |
| **3. Pembangunan Platform for Research Insight and Strategic Management (PRISM)**<br><br>**Skop:**<br>1. Langganan perkhidmatan pengkomputeran awan *Cloud Service Provider* (CFA) yang terdiri daripada *Infrastructure-as-a-Service* (IaaS), *Platform-as-a-Service* (PaaS) dan *Software-as-a-Service* (SaaS)<br>2. Perkhidmatan Professional yang meliputi Pembangunan PRISM bagi modul *Data Ingestion*, *Data Integration*, *Data Curation*, *Data Processing and Compute*, *Data Consumption*, latihan dan dokumentasi | Jan 2026 – Dis 2030<br>Institut Kesihatan Negara |
| **4. Pembangunan Platform MyGenom**<br><br>**Skop:**<br>Langganan perkhidmatan pengkomputeran awan *Cloud Service Provider* (CFA) yang terdiri daripada *Infrastructure-as-a-Service* (IaaS), *Platform-as-a-Service* (PaaS) dan *Software-as-a-Service* (SaaS); *Professional Services*; *Managed Services* dan *Hybrid Cloud Solutions* | Nov 2026 – Dis 2030<br>Institut Kesihatan Negara |
| **5. Pembangunan Clinical Registry Hub**<br><br>**Skop:**<br>Sandbox pembangunan ekosistem registri klinikal menggunakan aplikasi RedCap/Clarum | Jan 2026 – Dis 2030<br>Institut Kesihatan Negara |
| **6. Pembangunan Large Language Model (LLM) Kesihatan**<br><br>**Skop:**<br>1. Pembangunan *Large Language Model* (LLM) Kesihatan<br>2. Pembangunan aplikasi menggunakan LLM Kesihatan | Jan 2026 – Dis 2028<br>Bahagian Perancangan |
| **7. Pembangunan Pusat Kawalan KKM (MOH Command Centre) - Penganalisaan dan Penjanaan Laporan/Data Kesihatan Secara Masa Nyata** | Jan 2026 – Dis 2029<br>Bahagian Kesihatan Digital |

| Program 2: Pemanfaatan AI dan Data Raya Dalam Perkhidmatan Pengurusan Kesihatan | |
|---|---|
| **Skop**<br><br>1. Memuktamadkan set data: waktu menunggu (definisi indikator, sumber data, kaedah kemas kini).<br>2. Memuktamadkan set data: kecekapan pungutan hasil fasiliti (definisi indikator, sumber data, kaedah kemas kini).<br>3. Membangunkan papan pemuka pengurusan tertinggi bagi indikator teras sumber manusia, kecekapan perkhidmatan dan beban penyakit.<br>4. Mengintegrasi sumber data tambahan (cth: MyHDW dan EMR) serta memperkukuh automasi aliran data dan tadbir urus<br>5. Memperluas liputan indikator merentas skim/profesion dan paparan berkepentingan (termasuk rakyat) mengikut dasar akses, privasi dan keselamatan | |
| **SP2: Pembangunan Image Processing System (IPS) untuk Pembangunan AI Kesihatan** | **Jan 2026 – Dis 2030** |
| **1. Platform Repositori Imej Perubatan Bersepadu**<br><br>**Skop:**<br>1. Menyediakan infrastruktur pemprosesan dan pengurusan imej perubatan peringkat nasional<br>2. Anonimasi dan Kawalan Kualiti Data<br>3. Platform penglabelan imej termasuk Anotasi dan Segmentasi<br>4. Penubuhan Pusat Komuniti AI (AICC)<br>5. Platform sokongan bagi Pembelajaran Bersekutu (Federated Learning) | Jan 2026 – Dis 2030<br>Institut Kesihatan Negara |
| **SP3: Pembangunan Aplikasi Berteraskan AI** | **Jan 2026 – Jun 2029** |
| **1. e-Pemantauan Iklan Perubatan Berasaskan AI**<br><br>**Skop:**<br>1. Pembangunan Sistem e-Pemantauan Iklan Perubatan Berasaskan AI<br>2. Perolehan Perisian ICT<br>3. Perkhidmatan ICT<br>4. Perkhidmatan pengkomputeran awan | Jul 2026 – Jun 2029<br>Program Perkhidmatan Farmasi |
| **2. Sistem ImpactWise AI**<br><br>**Skop:**<br>1. Pembangunan sistem menggunakan pendekatan *modular architecture* yang menggunakan Python, FastAPI, Django dan database menggunakan MySQL | Jan 2026 – Dis 2027<br>Health Performance Unit |

| Program 2: Pemanfaatan AI dan Data Raya Dalam Perkhidmatan Pengurusan Kesihatan | |
|---|---|
| 2. Pemantapan AI akan menggunakan sistem menilai tahap penerimaan pengguna dan meningkatkan model keupayaan cadangan seterusnya<br>3. Pembelajaran berasaskan data *user engagement* dan prestasi lapangan | |
| **3. Pembangunan Model Prediktif Penyakit Berasaskan AI (Model ramalan penyakit) – PH AI For Population Health**<br><br>**Skop:**<br>1. Memuktamadkan set data melalui MySJ menggunakan sumber sedia ada serta membangunkan kamus data dan pipeline data automatik<br>2. Membangunkan prototaip model risiko/ramalan untuk penyakit tidak berjangkit (NCD) terpilih berdasarkan set data tersebut.<br>3. Melaksanakan penilaian prestasi model, validasi klinikal dan penambahbaikan berterusan bersama pihak berkaitan<br>4. Menyediakan papan pemuka analitik ramalan untuk menyokong pencegahan, perancangan dan pengoptimuman sumber serta perluasan *use case* secara berfasa melalui MySJ | Jan 2026 – Dis 2030<br>Bahagian Kesihatan Digital |
| **4. Pembangunan AI *Clinical Decision Support***<br><br>**Skop:**<br>1. Mengumpul dan menganalisis data klinikal bagi use case terpilih<br>2. Membangunkan prototaip AI *Clinical Decision Support* (CDS)<br>3. Membangunkan platform CDS berasaskan AI dan integrasi dengan EMR sedia ada (pilot di fasiliti terpilih)<br>4. Latihan pengguna, pemantauan keberkesanan dan perluasan pelaksanaan secara berfasa | Jan 2026 – Dis 2030<br>Bahagian Kesihatan Digital |



## TERAS 2:
## MEMPERKASAKAN EKOSISTEM INFRASTRUKTUR BERTERASKAN TEKNOLOGI TERMAJU

### JADUAL 3-2: STRATEGI, PROGRAM, TAHUN SASARAN PELAKSANAAN DAN PEMILIK PROGRAM BAGI TERAS 2

**Strategi 1: Pengukuhan Pengurusan Teknikal dan Keperluan Perkakasan ICT**

| **Program 1: Pengurusan Perolehan dan Ketersediaan ICT** | |
|---|---|
| **Objektif**<br>1. Menjamin perolehan yang telus dan patuh prosedur;<br>2. Meningkatkan inovasi dan transformasi digital; dan<br>3. Memastikan perolehan ICT dilakukan secara seragam, berstandard dan patuh kepada spesifikasi yang diluluskan. | |
| **Subprogram (SP), Fungsi dan Skop** | **Tahun Sasaran dan Pemilik** |
| **SP1: Penyeragaman Proses Perolehan Perkakasan dan Perisian ICT**<br><br>**Skop:**<br>1. Penyediaan katalog standard perkakasan dan perisian ICT | Feb 2026 – Dis 2026<br>● Bahagian Pengurusan Maklumat |
| **SP2: Pelaksanaan Perolehan dan Penggantian Perkakasan dan Perisian ICT**<br><br>**Skop:**<br>1. Penggantian perkakasan dan perisian ICT secara sewaan di IPKKM Fasa 1<br>2. Penggantian perkakasan dan perisian ICT secara sewaan di IPKKM Fasa 2<br>3. Penggantian perkakasan dan perisian ICT secara sewaan di IPKKM Fasa 3<br>4. Penggantian perkakasan komputer dan perisian ICT secara sewaan di 16 buah JKN<br>5. Pelaksanaan sewaan komputer desktop, komputer riba dan pencetak di Institut Kesihatan Negara (NIH)<br>6. Perolehan perkakasan ICT bagi menyokong pembangunan dan naik taraf sistem sokongan EMR seperti berikut di HKL:<br>● Radiology Information System (RIS) dan Picture Archiving and Communication System (PACS)<br>● Forensic Information System (FRIS)<br>● Oncology Information System (OIS)<br>● Naik taraf Critical Care Information System (CCIS) | Mac 2027 – Dis 2030<br>● Bahagian Pengurusan Maklumat (K)<br>● Bahagian Pengurusan Latihan<br>● Institut Kesihatan Negara<br>● Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga<br>● Bahagian Kesihatan Digital<br>● Jabatan Kesihatan Negeri<br>● Hospital Kuala Lumpur |

| Program 1: Pengurusan Perolehan dan Ketersediaan ICT | |
|---|---|
| 7. Perolehan perkakasan ICT bagi menyokong pelaksanaan EMR di fasiliti kesihatan<br>8. Perolehan Perkakasan ICT untuk Radiology Information System (RIS) dan Picture Archiving and Communication System (PACS) di 69 Klinik Kesihatan di Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, WPKL & Putrajaya<br>9. Penggantian perkakasan komputer secara sewaan untuk 19 ILKKM | |
| **SP3: Pengukuhan Pengurusan dan Perolehan Perkakasan dan Perisian ICT Secara Sistematik dan Bersepadu**<br><br>**Skop:**<br>Menyediakan dokumen *need statement* perolehan aset ICT ke arah perolehan secara konsesi | Jun 2026 – Jun 2027<br>● Bahagian Pengurusan Maklumat (K)<br>● Jabatan Kesihatan Negeri<br>● Fasiliti kesihatan |

**Strategi 2: Pemerkasaan Perkhidmatan Rangkaian dan Komunikasi Digital Bersepadu**

| Program 1: Pemerkasaan Liputan, Prestasi dan Kestabilan Infrastruktur Rangkaian | |
|---|---|
| **Objektif**<br>1. Memantapkan infrastruktur rangkaian bagi menyokong teknologi semasa; dan<br>2. Memantau prestasi rangkaian sesuai dengan keperluan sistem semasa. | |
| **Subprogram (SP), Fungsi dan Skop** | **Tahun Sasaran dan Pemilik** |
| **SP1: Pengukuhan dan Kestabilan Capaian**<br><br>**Skop**<br><br>1. Pelaksanaan *Network Performance Assessment* (NPA) rangkaian di Hospital dan Klinik Kesihatan<br>2. Perolehan pengurusan infrastruktur rangkaian secara *Managed Services* bagi fasilti KKM<br>3. Perolehan/Naik taraf peralatan rangkaian | Ogos 2026 – Jun 2030<br>● Bahagian Pengurusan Maklumat (K)<br>● Bahagian Kesihatan Digital<br>● Institut Kesihatan Negara<br>● Program Kesihatan Pergigian<br>● Jabatan Kesihatan Negeri<br>● Fasiliti Kesihatan<br>● Bahagian Pengurusan Latihan |
| **SP2: Peningkatan Prestasi Capaian**<br><br>**Skop:**<br>Perolehan dan naik taraf perisian rangkaian | Jun 2027 – Jun 2030<br>● Bahagian Pengurusan Maklumat (K)<br>● Bahagian Kesihatan Digital<br>● Jabatan Kesihatan Negeri<br>● Fasiliti Kesihatan |
| **SP3: Pemerkasaan Liputan Capaian** | Jan 2027 – Dis 2029 |

| Program 1: Pemerkasaan Liputan, Prestasi dan Kestabilan Infrastruktur Rangkaian | |
|---|---|
| **Skop:**<br>1. Perolehan peralatan *broadband* bagi program *outreach* di Klinik Pergigian<br>2. Perolehan Naik taraf *wireless AP* di seluruh kompleks Institut Kesihatan Negara (NIH) dengan Wifi 7<br>3. Perolehan peralatan pemantauan trafik rangkaian di fasiliti KKM<br>4. Kajian capaian internet fasiliti di luar bandar bagi Sabah dan Sarawak<br>5. Peluasan liputan WiFi di Hospital dan Klinik Kesihatan | • Bahagian Pengurusan Maklumat<br>• Bahagian Kesihatan Digital<br>• Program Kesihatan Pergigian<br>• Institut Kesihatan Negara<br>• Jabatan Kesihatan Negeri Sabah<br>• Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak<br>• Fasiliti Kesihatan<br>• MCMC |

**Strategi 3: Pemodenan Infrastruktur Pusat Data dan Pemerkasaan Perkhidmatan Pengkomputeran Awam**

| Program 1: Pengukuhan Pusat Data dan Jaminan Kesinambungan Perkhidmatan | |
|---|---|
| 1. Memperkukuh pusat data dengan infrastruktur yang selamat, berskala dan mampu menjamin kesinambungan perkhidmatan ICT kritikal; dan<br>2. Memastikan ketersediaan infrastruktur yang kukuh bagi menyokong pembangunan serta pengoperasian sistem secara berterusan. | |
| **Subprogram (SP), Fungsi dan Skop** | **Tahun Sasaran dan Pemilik** |
| **SP1: Pengukuhan Sumber Kapasiti Pusat Data, Perkhidmatan Sokongan Pemulihan Bencana (DR) dan Ketersediaan Tinggi (HA)**<br><br>**Skop:**<br>1. Pembangunan SOP di pusat data dan unjuran keperluan kapasiti sistem di pusat data<br>2. Menyediakan infrastruktur DR/HA secara berfasa mengikut keperluan<br>3. Penyelarasan pelan pemulihan bencana (DRP) dan khidmat DR | Jan 2026 – Dis 2028<br>Bahagian Pengurusan Maklumat |

| Program 2: Adaptasi Teknologi Pengkomputeran Awan Dan Perkhidmatan Gunasama |
|---|
| 1. Mengadaptasi teknologi pengkomputeran awan dan perkhidmatan gunasama bagi meningkatkan kecekapan serta mengoptimumkan penggunaan sumber; dan<br>2. Menyediakan keupayaan teknologi baharu yang mudah, pantas dan berskala bagi menyokong keperluan infrastruktur yang tersedia. |

| Program 2: Adaptasi Teknologi Pengkomputeran Awan Dan Perkhidmatan Gunasama | |
|---|---|
| **Subprogram (SP), Fungsi dan Skop** | **Tahun Sasaran dan Pemilik** |
| **SP1: Penyediaan Keperluan Infrastruktur Melalui Pendekatan Teknologi Pengkomputeran Awan dan Perkhidmatan Gunasama**<br><br>**Skop:**<br>1. Pembangunan platform pengkomputeran awan persendirian bagi KKM<br>2. Penyelarasan projek baharu menggunakan pengkomputeran awan persendirian KKM<br>3. Penyelarasan projek dan keperluan teknologi baru KKM menggunakan perkhidmatan gunasama JDN<br>4. Pembangunan perkhidmatan KKMCloud@CFA<br>5. Pembangunan perkhidmatan Pangkalan Data Bersepadu | Jan 2026 – Dis 2030<br>Bahagian Pengurusan Maklumat |

**Strategi 4: Pemantauan dan Ketersediaan Pengoperasian Infrastruktur Yang Mampan**

| Program 1: Pengukuhan Kecekapan Operasi dan peningkatan Infrastruktur | |
|---|---|
| 1. Meningkatkan infrastruktur ICT yang selamat, berskala dan berdaya tahan bagi menyokong kesinambungan perkhidmatan serta pembangunan sistem Baharu; dan<br>2. Memperkukuh kecekapan operasi melalui proses kerja yang lebih sistematik, automasi dan penggunaan teknologi digital terkini. | |
| **Subprogram (SP), Fungsi dan Skop** | **Tahun Sasaran dan Pemilik** |
| **SP1: Memperkasa Mekanisme Kecekapan Operasi dan Ketersediaan Infrastruktur**<br><br>**Skop:**<br>1. Perolehan perkakasan dan perisian 3D Digital Printing Technology (3DDT) untuk di klinik pergigian<br>2. Perolehan perkakasan dan langganan perisian alat forensik digital bagi pengoperasian Makmal Siber Forensik Kesihatan Pergigian<br>3. Naik taraf infrastruktur ICT di IPKKM/Fasiliti | Jan 2027 – Dis 2029<br>• Bahagian Pengurusan Maklumat (K)<br>• Program Kesihatan Pergigian<br>• Jabatan Kesihatan Negeri<br>• Fasiliti Kesihatan |

| Program 2: Pengukuhan Keupayaan dan Kestabilan Capaian Infrastruktur |
|---|
| 1. Memperkukuh keupayaan infrastruktur ICT bagi memastikan prestasi yang cekap, selamat dan berskala;<br>2. Menjamin kestabilan capaian infrastruktur dengan tahap ketersediaan tinggi untuk menyokong kesinambungan perkhidmatan digital; dan |

| 3. Menjamin kualiti sistem aplikasi melalui pemantauan berterusan bagi meningkatkan kebolehpercayaan, dan keselamatan aplikasi serta keyakinan pengguna. | |
|---|---|
| **Subprogram (SP), Fungsi dan Skop** | **Tahun Sasaran dan Pemilik** |
| **SP1: Pemantauan Infrastruktur Dengan Berkesan**<br><br>**Skop:**<br>1. Perolehan platform pemantauan infrastruktur<br>2. Pewujudan *dashboard* yang merangkumi paparan prestasi secara keseluruhan | Jan 2026 – Dis 2029<br>Bahagian Pengurusan Maklumat |
| **SP2: Pemantauan Prestasi Aplikasi Secara Holistik**<br><br>**Skop:**<br>1. Pemilihan perisian yang memenuhi kefungsian teknologi aplikasi<br>2. Penyediaan platform pemantauan sistem aplikasi secara menyeluruh | Jan 2026 – Dis 2028<br>Bahagian Pengurusan Maklumat |

## TERAS 3: MEMPERKASAKAN KESELAMATAN DIGITAL SECARA HOLISTIK DAN ADAPTIF

### JADUAL 3-3: STRATEGI, PROGRAM, TAHUN SASARAN PELAKSANAAN DAN PEMILIK PROGRAM BAGI TERAS 3

**Strategi 1: Pengukuhan Ketahanan Kawalan Keselamatan Siber**

| **Program 1: Peningkatan Kawalan Keselamatan Siber Yang Holistik** | |
|---|---|
| **Objektif:**<br>Memperkukuh keselamatan siber dan mengurangkan risiko kebocoran data, serangan siber, dan kerentanan sistem dengan menggunakan perkhidmatan keselamatan yang berpusat, berlapis dan dikendalikan oleh pakar secara professional. | |
| **Subprogram (SP), Fungsi dan Skop** | **Tahun Sasaran dan Pemilik** |
| **SP1: Pengukuhan Kawalan Keselamatan Siber Terhadap Data, Infrastruktur dan Aplikasi**<br><br>**Skop:**<br>1. Perolehan *Managed Security Services* (MSS) bagi kawalan keselamatan ke atas infrastruktur ICT merangkumi | Jan 2027 – Dis 2030<br>Bahagian Pengurusan Maklumat |

| Program 1: Peningkatan Kawalan Keselamatan Siber Yang Holistik | |
|---|---|
| perkhidmatan SOC, kawalan peralatan *endpoints*, rangkaian, aplikasi, cloud dan data<br>2. Pemantauan ke atas keberkesanan Perkhidmatan *Managed Security Services* (MSS)<br>- *Preliminary Impact Report* (PIR)<br>- *Post Implementation Review Report* (PIRR) | |

**Strategi 2: Pemantapan Pematuhan Keselamatan Digital Secara Menyeluruh**

| Program 1: Memperkasa Dasar Pematuhan Keselamatan Siber | |
|---|---|
| **Objektif:**<br>Untuk memantapkan pematuhan ke atas arahan, piawaian, pekeliling dan polisi berkaitan keselamatan siber yang berkuat kuasa dengan membangunkan dokumen dan melaksana pengauditan. | |
| **Subprogram (SP), Fungsi dan Skop** | **Tahun Sasaran dan Pemilik** |
| **SP1: Pembangunan Dokumen Pematuhan Keselamatan Siber**<br><br>**Skop:**<br>1. Penyediaan Dokumen Garis Panduan Penilaian Risiko Keselamatan Terhadap Sistem ICT<br>2. Penyediaan Dokumen *Statement of Applicability* (SoA) Naziran Pengurusan Keselamatan Maklumat | Jan 2026 - Dis 2027<br>Bahagian Pengurusan Maklumat |
| **SP2: Pelaksanaan Audit Pematuhan Keselamatan Siber**<br><br>**Skop:**<br>1. Pelaksanaan Naziran Keselamatan Siber<br>2. Pemantapan Pasukan Naziran | Jan 2027 – Dis 2030<br>Bahagian Pengurusan Maklumat |

**Strategi 3: Peningkatan Keberkesanan Pemantauan dan Tadbir Urus Bagi Mematuhi Akta Keselamatan Siber**

| Program 1: Memperkasa Penguatkuasaan Fungsi Ketua Sektor NCII Perkhidmatan Jagaan Kesihatan |
|---|
| **Objektif:**<br>1. Memperkukuh struktur tadbir urus fungsi Ketua Sektor Perkhidmatan Jagaan Kesihatan melalui pengemaskinian dokumentasi dan pembangunan tatakelola yang jelas supaya penyelarasan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan cekap bagi memenuhi peruntukan di bawah Akta Keselamatan Siber 2024 (Akta 854); dan<br>2. Memastikan kewajipan dan tanggungjawab Ketua Sektor Perkhidmatan Jagaan kesihatan dan Entiti NCII dilaksanakan dan dipantau selaras dengan peruntukan di bawah Akta dan |

| Program 1: Memperkasa Penguatkuasaan Fungsi Ketua Sektor NCII Perkhidmatan Jagaan Kesihatan | |
|---|---|
| Arahan Ketua Eksekutif (KE) NACSA. | |
| **Subprogram (SP), Fungsi dan Skop** | **Tahun Sasaran dan Pemilik** |
| **SP1: Pemantapan Tatakelola Fungsi Ketua Sektor NCII**<br><br>**Skop:**<br>1. Pengemaskinian Dokumen Tataamalan (CoP) Ketua Sektor Perkhidmatan Jagaan Kesihatan<br>2. Pengwujudan Dokumen Tatakelola Fungsi Ketua Sektor | Jan 2028 – Dis 2029<br>Bahagian Pengurusan Maklumat |
| **SP2: Penyelarasan Fungsi Ketua Sektor NCII**<br><br>**Skop:**<br>1. Pelaksanaan Program Libat Urus Entiti NCII<br>2. Pembangunan Pelan Migrasi Teknologi Kerentanan Keselamatan *Post Quantum Cryptography* (PQC) ke atas Aplikasi Kritikal NCII<br>3. Pelaksanaan Program latihan dan Kesedaran Entiti NCII Sektor Awam<br>4. Pelaksanaan Penilaian Risiko Keselamatan NCII Sektor Awam | Jan 2026 – Dis 2030<br>Bahagian Pengurusan Maklumat |

## TERAS 4:
## MEMPERHEBAT TATAKELOLA DAN KEPIMPINAN DIGITAL

### JADUAL 3-4: STRATEGI, PROGRAM, TAHUN SASARAN PELAKSANAAN DAN PEMILIK PROGRAM BAGI TERAS 4

**Strategi 1: Pemantapan Dasar dan Pematuhan Tatakelola Kesihatan Digital**

| Program 1: Pemantapan Dasar Kesihatan Digital |
|---|
| **Objektif:**<br>1. Memastikan tadbir urus yang mantap;<br>2. Meningkatkan keberhasilan projek, keberkesanan pemantauan dan pelaporan;<br>3. Mengawal risiko dan kepatuhan;<br>4. Mengoptimumkan sumber dan kos; dan<br>5. Mengukuhkan integriti dan ketelusan. |

| Program 1: Pemantapan Dasar Kesihatan Digital | |
|---|---|
| **SP1: Pembangunan Baharu dan Kemaskini Polisi Digital**<br><br>**Skop:**<br>**<u>Pembangunan Polisi Baharu</u>**<br>1. Akta Kesihatan Digital (BKD)<br>2. *Standard Interoperability Data* KKM Mengikut Standard Yang Akan Ditetapkan Oleh Jawatankuasa Informatik Kebangsaan (BP)<br>3. Garis Panduan Perkongsian Data KKM berdasarkan Akta Perkongsian Data, Dasar Perkongsian Data Sektor Awam atau yang telah ditetapkan oleh KKM (BP)<br>4. Pelan Pengurusan Perubahan KKM Yang Tersusun Untuk Menyokong Pelaksanaan EMR (BKD)<br>5. Pembangunan Pelan Pemulihan Bencana KKM (DRP) (BPM)<br>6. Garis Panduan Adaptasi Kecerdasan Buatan (AI) dan *Emerging Technologies* KKM (BPM)<br>7. Garis Panduan Persetujuan Pemprosesan Data Kesihatan (BP)<br>8. SOP Hebahan Maklumat Melalui Media Sosial (UKK)<br>9. SOP Pembangunan Sistem Aplikasi di KKM (BPM)<br>10. SOP Infrastruktur ICT (BPM) – Pusat Data dan *Cloud*<br><br>**<u>Penambahbaikan Polisi</u>**<br>1. Polisi Keselamatan Siber KKM - MFA, Encryption, Tokenization (BPM)<br>2. Garis Panduan Spesifikasi Peralatan Rangkaian (BPM)<br>3. Garis Panduan Penyelenggaraan ICT (BPM)<br>4. Pelan Pemantauan Dan Naziran Berkaitan Pematuhan Dasar dan Operasi Keselamatan ICT atau Mekanisma Penguatkuasaan yang lain (BPM) | <u>Jan 2026 – Dis 2030</u><br>• Bahagian Pengurusan Maklumat<br>• Bahagian Kesihatan Digital<br>• Bahagian Perancangan<br>• Unit Komunikasi Korporat |
| **SP2: Pembangunan Rangka Kerja Digital**<br><br>**Skop:**<br>1. Pembangunan Rangka Kerja Interoperabiliti Data Kesihatan KKM Komprehensif (BKD)<br>2. Mewujudkan pasukan khas berkaitan teknologi integrasi bagi memberi khidmat nasihat, pemindahan teknologi (TOT), *coaching* dan sebagainya (BKD) | <u>Dis 2026 – Dis 2028</u><br>Bahagian Kesihatan Digital |

| Program 2: Pengukuhan Tatakelola dan Pemantauan Pelaksanaan Projek Pendigitalan |
|---|
| **Objektif:**<br>1. Memastikan pematuhan kepada dasar dan garis panduan;<br>2. Mengoptimumkan penggunaan sumber;<br>3. Meningkatkan kecekapan pelaksanaan dan pemantauan; dan<br>4. Meningkatkan ketelusan, akauntabiliti, keterangkuman dan keberkesanan projek Pendigitalan. |

| Program 2: Pengukuhan Tatakelola dan Pemantauan Pelaksanaan Projek Pendigitalan | |
|---|---|
| 3. Meningkatkan kecekapan pelaksanaan dan pemantauan; dan<br>4. Meningkatkan ketelusan, akauntabiliti, keterangkuman dan keberkesanan projek Pendigitalan. | |
| **Subprogram (SP), Fungsi dan Skop** | **Tahun Sasaran dan Pemilik** |
| **SP1: Pematuhan Polisi Digital**<br><br>**Skop:**<br>1. Kuatkuasa pematuhan polisi ICT<br>2. Pemantauan dan naziran pematuhan polisi ICT | Jan 2026 – Dis 2030<br>• Bahagian Pengurusan Maklumat<br>• Bahagian Kesihatan Digital<br>• Bahagian Perancangan<br>• Unit Komunikasi Korporat |
| **SP2: Pengukuhan Tatakelola Pengurusan Digital**<br><br>**Skop:**<br>1. Pemerkasaan Jawatankuasa Teknikal ICT (BPM)<br>2. Pemerkasaan Jawatankuasa Pemantauan Projek ICT (DE dan OE) (BPM)<br>3. Pemerkasaan Tadbir Urus Pelaksanaan EMR (BKD)<br>a. Jawatankuasa Pemandu EMR<br>b. Jawatankuasa TeknikalEMR<br>c. Jawatankuasa Pelaksana EMR | Jan 2026 – Dis 2030<br>• Bahagian Pengurusan Maklumat<br>• Bahagian Kesihatan Digital |

**Strategi 2: Pengukuhan Organisasi dan Tatakelola Digital Kementerian**

| Program 1: Pengukuhan Kapasiti Organisasi dan Perkhidmatan Digital | |
|---|---|
| **Objektif:**<br>1. Memastikan struktur tadbir urus digital yang jelas dan berakauntabiliti;<br>2. Meningkatkan keupayaan modal insan; dan<br>3. Membangunkan budaya organisasi yang inovatif. | |
| **Subprogram (SP), Fungsi dan Skop** | **Tahun Sasaran dan Pemilik** |
| **SP1: Pelaksanaan Peningkatan Perjawatan dan Kerjaya Personel ICT Serta SME Perkhidmatan Digital**<br><br>**Skop:**<br>1. Mewujudkan pemetaan bagi perjawatan ICT di KKM (BSM)<br>2. Penstrukturan semula perjawatan ICT bagi mengelakkan kebergantungan kepada pegawai kontrak/pegawai MySTEP (BSM)<br>3. Wujudkan pelan pembangunan bakat dan SME teknikal untuk kesinambungan jangka panjang (BSM) | Jun 2027 – Dis 2030<br>• Bahagian Sumber Manusia<br>• Bahagian Pembangunan Kompetensi |

| Program 1: Pengukuhan Kapasiti Organisasi dan Perkhidmatan Digital | |
|---|---|
| 4. Penyediaan *road map* yang jelas bagi meningkatkan kemahiran dan laluan kerjaya (*career path*) ICT KKM (BSM)<br>5. Wujudkan kumpulan bakat digital dan meningkatkan kompetensi di kalangan petugas kesihatan (BPK) | |

| Program 2: Pemantapan Perkhidmatan Kesihatan Melalui Pendekatan Enterprise Architecture (EA) | |
|---|---|
| **Objektif:**<br>1. Menyelaras strategi organisasi dan teknologi melalui EA;<br>2. Mewujudkan kerangka kerja digital yang bersepadu; dan<br>3. Mengurangkan duplikasi fungsi sistem dengan menyelaraskan platform serta infrastruktur ICT. | |
| **Subprogram (SP), Fungsi dan Skop** | **Tahun Sasaran dan Pemilik** |
| **SP1: Pengukuhan Tadbir Urus EA Perkhidmatan Kesihatan Digital**<br><br>**Skop:**<br>1. Membangunkan tadbir urus EA KKM<br>2. Melaksanakan kajian skop pembangunan EA KKM | Jan 2026 – Mei 2026<br>Bahagian Pengurusan Maklumat |
| **SP2: Pembangunan Rangka Kerja EA Perkhidmatan Kesihatan Digital**<br><br>**Skop:**<br>1. Mendapat kelulusan teknikal<br>2. Melaksanakan perolehan<br>3. Membangunkan Rangka Kerja EA KKM<br>4. Membangunkan Rangka Kerja EA NIH untuk penyelidikan | Jun 2026 – Mei 2028<br>• Bahagian Pengurusan Maklumat<br>• Institut Kesihatan Negara |

### Strategi 3: Pemantapan Kompetensi ICT dan Pembudayaan Persekitaran Digital

| Program 1: Pengukuhan Kemahiran dan Kesedaran Digital | |
|---|---|
| **Skop:**<br>1. Mewujudkan Pelan Latihan Kompetensi Digital yang komprehensif di peringkat kementerian<br>2. Melaksanakan kajian keperluan menyeluruh berkaitan keperluan dan keberkesanan latihan ICT<br>3. Berkolaborasi dengan institusi pendidikan dan industri untuk bersama-sama membangunkan kurikulum yang relevan dan memanfaatkan kepakaran luar<br>4. Melaksanakan kajian impak terhadap penawaran dan permintaan bagi kursus yang diperlukan | **Jan 2026 – Dis 2030**<br>Bahagian Pembangunan Kompetensi |

| Program 2: Pemantapan Kemahiran Teknikal ICT dan Aplikasi | |
|---|---|
| **Skop:**<br>1. Mengadakan latihan/ kursus/pembelajaran kemahiran teknikal ICT dan aplikasi termasuk keselamatan siber yang berterusan, terancang dan sistematik bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran<br>2. Sesi TOT, perkongsian pintar dan perkongsian pakar<br>3. Peningkatan kapasiti dan literasi digital secara *hands-on*, latihan berkala dan bengkel pemahaman standard ICT kesihatan<br>4. Pensijilan Profesional ICT | **Jan 2026 – Dis 2030**<br>• Bahagian Pengurusan Maklumat<br>• Bahagian Pembangunan Kompetensi |

| Program 3: Peningkatan Kesedaran dan Pembudayaan Digital | |
|---|---|
| **Skop:**<br>Meningkatkan hebahan/program/kempen kesedaran pembudayaan digital | **Jan 2026 – Dis 2030**<br>• Bahagian Pengurusan Maklumat<br>• Bahagian Pembangunan Kompetensi |

**Strategi 4: Peningkatan Keupayaan Kepimpinan Digital**

| Program 1: Pemantapan Pengurusan Perubahan Kepimpinan Digital | |
|---|---|
| **Skop:**<br>1. Meningkatkan penglibatan pemimpin atasan dalam inisiatif digital dengan mengadakan sesi kesedaran dan bengkel strategik untuk memastikan pemilikan (*ownership*) projek ICT di peringkat tertinggi<br>2. *Town Hall Session*: Menghubungkan pemimpin dengan pakar industri yang berpengalaman/berkepakaran dalam memacu transformasi digital bagi pertukaran idea, maklum balas dan saranan yang boleh dilaksanakan | **Jan 2027 – Dis 2030**<br>Bahagian Pembangunan Kompetensi |

| Program 2: Pengukuhan Program Kolaborasi dan Inovasi Digital Strategik | |
|---|---|
| **Skop:**<br>1. Mengadakan sesi libat urus secara berkala dengan pemain industri teknikal ICT bagi membina *networking*<br>2. Meningkatkan penggunaan teknologi inovatif dengan menggalakkan eksplorasi dan implementasi AI, Big Data, Blockchain, pembelajaran mesin (ML) dan *Emerging Technologies*<br>3. Pendekatan Perkongsian Pintar (Smart Sharing) antara agensi dan kementerian untuk aplikasi yang telah berjaya pelaksanaan<br>4. Menggalakkan penyertaan dalam pertandingan inovasi digital di pelbagai peringkat<br>5. Mengiktirafkan inovasi digital seperti produk, perkhidmatan, proses kerja dan teknologi yang berjaya meraih anugerah dan pengiktirafan di pelbagai peringkat | **Jan 2026 – Dis 2030**<br>• Bahagian Pengurusan Maklumat<br>• Bahagian Khidmat Pengurusan |

## 3.6 RUMUSAN

Pelan Strategik Pendigitalan KKM merupakan dokumen yang mengandungi perancangan program pendigitalan organisasi secara menyeluruh sejajar dengan hala tuju KKM. Pelan ini akan menjadi rujukan dalam pelaksanaan program pendigitalan KKM untuk tahun 2026 hingga tahun 2030.

Secara kesimpulannya, sebanyak 15 strategi dan 31 program serta 35 subprogram pendigitalan telah dikenal pasti sebagai strategi utama dalam pengukuhan pelaksanaan pendigitalan KKM. Penerangan lebih terperinci bagi setiap strategi dan program tersebut dihuraikan dalam **Bab 4** hingga **Bab 7** selanjutnya.

# 4

**BAB 4: TERAS 1 – MEMPERKASAKAN APLIKASI KESIHATAN DIGITAL BERSEPADU**


| | | |
|---|---|---|
| 4.1 | Pengenalan | 4-1 |
| 4.2 | Strategi 1: Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Digital yang Inklusif dan Mampan | 4-3 |
| 4.3 | Strategi 2: Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Digital Bersepadu dan Responsif | 4-14 |
| 4.4 | Strategi 3: Pemantapan Pengurusan dan Sokongan Perkhidmatan Kesihatan Menyeluruh | 4-21 |
| 4.5 | Strategi 4: Pemerkasaan Infostruktur Perkhidmatan Kesihatan | 4-39 |
| 4.6 | Rumusan | 4-51 |

## 4.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang Teras Strategik 1 — Pengukuhan Aplikasi Digital Kesihatan Bersepadu. Tiga (3) objektif teras strategik ini adalah seperti berikut:

(a) Objektif pertama: Untuk membangun, menaik taraf, dan mengintegrasikan aplikasi kesihatan seperti EMR, sistem pengurusan perkhidmatan kesihatan, portal, repositori, dan aplikasi mudah alih bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan digital yang menyeluruh, inklusif, efektif, dan responsif;

(b) Objektif kedua: Untuk memperluas penggunaan platform digital bersepadu untuk menyokong sokongan fungsian, pemodenan perkhidmatan, serta memudahkan perkongsian dan akses maklumat kesihatan secara selamat dan cekap; dan

(c) Objektif ketiga: Untuk menyelaras, menyeragam dan mengoptimumkan pelaksanaan aplikasi pengurusan dan sokongan kesihatan di peringkat ibu pejabat, agensi dan fasiliti kesihatan melalui pendekatan perkongsian pintar antara agensi bagi mengelakkan pertindihan pembangunan aplikasi, penyeragaman dan memaksimumkan penggunaan sumber Kerajaan secara efisien dan berimpak tinggi.

Sebanyak empat (4) strategi akan diberi perhatian bertujuan mengukuhkan aplikasi dan platform digital seperti yang berikut:

S1 : Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Digital yang Inklusif dan Mampan;
S2 : Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Digital Bersepadu dan Responsif;
S3 : Pemantapan Pengurusan dan Sokongan Perkhidmatan Kesihatan Menyeluruh; dan
S4 : Pemerkasaan Infostruktur Perkhidmatan Kesihatan.

Gambaran ringkas strategi dan program bagi Teras 1 adalah seperti di **RAJAH 4-1**.

## TERAS 1 - MEMPERKASAKAN APLIKASI KESIHATAN DIGITAL BERSEPADU

**Objektif:**

1. Membangun, menaik taraf, dan mengintegrasikan aplikasi kesihatan seperti EMR, sistem pengurusan perkhidmatan kesihatan, portal, repositori, dan aplikasi mudah alih bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan digital yang menyeluruh, inklusif, efektif, dan responsif untuk menyokong inisiatif SIHAT360.
2. Memperluas penggunaan platform digital bersepadu untuk menyokong sokongan fungsian, pemodenan perkhidmatan, serta memudahkan perkongsian dan akses maklumat kesihatan secara selamat dan cekap untuk menyokong inisiatif SIHAT360.
3. Menyelaras, menyeragam dan mengoptimumkan pelaksanaan aplikasi pengurusan dan sokongan kesihatan di peringkat ibu pejabat, agensi dan fasiliti kesihatan melalui pendekatan perkongsian pintar antara agensi bagi mengelakkan pertindihan pembangunan aplikasi, penyeragaman dan memaksimumkan penggunaan sumber Kerajaan secara efisien dan berimpak tinggi.

| | | | |
|---|---|---|---|
| **S1** **Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Digital yang Inklusif dan Mampan** | P1: | Pelaksanaan Aplikasi EMR Yang Tangkas dan Menyeluruh | SP1: Peluasan Total Hospital Information System (THIS) di Hospital<br>SP2: Peluasan Cloud Based Clinic Management System (CCMS) di Fasiliti Kesihatan Primer<br>SP3: Peluasan Dental Information System (DIS) di Fasiliti Kesihatan Pergigian |
| | P2: | Naik Taraf Aplikasi EMR Yang Kukuh dan Komprehensif | |
| | P3: | Pembangunan Aplikasi Sokongan EMR Yang Holistik dan Efisien | |
| | P4: | Naik Taraf Aplikasi Sokongan EMR Yang Kukuh dan Komprehensif | |
| | P5: | Peluasan Aplikasi Sokongan EMR Yang Tangkas dan Menyeluruh | |
| **S2** **Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Digital Bersepadu dan Responsif** | P1: | Pembangunan Platform Digital Maklumat Kesihatan Bersepadu | |
| | P2: | Naik Taraf Platform Digital Maklumat Kesihatan Bersepadu | |
| | P3: | Pemerkasaan Aplikasi Kesihatan Populasi (Population Health) | |
| **S3** **Pemantapan Pengurusan dan Sokongan Perkhidmatan Kesihatan Menyeluruh** | P1: | Pembangunan Aplikasi Pengurusan dan Sokongan Kesihatan | SP1: Pembangunan Aplikasi *Management Services*<br>SP2: Pembangunan Aplikasi *Functional Support* |
| | P2: | Naik Taraf dan Peluasan Aplikasi Pengurusan dan Sokongan Kesihatan | SP1: Naik Taraf dan Peluasan Aplikasi *Management Services*<br>SP2: Naik Taraf dan Peluasan Aplikasi *Functional Support* |
| | P3: | Penyelarasan Aplikasi Pengurusan dan Sokongan Kesihatan | |
| **S4** **Pemerkasaan Infostruktur Perkhidmatan Kesihatan** | P1: | Pengukuhan Repositori dan Aplikasi Kesihatan Digital | SP1: Pembangunan Repositori dan Aplikasi Pengurusan Kesihatan<br>SP2: Naik Taraf Repositori dan Aplikasi Pengurusan Kesihatan |
| | P2: | Pemanfaatan AI dan Data Raya Dalam Perkhidmatan Pengurusan Kesihatan | SP1: Peningkatan Ekosistem Analitik Data Raya Kesihatan (Big Data Analytics)<br>SP2: Pembangunan *Image Processing System* (IPS) untuk Pembangunan AI Kesihatan<br>SP3: Pembangunan Aplikasi Berteraskan AI |

**RAJAH 4-1: TERAS 1–STRATEGI DAN PROGRAM**

## 4.2 STRATEGI 1: PENGUKUHAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DIGITAL YANG INKLUSIF DAN MAMPAN

Perkhidmatan kesihatan digital perlu terus diperkukuhkan dengan lebih tangkas dan menyeluruh selaras dengan keperluan dan teknologi digital terkini khususnya penjagaan kesihatan di peringkat individu. Pengukuhan melibatkan aplikasi di bawah fungsi perkhidmatan utama di KKM iaitu *person care* yang fokus kepada penjagaan kesihatan individu di peringkat primer, sekunder, *tertiary*, kesihatan pergigian dan amalan farmasi. Aspek peluasan pelaksanaan ke seluruh negara adalah penting bagi memastikan tiada rakyat yang terpinggir dalam mendapatkan perkhidmatan ini. Selain peluasan aplikasi, usaha untuk membangun aplikasi baharu, naik taraf aplikasi sedia ada dan melaksanakan integrasi perlu dipertingkatkan bagi mendapat manfaat yang lebih bermakna daripada teknologi digital ini. Sistem pengurusan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat seperti penggunaan portal maklumat, repositori dan aplikasi mudah alih perlu terus diperkembangkan dengan lebih efektif dan responsif. Untuk tujuan tersebut lima (5) program berikut akan dilaksanakan:

P1 : Pelaksanaan Aplikasi EMR Yang Tangkas dan Menyeluruh;
P2 : Naik Taraf Aplikasi EMR Yang Kukuh dan Komprehensif;
P3 : Pembangunan Aplikasi Sokongan EMR Yang Holistik dan Efisien;
P4 : Naik Taraf Aplikasi Sokongan EMR Yang Kukuh dan Komprehensif; dan
P5 : Peluasan Aplikasi Sokongan EMR Yang Tangkas dan Menyeluruh.

### 4.2.1 Program 1: Pelaksanaan Aplikasi EMR Yang Tangkas dan Menyeluruh

Aplikasi *Electronic Medical Record* (EMR) merupakan aplikasi di bawah fungsi perkhidmatan *person care* yang fokus kepada penjagaan kesihatan individu di peringkat primer, sekunder, *tertiary*, kesihatan pergigian dan amalan farmasi. Sebagai aplikasi yang menyokong fungsi utama teras Kementerian, sistem yang dibangunkan perlu memenuhi keperluan sektor kesihatan negara dan relevan bagi memanfaatkan teknologi pendigitalan semasa. Tiga (3) objektif utama program ini adalah seperti berikut:

(a) Mendigitalkan perkhidmatan kesihatan di semua fasiliti kesihatan. Pelaksanaan EMR sedia guna secara berfasa dengan skala yang besar, kecepatan yang tinggi, dan kos yang rendah, bertujuan untuk mencapai impak yang maksimum dalam transformasi penjagaan kesihatan;
(b) Memastikan sistem kesihatan digital mampu saling kebolehkendalian dengan keperluan data standard bagi perkongsian ringkasan rekod pesakit antara fasiliti kesihatan. Ini bertujuan untuk memastikan kemudahan aliran data antara hospital dan klinik, sama ada awam mahupun swasta; dan
(c) Meningkatkan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI-Artificial Intelligence) dan pembelajaran mesin (ML-Machine Learning) bagi menyokong pembuatan keputusan klinikal (clinical decision support), analisis prediktif (predictive analysis) dan *precision public health*.

Untuk tujuan tersebut tiga (3) subprogram berikut telah dikenal pasti untuk dilaksanakan pembangunan baharu dan dinaik taraf iaitu:

(a) Peluasan Total Hospital Information System (THIS) di Hospital;
(b) Peluasan Cloud Based Clinic Management System (CCMS) di Fasiliti Kesihatan Primer; dan
(c) Peluasan Dental Information System (DIS) di Fasiliti Kesihatan Pergigian.

a. Subprogram 1: Peluasan Total Hospital Information System (THIS) di Hospital

Perkhidmatan langganan Total Hospital Information System (THIS) akan diperluaskan lagi ke semua hospital yang masih belum melaksanakan sistem ini. Langganan THIS akan merangkumi perkhidmatan ICT seperti penyediaan modul, latihan, *cloud storage*, *backup and recovery*. Selain itu perkhidmatan penyelenggaraan dan khidmat sokongan teknikal, *change request* juga termasuk dalam skop peluasan THIS iaitu *change reques*t dan integrasi dengan aplikasi sedia ada di KKM.

Skop perancangan pelaksanaan sehingga tahun 2029 adalah seperti berikut:

(a) Perkhidmatan langganan THIS melibatkan hospital yang masih tidak mempunyai sistem EMR seperti berikut:
Notice of Change (NOC) RMK12 : 16 buah hospital (2026)
RMK13 RP1 : 26 buah hospital (2027)
RMK13 RP2 : 44 buah hospital (2028)
RMK13 RP3 : 49 buah hospital (2029)
(b) Pembekalan perkakasan ICT THIS dan naik taraf rangkaian di hospital
(c) Pelaksanaan kerja-kerja berkaitan *Security Posture Assessment* (SPA)
(d) Migrasi data dari sistem sedia ada ke sistem baru
(e) Integrasi THIS dengan sistem dalaman dan luaran

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 4-1**.

**JADUAL 4-1: PELUASAN TOTAL HOSPITAL INFORMATION SYSTEM (THIS) DI HOSPITAL**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Melaksanakan THIS untuk penghasilan rekod pesakit secara elektronik pada skala yang besar dengan kadar yang cepat dan kos yang rendah.<br>b. Memastikan bahawa rekod pesakit dapat dikongsi oleh semua fasiliti kesihatan kerajaan yang menggunakan THIS bagi memudahkan petugas kesihatan mendapatkan maklumat tanpa perlu pencarian secara manual.<br>c. Memastikan laporan bulanan dapat dijana secara otomasi dengan cepat dan mudah seterusnya dapat dipantau di setiap peringkat termasuk peringkat daerah dan negeri. |

| | |
|---|---|
| | d. Memastikan modul yang digunakan oleh petugas kesihatan di hospital terutamanya pegawai perubatan adalah selaras mengikut standard Kementerian Kesihatan Malaysia dan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa. Membuat data analisis dengan tepat seterusnya data yang diperoleh dapat dipaparkan melalui *dashboard* secara *on-time.* |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2029 |
| **Pemilik** | BKD |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Dis 2026**<br>Pelaksanaan peluasan THIS, NOC: 16 buah hospital<br>**Dis 2027**<br>Pelaksanaan peluasan THIS, RMK13 RP1: 26 buah hospital<br>**Dis 2028**<br>Pelaksanaan peluasan THIS, RMK13 RP2: 44 buah hospital<br>**Dis 2029**<br>Pelaksanaan peluasan THIS, RMK13 RP3: 49 buah hospital |
| **Keutamaan** | Tinggi |

b. Subprogram 2: Peluasan Cloud Based Clinic Management System (CCMS) di Fasiliti Kesihatan Primer

CCMS akan diperluaskan lagi penggunaannya ke fasiliti kesihatan primer yang masih belum menggunakan aplikasi ini untuk tempoh perancangan sehingga 2028. CCMS akan melibatkan pelaksanaan di 725 klinik kesihatan dan 1864 klinik desa di seluruh negara. Skop pelaksanaan subprogram ini termasuklah pembekalan perkakasan ICT CCMS dan naik taraf rangkaian di fasiliti kesihatan primer, melaksanakan migrasi data dari sistem sedia ada ke sistem baru, integrasi dan peluasan perkhidmatan konsultansi maya kepada 2488 fasiliti KKM di kawasan pedalaman.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 4-2**.

**JADUAL 4-2: PELUASAN CLOUD BASED CLINIC MANAGEMENT SYSTEM (CCMS) DI FASILITI KESIHATAN PRIMER**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Melaksanakan CCMS untuk penghasilan rekod pesakit secara elektronik pada skala yang besar dengan kadar yang cepat dan kos yang rendah.<br>b. Mewujudkan sistem rekod kesihatan secara bersepadu untuk memudahkan akses kepada maklumat di mana-mana fasiliti dikunjungi (*point of care*) termasuk fasiliti swasta.<br>c. Memastikan laporan bulanan dapat dijana secara otomasi dengan cepat dan mudah seterusnya dapat dipantau di setiap peringkat termasuk daerah dan negeri.<br>d. Memastikan templat yang digunakan oleh petugas kesihatan di fasiliti kesihatan primer terutamanya pegawai perubatan adalah |

| | |
|---|---|
| | mengikut standard KKM dan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa.<br>e. Membuat data analisis dengan tepat seterusnya data yang diperoleh dapat dipaparkan melalui *dashboard* secara *on-time*.<br>f. Mengurangkan waktu menunggu dan kesesakan di fasiliti kesihatan primer. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2028 |
| **Pemilik** | BKD |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | Pelaksanaan peluasan CCMS mengikut tahun:<br>**Dis 2026**<br>Pelaksanaan peluasan di 137 klinik kesihatan:<br>i. Pembekalan perkakasan ICT CCMS dan naik taraf rangkaian di klinik kesihatan<br>ii. Perkhidmatan langganan CCMS melibatkan klinik yang masih tidak mempunyai sistem EMR<br>iii. Migrasi data dari sistem sedia ada ke sistem baru<br>**Dis 2026**<br>Peluasan perkhidmatan konsultansi maya kepada 2488 fasiliti KKM di kawasan pedalaman (KD/KKIA/KKOM)<br>**Dis 2027**<br>Pelaksanaan peluasan di 588 klinik kesihatan:<br>i. Pembekalan perkakasan ICT CCMS dan naik taraf rangkaian di klinik kesihatan<br>ii. Perkhidmatan langganan CCMS melibatkan klinik yang masih tidak mempunyai sistem EMR<br>iii. Migrasi data dari sistem sedia ada ke sistem baru<br>**Dis 2028**<br>Pelaksanaan Peluasan di 1864 klinik desa dan klinik komuniti:<br>i. Pembekalan perkakasan ICT CCMS dan naik taraf rangkaian di klinik kesihatan<br>ii. Perkhidmatan langganan CCMS melibatkan klinik yang masih tidak mempunyai sistem EMR.<br>iii. Migrasi data dari sistem sedia ada ke sistem baru |
| **Keutamaan** | Tinggi |

c. Subprogram 3: Peluasan Dental Information System (DIS) di Fasiliti Kesihatan Pergigian

DIS akan diperluaskan penggunaannya di klinik pergigian yang masih belum menggunakan sistem ini. Untuk tempoh sehingga tahun 2028, sebanyak 728 klinik pergigian primer akan menggunakan DIS, manakala 250 klinik pergigian primer dan klinik pergigian pakar akan dibekalkan perkakasan *Internet of Things* pada tahun 2029. Selain daripada itu, naik taraf rangkaian, pembekalan peralatan ICT, latihan dan pengujian *Security Posture Assessment* (SPA) secara berfasa turut akan dilaksanakan di fasiliti kesihatan pergigian terbabit.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 4-3**.

**JADUAL 4-3: PELUASAN DENTAL INFORMATION SYSTEM (DIS) DI FASILITI KESIHATAN PERGIGIAN**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Melaksanakan DIS untuk penghasilan rekod kesihatan pergigian pesakit secara elektronik.<br>b. Mewujudkan sistem rekod kesihatan pergigian secara bersepadu untuk memudahkan akses maklumat di mana-mana fasiliti dikunjungi (point of care) termasuk fasiliti di swasta.<br>c. Memastikan laporan bulanan dapat dijana secara otomasi dengan cepat dan mudah seterusnya dapat dipantau di setiap peringkat termasuk daerah dan negeri.<br>d. Memastikan templat yang digunakan oleh petugas kesihatan di fasiliti kesihatan pergigian adalah mengikut standard KKM dan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa.<br>e. Membuat data analisis dengan tepat seterusnya data yang diperoleh dapat dipaparkan melalui *dashboard* secara *on-time*. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2027 – Jul 2029 |
| **Pemilik** | PKP |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Jul 2027**<br>Pelaksanaan SPA Siri 1 selesai<br>**Dis 2027**<br>i. Peluasan dan latihan DIS di 711 KP Primer selesai<br>ii. Perolehan perkakasan menyokong pendigitalan di 711 KP Primer selesai<br>**Dis 2028**<br>i. Peluasan dan latihan DIS di 728 KP Primer dan KP Pakar selesai<br>ii. Perolehan penambahbaikan rangkaian di 728 KP Primer dan KP Pakar termasuk *outreach* selesai<br>**Jul 2029**<br>i. Perolehan perkakasan *Internet of Things* (IoT) di 250 KP Primer dan KP Pakar selesai<br>ii. Pelaksanaan SPA Siri 2 selesai |
| **Keutamaan** | Tinggi |

### 4.2.2 Program 2: Naik Taraf Aplikasi EMR Yang Kukuh dan Komprehensif

Naik taraf aplikasi EMR adalah merupakan aspek peningkatan sistem yang akan dilaksanakan ke atas sistem EMR sedia ada. Keperluan naik taraf kebiasaannya disebabkan keperluan untuk penambahbaikan ke atas sistem bagi mempertingkatkan keberkesanan sistem seperti meningkatkan prestasi sistem dari segi capaian dan mobiliti aplikasi. Ia lebih kepada kepada keperluan bisnes untuk menambahbaik fungsi dengan mengekalkan ciri teknikal sistem. Terdapat dua (2) sistem EMR yang akan naik taraf iaitu:

(a) Naik Taraf Aplikasi Dental Information System (DIS) Di Fasiliti Kesihatan Pergigian;
(b) Naik Taraf Hospital Information System (HIS) Sedia Ada.

Naik taraf DIS adalah berkaitan dengan keperluan bisnes pergigian masa kini yang selaras dengan teknologi baharu yang sesuai. Naik taraf sistem ini dilaksanakan secara dalaman sahaja. Oleh itu, pasukan pembangunan perlu diberikan latihan teknologi baharu yang bersesuaian, di samping perolehan perisian analitik dan generatif AI bagi menyokong naik taraf sistem ini. Naik taraf ini akan melibatkan pembangunan aplikasi DIS mudah alih dan pelaksanaan integrasi dengan sistem-sistem lain yang berkaitan.

Naik taraf HIS sedia ada adalah berkaitan dengan penambahbaikan modul/fungsi bagi memenuhi keperluan bisnes operasi di hospital selaras dengan arahan dan pekeliling kesihatan terkini. Naik taraf sistem ini akan dilaksanakan secara penyumber luaran dan diselaraskan oleh Jabatan Kesihatan Negeri dan fasiliti kesihatan yang menggunakan HIS *Commercial Off the Shelf* (COTS) atau HIS@KKM.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 4-4**.

**JADUAL 4-4: NAIK TARAF APLIKASI EMR YANG KUKUH DAN KOMPREHENSIF**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | **Naik Taraf Sistem Dental Information System (DIS) Di Fasiliti Kesihatan Pergigian**<br>a. Memastikan pemberian perkhidmatan kesihatan pergigian sentiasa *up-to-date* dengan teknologi terkini.<br>b. Memastikan pasukan pembangun sistem menggunakan teknologi terkini dalam membangunkan system.<br>c. Memastikan tahap kepuasan pengguna sistem sentiasa terjamin.<br><br>**Naik Taraf Hospital Information System (HIS)**<br>a. Memastikan sentiasa *up-to-date* dengan arahan dan pekeliling kesihatan terkini yang berkuatkuasa.<br>b. Memastikan tahap kepuasan pengguna sistem sentiasa terjamin. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | • PKP<br>• JKN |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Jan 2026 - Dis 2030**<br>Penambahbaikan modul/fungsi HIS<br>**Dis 2026**<br>Perolehan perkakasan IoT bagi tujuan pembangunan fungsi baru selesai<br>**Jul 2027**<br>i. Integrasi DIS dengan sistem dalam dan luaran<br>ii. Kelulusan Teknikal aplikasi DIS<br>**Jul 2028**<br>i. Integrasi DIS dengan 50% klinik pergigian swasta selesai<br>ii. Naik taraf DIS selesai dan penggunaan sepenuhnya aplikasi DIS<br>**2026 - 2030** |

| | |
|---|---|
| | Langganan Perolehan perisian analitik dan generatif AI sistem secara tahunan<br>**Dis 2030**<br>Naik taraf HIS sedia ada selesai dan penggunaan sepenuhnya aplikasi HIS |
| **Keutamaan** | Tinggi |

### 4.2.3 Program 3: Pembangunan Aplikasi Sokongan EMR Yang Holistik dan Efisien

Pembangunan baharu aplikasi sokongan EMR telah dikenal pasti antara program yang diperlukan bagi menyokong sistem EMR dengan lebih holistik dan efisien. Antara objektif keperluan kepada pembangunan aplikasi adalah seperti berikut:

(a) Membangunkan aplikasi sokongan EMR yang menyeluruh dan responsif untuk melengkapi fungsi klinikal utama, memperkukuh interoperabiliti serta menyokong analitik dan pengurusan data secara lebih berkesan; dan
(b) Membangunkan aplikasi sokongan EMR yang mengoptimumkan aliran kerja klinikal, meningkatkan keselamatan dan kualiti penjagaan pesakit, serta menyediakan integrasi automatik dengan sistem kesihatan lain secara lancar dan mengikut piawaian yang ditetapkan.

Secara umum skop pembangunan aplikasi baharu akan merangkumi pembangunan dan ubahsuai sistem, pelaksanaan integrasi dengan sistem yang berkaitan, perolehan perkakasan dan perisian, perkhidmatan SPA, latihan dan pengurusan projek ICT serta pemasangan sistem.

Empat (4) sistem sokongan EMR yang telah dikenal pasti akan dibangunkan iaitu:

(a) Radiology Information System dan Picture Archiving and Communication System (RIS-PACS);
(b) My Transplant Immunology Information System (MyTRIIS);
(c) Forensic Information System (FRIS); dan
(d) Maternal and Child Mortality Information System (MyMIS).

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 4-5**.

**JADUAL 4-5: PEMBANGUNAN APLIKASI SOKONGAN EMR YANG HOLISTIK DAN EFISIEN**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | **RIS-PACS**<br>a. Membangunkan sistem pengurusan data klinikal radiologi dan sistem pengurusan penyimpanan imej medikal digital bagi Jabatan Radiologi.<br>b. Memastikan penggunaan teknologi digital yang menyeluruh dan mampan dalam pengurusan data klinikal radiologi dan imej medikal digital. |

| | |
|---|---|
| | c. Memastikan data yang diperoleh daripada pelbagai peranti perubatan radiologi diintegrasi dalam satu platform.<br>d. Memperluaskan penggunaan imej medikal digital ke semua Jabatan Perubatan.<br>**MyTRIIS**<br>a. Membangunkan sistem pangkalan data digital transplan imunologi berpusat yang menghubungkan PDN dengan fasiliti transplan di Malaysia.<br>b. Mengurus data proses ujian makmal (HLA typing, crossmatch, antibody screening).<br>c. Membantu analisis keputusan ujian makmal keputusan *virtual crossmatch*.<br>d. Integrasi dengan sistem hospital bagi mendapatkan maklumat pesakit dan juga penghantaran laporan ujian transplan immunologi secara digital.<br>e. Menjalankan pencarian penderma tidak berkait (Matched Unrelated Donor) untuk transplantasi stem cell.<br>f. Menjamin keselamatan dan kerahsiaan data (audit trail, kawalan akses).<br>g. Menyediakan laporan klinikal, audit dan kawal selia.<br>h. Menyokong penyelidikan dan Pembangunan.<br>**FRIS**<br>a. Meningkatkan kecekapan, keselamatan dan keberkesanan perkhidmatan perubatan forensik melalui penggunaan teknologi digital yang menyeluruh dan mampan.<br>b. Memodenkan Pengurusan Data Forensik.<br>c. Membangunkan sistem pengurusan maklumat forensik bagi merekod, menyimpan dan mengakses data kes secara digital dan terpusat.<br>d. Mempercepatkan proses kerja dan penyampaian perkhidmatan.<br>e. Mengurangkan kebergantungan kepada rekod fizikal yang mudah hilang atau rosak.<br>f. Meningkatkan keselamatan dan kerahsiaan maklumat.<br>g. Memendekkan masa penyediaan laporan post-mortem dan dokumentasi forensik melalui integrasi sistem.<br>h. Memudahkan laporan statistik nasional mengenai kematian tidak semula jadi dan jenayah.<br>**MyMIS**<br>a. Menjadi satu sistem pendaftaran berpusat bagi kematian ibu, kelahiran mati dan kematian kanak-kanak bawah 5 tahun di Malaysia.<br>b. Mewujudkan pangkalan data yang mengandungi sosiodemografi, perihal kesihatan dan rawatan ibu, bayi dan kanak-kanak bawah 5 tahun sehingga kejadian kematian, faktor penyumbang kepada kematian, maklumat tempat kematian sama ada kematian di hospital (kerajaan dan swasta) atau bukan di hospital.<br>c. Menyediakan fungsi carian rekod berdasarkan identifier dalam satu pangkalan data berpusat bagi mengelakkan duplikasi/ pertindihan data.<br>d. Membolehkan data yang dikumpul dianalisis secara berkala dan mengikut keperluan.<br>e. Membolehkan raw data dimuat turun. |

| | |
|---|---|
| | f. Membolehkan penyediaan laporan (output) di pelbagai peringkat dan keperluan secara *real time* dan tepat.<br>g. Memastikan keselamatan data melalui aplikasi fungsi keselamatan. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | ● HKL<br>● PDN<br>● BPKK |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Jul 2027**<br>Pembangunan selesai dan pelaksanaan sepenuhnya Sistem MyMIS<br>**Jan 2028**<br>Pembangunan selesai dan pelaksanaan sepenuhnya sistem<br>i. FRIS<br>ii. RIS<br>iii. PACS<br>iv. LIS<br>**Jan 2029**<br>Pelaksanaan sepenuhnya PACS di klinik kesihatan<br>**Jan 2030**<br>- Pembangunan selesai dan pelaksanaan sepenuhnya RIS dan PAC di HKL<br>- Pembangunan selesai dan pelaksanaan sepenuhnya Sistem MyTRIIS di PDN dan sembilan (9) lokasi transplan |
| **Keutamaan** | Tinggi |

### 4.2.4 Program 4: Naik Taraf Aplikasi Sokongan EMR Yang Kukuh dan Komprehensif

Naik taraf aplikasi sokongan EMR juga merupakan aspek peningkatan sistem yang akan dilaksanakan ke atas sistem sokongan EMR sedia ada. Keperluan naik taraf diperlukan bagi meningkatkan keberkesanan sistem dari aspek mesra pengguna selain meningkatkan fungsi aplikasi dengan memanfaatkan keupayaan teknologi baru bagi menghasilkan inovasi digital serta otomasi kerja klinikal dengan lebih efektif dan efisien. Antara objektif bagi tujuan naik taraf aplikasi sokongan EMR adalah seperti berikut:

(a) Melaksanakan penaik tarafan aplikasi sokongan EMR sedia ada agar lebih kukuh, komprehensif, dan mesra pengguna dengan menekankan aspek keselamatan data, kebolehskalaan, serta keupayaan integrasi bersepadu untuk memenuhi keperluan klinikal dan kesihatan awam; dan

(b) Meningkatkan fungsi aplikasi sokongan EMR melalui inovasi digital dan automasi proses bagi mempercepatkan aliran kerja klinikal, mengurangkan beban pentadbiran, serta memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang lebih efisien dan berkualiti.

Empat (4) sistem sokongan EMR yang akan dinaik taraf iaitu:
(a) Pharmacy Information System (MyPhIS);
(b) Critical Care Information System (CCIS) di Hospital Kuala Lumpur (HKL);
(c) Oncology Information System (OIS) di Hospital Kuala Lumpur (HKL); dan
(d) Blood Bank Information System Version 3 (BBIS v3) di Pusat Darah Negara (PDN).

Butiran terperinci berkaitan program ini adalah seperti di **JADUAL 4-6.**

**JADUAL 4-6: NAIK TARAF APLIKASI SOKONGAN EMR YANG KUKUH DAN KOMPREHENSIF**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | **MyPhIS**<br>Menyediakan sistem maklumat yang komprehensif bagi penyampaian perkhidmatan farmasi di fasiliti KKM dan berlandaskan prinsip *interoperability* dengan sistem-sistem yang lain.<br>**CCIS**<br>a. Menyediakan sistem maklumat perawatan kritikal bersepadu melalui naik taraf CCIS yang akan diguna oleh semua warga di Jabatan Anestesiologi dan Rawatan Kritikal, Hospital Kuala Lumpur.<br>b. Menggantikan sistem sedia ada yang tidak berupaya memenuhi keperluan perkhidmatan semasa bagi perawatan kritikal di HKL.<br>c. Menggantikan perkakasan ICT sedia ada yang menyokong perkhidmatan CCIS kerana telah usang dan tidak ekonomik untuk dibaiki.<br>d. Mengintegrasi Sistem CCIS versi baharu dengan sistem dalaman Jabatan dan HKL.<br>e. Meningkatkan kecekapan penjanaan dan capaian maklumat perawatan pesakit.<br>**OIS**<br>a. Menyediakan sistem maklumat onkologi bersepadu melalui naik taraf OIS yang akan digunakan oleh seluruh warga kerja di Jabatan Radioterapi dan Onkologi, Hospital Kuala Lumpur.<br>b. Menggantikan sistem sedia ada yang tidak berupaya untuk memenuhi keperluan perkhidmatan semasa dan akan datang.<br>c. Menggantikan perkakasan ICT sedia ada yang menyokong perkhidmatan perawatan kanser menggunakan OIS yang telah usang dan tidak ekonomik untuk dibaiki.<br>d. Meningkatkan kecekapan penjanaan dan capaian maklumat.<br>e. Pengurusan pesakit kanser di jabatan dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan teratur.<br>**BBIS v3**<br>Melancarkan perkhidmatan transfusi termasuklah pembekalan plasma untuk Program Fraksinasi Kebangsaan dan penghasilan ubat-ubatan *Plasma Derived Medicinal Products* (PDMP) untuk kegunaan pesakit-pesakit dengan menaiktaraf sistem dari Blood Bank Information System Version 2 ke Blood Bank Information System Version 3 dan peralatan ICT. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |

| | |
|---|---|
| **Pemilik** | • PPF<br>• HKL<br>• PDN |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Dis 2029**<br>Naik taraf selesai dan pelaksanaan sepenuhnya BBISv3 di PDN<br>**Dis 2030**<br>- Naik taraf selesai dan pelaksanaan sepenuhnya MyPhIS ke seluruh negara<br>- Naik taraf selesai dan pelaksanaan sepenuhnya Sistem CCIS di HKL<br>- Naik taraf selesai dan pelaksanaan sepenuhnya Sistem OIS di HKL |
| **Keutamaan** | Tinggi |

### 4.2.5 Program 5: Peluasan Aplikasi Sokongan EMR Yang Tangkas dan Menyeluruh

Peluasan pelaksanaan aplikasi sokongan EMR juga penting bagi menyokong perkhidmatan kesihatan merentasi seluruh hospital dan fasiliti kesihatan. Peluasan aplikasi ini akan merangkumi perkhidmatan ICT seperti perolehan peralatan ICT, pelaksanaan integrasi dengan sistem-sistem lain yang berkaitan, pemasangan dan konfigurasi sistem, migrasi data, SPA, latihan, pengurusan projek dan lain-lain yang berkaitan.

Untuk tujuan tersebut satu (1) aplikasi sokongan EMR telah dikenal pasti untuk dilaksanakan iaitu:

(a) Peluasan Sistem Blood Information Versi 2 (BBISv2).

Pelaksanaan sistem ini akan dilaksanakan secara penyumber luaran yang akan melibatkan semua 93 Tabung Darah Hospital KKM dan dijangka selesai sepenuhnya pada tahun 2028.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 4-7**.

**JADUAL 4-7: PELUASAN SISTEM BLOOD INFORMATION VERSI 2 (BBISv2)**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | Meningkatkan prestasi pembekalan darah seluruh Malaysia dan memastikan produk darah yang dihasilkan mencukupi, selamat dan berkualiti di samping menyeragamkan penggunaan satu sistem yang sama dalam tempoh tiga tahun yang berkebolehan berintegrasi dengan sistem atau komponen lain. Ini termasuk meningkatkan jumlah penderma darah tetap kepada 65% dan kenaikan kadar pendermaan darah kepada 3.5% di kalangan populasi rakyat Malaysia selain daripada memastikan penyediaan laporan dan statistik dapat dijana secara serta merta dengan 100% ketepatan |

| | |
|---|---|
| | dan meningkatkan kepuasan pengguna kepada 90% menjelang tahun 2028. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2028 |
| **Pemilik** | PDN |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Dis 2028**<br>Pelaksanaan peluasan penggunaan Sistem BBISv2 di 93 Tabung Darah Hospital KKM selesai |
| **Keutamaan** | Tinggi |

## 4.3 STRATEGI 2: PENGUKUHAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DIGITAL BERSEPADU DAN RESPONSIF

Platform digital adalah antara saluran penyampaian perkhidmatan yang popular masa kini sesuai dengan perkembangan terkini teknologi infrastruktur komunikasi digital. Penggunaan platform ini bukan sahaja mudah dan selesa penggunaan di kalangan pelanggan malah ia juga berkesan dari aspek kepantasan dan ketepatan maklumat yang hendak disalurkan. Aplikasi EMR perlu diintegrasi menggunakan platform digital agar lebih bersepadu dan perkongsian serta capaian maklumat kesihatan akan menjadi lebih selamat dan berkesan ke arah 'Satu Individu, Satu Rekod Kesihatan'. Selain daripada itu, aplikasi kesihatan yang menyokong fungsi perkhidmatan *population health* perlu dinaik taraf dan diperkasa agar selari dengan keperluan penggunan dan perkembangan teknologi terkini. Untuk tujuan tersebut tiga (3) program berikut akan dilaksanakan:

P1 : Pembangunan Platform Digital Maklumat Kesihatan Bersepadu;
P2 : Naik Taraf Platform Digital Maklumat Kesihatan Bersepadu; dan
P3 : Pemerkasaan Aplikasi Kesihatan Populasi (*Population Health*).

### 4.3.1 Program 1: Pembangunan Platform Digital Maklumat Kesihatan Bersepadu

Pembangunan platform digital maklumat kesihatan bersepadu bertujuan bagi memenuhi objektif seperti berikut:

(a) Membangunkan platform digital maklumat kesihatan bersepadu yang menghubungkan pelbagai aplikasi dan repositori data kesihatan bagi memastikan perkongsian maklumat yang seragam, selamat, dan tepat masa untuk menyokong rawatan klinikal dan perancangan kesihatan; dan
(b) Mewujudkan platform interoperabiliti kesihatan kebangsaan sebagai tulang belakang integrasi data kesihatan berasaskan piawaian antarabangsa, bagi membolehkan pertukaran data dua hala antara EMR, sistem kesihatan lain, dan aplikasi kesihatan awam secara lancar, konsisten, dan boleh dipercayai.

Untuk tujuan tersebut satu (1) platform telah dikenal pasti untuk dilaksanakan peluasan aplikasi sokongan EMR iaitu:

(a) Pembangunan Platform National Health Interoperability Platform (NHIP)

a. Pembangunan Platform National Health Interoperability Platform (NHIP)

Skop pelaksanaan program ini akan dilaksanakan mengikut fasa seperti berikut:

(a) Fasa 1: Integrasi menggunakan *Integration Engine Health Information Exchange (*HIE) bersama sistem dalaman KKM seperti THIS, CCMS, DIS, *Clinical Support Services* (CSS), eNCDC, MPIS, MyVAS, MyPhIS, MyNIS, DRG, MySejahtera, MyHDW, TRE;
(b) Fasa 2: Integrasi bagi sistem RIS/PACS dan LIS untuk fasiliti kesihatan, kesihatan pergigian dan hospital sedia ada. Pembangunan centralized PACS;
(c) Fasa 3: Integrasi menggunakan *Integration Engine* HIE dengan data luaran (Sektor Awam dan Sektor Swasta); dan
(d) Fasa 4: *Precision Public Health Platform* - KKMHub

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 4-8**.

**JADUAL 4-8: PEMBANGUNAN PLATFORM NATIONAL HEALTH INTEROPERABILITY PLATFORM**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Pembangunan platform menggunakan FHIR *Enabled Event Driven Architecture* (EDA) *Interoperability Platform* berdasarkan *National Digital Health Stack*<br>b. Pembangunan *Master Data Management* supaya semua individu, pegamal perubatan dan fasiliti mempunyai ID unik untuk kesihatan serta bagi menguruskan *Personal Identifiable Information* (PII) dengan lebih selamat dan cekap berdasarkan *National Digital Health Stack*.<br>c. Mewujudkan repositori kesihatan awam yang lengkap merangkumi *Clinical Data Repository*, *Laboratory Data Repository* dan *Public Health Data Repository*.<br>d. Mewujudkan data standard dan terminologi kesihatan awam yang menyeluruh yang memenuhi piawaian kebangsaan dan antarabangsa berdasarkan *National Digital Health Stack*.<br>e. Mewujudkan portal dua hala di antara fasiliti kesihatan *public-public* dan *public-private* menggunakan protokol *Malaysian Patient Summary* dan *Malaysian Digital Health Certification Network*. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2028 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | BKD |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Jun 2029**<br>Pelaksanaan NHIP, Fasa 1, RP3 RMK13 selesai<br>**Sept 2029**<br>Pelaksanaan NHIP, Fasa 2, RP3 RMK13 selesai<br>**Mac 2030**<br>Pelaksanaan NHIP, Fasa 3, RP3 RMK13 selesai |

| | |
|---|---|
| | **Dis 2030**<br>Pelaksanaan NHIP, Fasa 4, RP3 RMK13 selesai |
| **Keutamaan** | Tinggi |

### 4.3.2 Program 2: Naik Taraf Platform Digital Maklumat Kesihatan Bersepadu

Naik taraf platform digital maklumat kesihatan bersepadu yang sedia ada bertujuan untuk menyesuai dan meningkatkan fungsi dan kebolehan sistem sedia supaya ia lebih relevan dan berkesan dalam penyampaian maklumat kesihatan. Objektif program ini adalah seperti berikut:

(a) Meningkatkan keberkesanan platform digital kesihatan dengan memantapkan penambahbaikan pelbagai aplikasi dan gudang data kesihatan/pusat data kesihatan bersepadu, bagi memastikan aliran maklumat yang seragam, boleh dipercayai, dan tepat masa untuk menyokong keputusan klinikal serta perancangan kesihatan awam; dan

(b) Melaksanakan peningkatan platform digital kesihatan dan gudang data kesihatan/pusat data bersepadu sedia ada dengan memperkukuh fungsi integrasi, menambah baik keupayaan analitik dan kebolehgunaan aplikasi, serta memperluas akses data bersepadu untuk kegunaan klinikal dan kesihatan populasi.

Untuk tujuan tersebut tiga (3) aktiviti program ini akan dinaik taraf iaitu:

(a) Kajian Platform MySejahtera dengan skop kajian kebolehlaksanaan replatform MySejahtera ke persekitaran pengkomputeran awan di bawah Perkhidmatan MyGovCloud@CFA.

(b) Migrasi Malaysian Health Data Warehouse (MyHDW) ke Persekitaran Pengkomputeran Awan dengan skop berikut:
  (i) Migrasi ke pengkomputeran awan (lift and shift)
  (ii) Replatform MyHDW ke pengkomputeran awan
  (iii) Pembangunan API *gateway* dan BI tool dengan Gen AI
  (iv) Modernisasi MyHDW

(c) Peningkatan aplikasi MySejahtera melibatkan penambahan modul/fungsi.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 4-9**.

**JADUAL 4-9: NAIK TARAF PLATFORM DIGITAL MAKLUMAT KESIHATAN BERSEPADU**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | **Kajian Platform MySejahtera**<br>Mengkaji keupayaan platform digital kesihatan data sedia ada untuk memastikan capaian yang kukuh dan maklumat populasi berada dalam persekitaran yang selamat<br><br>**Migrasi Malaysian Health Data Warehouse (MyHDW) ke Persekitaran Perkomputeran Awan** |

| | |
|---|---|
| | Memindahkan operasi sistem MyHDW dan sistem-sistem sumber MyHDW ke persekitaran awan yang selamat, boleh skala, dan berprestasi tinggi. Peningkatan dalam kelajuan pemprosesan analitik, serta fungsi integrasi data yang lebih efisien.<br><br>**<u>Peningkatan Aplikasi MySejahtera</u>**<br>a. Mengembangkan MySejahtera sebagai platform untuk mengakses rekod kesihatan peribadi, promosi kesihatan, imunisasi, pemantauan NCD, serta hebahan penyakit berjangkit.<br>b. Memperluas fungsi pelaporan kendiri (gejala, gaya hidup, faktor risiko persekitaran) bagi mengukuhkan pengesanan awal wabak.<br>c. Menyediakan alatan saringan kendiri pintar (*chatbot*/AI) untuk membimbing orang awam membuat keputusan awal sekaligus mengurangkan kesesakan jabatan kecemasan.<br>d. Menyokong integrasi janji temu, peranti pemantauan jarak jauh. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | ● BKD<br>● BP |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **<u>Dis 2026</u>**<br>Kajian Kebolehlaksanaan *Replatform* MySejahtera dari persekitaran sedia ada ke CSP di bawah CFA selesai<br>**<u>Dis 2027</u>**<br>Migrasi, Replatform MyHDW, Pembangunan API dan BI Tools selesai<br>**<u>Dis 2030</u>**<br>- *Modernization* MyHDW selesai<br>- Penambahan modul fungsi MySejahtera selesai |
| **Keutamaan** | Tinggi |

### 4.3.3 Program 3: Pemerkasaan Aplikasi Kesihatan Populasi (Population Health)

Aplikasi Kesihatan Populasi merupakan aplikasi dalam kategori fungsi perkhidmatan *Population Health* yang memastikan tahap kesihatan komuniti adalah baik dalam bidang seperti kesihatan awam, kesihatan keluarga, kawalan penyakit, kualiti pemakanan, kesihatan pergigian, pengawalan farmasi dan pendidikan kesihatan. Ia menumpukan kepada analisis data kesihatan berskala besar untuk menyokong pembuatan dasar, intervensi kesihatan awam, dan pengurusan risiko pesakit. Pemerkasaan aplikasi kesihatan populasi bertujuan untuk memenuhi objektif program seperti berikut:

(a) Memperkasa aplikasi kesihatan populasi sebagai pelengkap kepada sistem EMR melalui penaik tarafan dan pembangunan aplikasi baharu yang bersepadu, dengan menekankan integrasi data, sokongan keputusan klinikal dan analitik kesihatan awam, bagi meningkatkan kualiti rawatan pesakit serta keberkesanan intervensi kesihatan di peringkat populasi.

(b) Melaksanakan penaiktarafan aplikasi kesihatan populasi sedia ada dengan memberi tumpuan kepada peningkatan fungsi, pengukuhan perkongsian data, serta pemantapan integrasi dengan sistem EMR bagi menyokong keberkesanan sokongan keputusan klinikal dan kesihatan awam.

(c) Membangunkan aplikasi baharu berasaskan data raya dan teknologi pintar yang menyokong EMR sebagai sumber utama, untuk mempertingkatkan pemantauan kesihatan populasi, ramalan risiko penyakit, dan menyediakan input strategik *Clinical Decision Support* (CDS) kepada sistem EMR.

Untuk tujuan tersebut enam (6) aktiviti program ini diperkasakan iaitu:
(a) Naik taraf Sistem MyUBAT;
(b) Pembangunan Malaysia Nutrition Information System (MyNIS);
(c) Pembangunan Electronic National Centre for Disease Control (eNCDC);
(d) Naik taraf Sistem IT MENTARI Versi 3.0 (MITS3.0);
(e) Sistem National Diabetes Registry (NDR) ; dan
(f) Sistem Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan di Malaysia (VeDa)

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 4-10**.

**JADUAL 4-10: PEMERKASAAN APLIKASI KESIHATAN POPULASI (POPULATION HEALTH)**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | **MyUBAT**<br>a. Sistem Pengurusan Pembekalan Ubat Bagi Perkhidmatan Nilai Tambah Farmasi.<br>b. Mewujudkan satu gerbang pengurusan secara berpusat bagi aktiviti perkhidmatan farmasi di fasiliti KKM melalui peningkatan kecekapan komunikasi antara anggota farmasi dan pesakit.<br>**MyNIS**<br>a. Menyediakan perkhidmatan saringan, intervensi, dan maklumat untuk memperkasa kemahiran rakyat memilih makanan lebih sihat dan mengurus berat badan.<br>**eNCDC**<br>a. Memastikan ketersediaan Malaysia untuk menangani kejadian wabak, bencana, krisis dan kecemasan Kesihatan Awam dengan berkesan, proaktif dan tepat melalui perkhidmatan pengurusan dan kawalan penyakit bersepadu berasaskan proses *end-to-end* yang komprehensif dan holistik, dengan penggunaan teknologi terkini, dipercayai dan terbukti yang selamat dan mampan.<br>b. Memperkasakan kecekapan dan keberkesanan pencegahan dan kawalan penyakit melalui pendigitalan proses kerja secara teratur yang berkeupayaan untuk menambah baik proses kerja secara berterusan dan memastikan pematuhan piagam pelanggan atau polisi kerja yang telah ditetapkan.<br>c. Memantapkan kejituan dalam pembuatan keputusan atau cadangan penyelesaian semasa menangani kejadian wabak, bencana, krisis dan kecemasan Kesihatan Awam berdasarkan *foresight*/*insight* yang dijana melalui data yang sahih, betul dan tepat. |

| | |
|---|---|
| | d. Mengukuhkan peranan sistem eNCDC sebagai perkhidmatan sokongan keputusan klinikal luaran (external Clinical Decision Support (CDS) service) yang berintegrasi dengan EMR, bagi memperkukuh pengesanan awal penyakit berjangkit, mempertingkatkan panduan diagnostik berasaskan data penyakit, serta menyokong pengurusan pesakit berisiko secara lebih proaktif, tepat dan berkesan.<br>**MITS3.0**<br>a. Pembangunan modul-modul baru bagi memenuhi keperluan semasa Perkhidmatan Kepakaran Psikiatri serta merekod data perkhidmatan, aktiviti dan beban kerja perkhidmatan Psikiatri di komuniti dan di luar dari fasiliti kesihatan.<br>b. Menaiktaraf Sistem IT MENTARI Versi 2.0 sedia ada bagi meningkatkan kecekapan pengurusan data-data klinikal MENTARI.<br>c. Menaiktaraf portal MENTARI Malaysia dengan fungsi keselamatan yang lebih baik, memudahkan kakitangan memasukkan maklumat serta memudahkan pengunjung untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan perkhidmatan ini.<br>d. Membuat perolehan perkakasan ICT yang berkaitan dengan projek yang dilaksanakan.<br>**NDR**<br>a. Sistem NDR merekodkan maklumat pesakit Diabetes di fasiliti Kerajaan dan swasta.<br>b. Menaiktaraf sistem sedia ada kepada teknologi terkini.<br>**c.** Penjanaan laporan dalam bentuk visual dan dikongsikan pada bila-bila masa.<br>**VeDa**<br>a. Sistem Veda bertujuan meningkatkan peratus kematian yang disahkan secara perubatan khususnya kematian berlaku di luar fasiliti kesihatan dan disahkan oleh pihak Polis.<br>b. Menaiktaraf sistem sedia ada kepada teknologi terkini |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | • PPF<br>• BP (M)<br>• BKP |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **MyUbat**<br>**Jun 2026**<br>Kelulusan JPICT bagi modul Personalisasi Dashboard & Modul Diari<br>**2027 – 2030**<br>Pembangunan modul Personalisasi Dashboard dan Modul Diari selesai. Peluasan penggunaan modul diari selesai<br>**Jun 2027**<br>Kelulusan JPICT bagi modul Penjaga (Guardian) & Mod Luar Talian<br>**2027 – 2028**<br>Pembangunan modul Penjaga (Guardian) & Mod Luar Talian selesai dan pelaksanaan penggunaan modul<br>**Jun 2028**<br>Kelulusan JPICT bagi modul Fungsi Peringatan Berasaskan Kecerdasan Buatan |

| | |
|---|---|
| | **2029 – 2030**<br>Pembangunan Fungsi Peringatan Berasaskan Kecerdasan Buatan selesai dan pelaksanaan penggunaan<br><br>**MyNIS**<br>**Sept 2026**<br>Pelantikan Kontraktor/Pembekal<br>**2026 – 2027**<br>Perolehan dan pembangunan sistem MyNIS selesai<br>**2027 – 2028**<br>Pelaksanaan MyNIS secara berperingkat<br>**Jan 2029**<br>Pembangunan selesai dan pelaksanaan sepenuhnya MyNIS<br><br>**eNCDC**<br>**Apr 2026**<br>Pelantikan Kontraktor/Pembekal<br>**2026 – 2027**<br>Perolehan dan pembangunan sistem eNCDC<br>**2027 – 2028**<br>Pelaksanaan eNCDC secara berperingkat<br>**Mac 2029**<br>Pembangunan selesai dan pelaksanaan sepenuhnya eNCDC<br><br>**MITS3.0**<br>**Feb 2026**<br>Permohonan RP3, RMK13 selesai<br>**Nov 2026**<br>Kelulusan Teknikal selesai<br>**Ogos 2028**<br>SST selesai<br>**Dis 2029**<br>Sistem *Go Live*<br><br>**NDR**<br>**Mac 2026**<br>Kelulusan JT ICT/JPICT<br>**Mac - Mei 2026**<br>Bengkel Keperluan Bisnes dan Teknikal<br>**Julai 2026**<br>Pembangunan Sistem selesai dan sistem sedia digunakan<br><br>**VeDa**<br>**Mac 2026**<br>Kelulusan JT ICT/JPICT<br>**Jun - Julai 2026**<br>Bengkel Keperluan Bisnes dan Teknikal<br>**November 2026**<br>Pembangunan Sistem selesai dan sistem sedia digunakan |
| **Keutamaan** | Tinggi |

## 4.4 STRATEGI 3: PEMANTAPAN PENGURUSAN DAN SOKONGAN PERKHIDMATAN KESIHATAN MENYELURUH

Aplikasi pengurusan dan sokongan perkhidmatan kesihatan merujuk kepada aplikasi di bawah fungsi perkhidmatan *functional support* dan *management services* yang menyokong fungsi perkhidmatan utama di Kementerian iaitu *person care* dan *population health*. Aplikasi pengurusan perkhidmatan kesihatan berfokus kepada pengurusan operasi dan sumber bagi memastikan perkhidmatan kesihatan sentiasa berjalan lancar dan menyokong pelaksanaan aplikasi EMR. Fungsi-fungsi di bawah pengurusan dan sokongan adalah seperti kewangan, sumber manusia, polisi dan pembangunan, penyelidikan, pemantauan dan kawalan, penguatkuasaan, standard dan perundangan serta latihan dan pentauliahan.

Terdapat banyak aplikasi pengurusan dan sokongan yang dirancang untuk dibangun, dinaik taraf serta diperluaskan. Terdapat keperluan untuk menyelaras, menyeragam dan mengoptimumkan pelaksanaan aplikasi pengurusan dan sokongan kesihatan di peringkat ibu pejabat, agensi supaya tiada pertindihan dari segi fungsi dan duplikasi berlaku. Pendekatan perkongsian pintar dirancang bagi mengelakkan pertindihan pembangunan aplikasi, penyeragaman dan memaksimumkan penggunaan sumber Kerajaan secara efisien dan berimpak tinggi.

Untuk tujuan tersebut, tiga (3) program berikut akan dilaksanakan:
P1 : Pembangunan Aplikasi Pengurusan dan Sokongan Kesihatan;
P2 : Naik Taraf dan Peluasan Aplikasi Pengurusan dan Sokongan Kesihatan; dan
P3 : Penyelarasan Aplikasi Pengurusan dan Sokongan Kesihatan.

### 4.4.1 Program 1: Pembangunan Aplikasi Pengurusan dan Sokongan Kesihatan

Objektif bagi pembangunan aplikasi pengurusan dan sokongan kesihatan adalah seperti berikut:
(a) Membangun sistem pengurusan dan sistem sokongan fungsian perkhidmatan kesihatan dengan menggabungkan teknologi baru muncul bagi keperluan;
(b) Wujudkan rangka kerja pembangunan sistem *in-house;* dan
(c) Membangun dan menambah baik sistem aplikasi dengan integrasi teknologi pintar (*Generative* AI, *chatbot*, visualisasi interaktif) supaya mempercepatkan operasi, mudah akses maklumat dan mesra pengguna.

Untuk tujuan tersebut dua (2) subprogram berikut telah dikenal pasti untuk dilaksanakan pembangunan baharu dan dinaik taraf iaitu:
(a) Pembangunan Aplikasi *Management Services*; dan
(b) Pembangunan Aplikasi *Functional Support*.

a. Subprogram 1: Pembangunan Aplikasi *Management Services*

Pembangunan aplikasi *management services* merujuk kepada pembangunan aplikasi baharu untuk skop kewangan, pengurusan sumber manusia, perkhidmatan teknologi maklumat, undang-undang, audit dalam, komunikasi korporat dan lain-lain fungsi pentadbiran. Aplikasi ini penting untuk memastikan penggunaan sumber yang cekap, keputusan berasaskan data dan pentadbiran yang lancar. Sebanyak 12 sistem aplikasi *management services* telah dikenal pasti untuk dibangunkan dalam tempoh 2026 hingga 2030. Sistem aplikasi tersebut adalah seperti berikut:

(a) Sistem Perpustakaan Bersepadu Koha;
(b) Sistem Pengurusan Keselamatan Perlindungan (eSPKP);
(c) Human Resource Information System (HRIS);
(d) Sistem Kewangan Bersepadu;
(e) Sistem eHemodialisis;
(f) Dashboard Tatatertib KKM;
(g) Sistem Pertukaran Suka Sama Suka (P3S);
(h) Sistem MyPrestasiKKM;
(i) CareOne;
(j) Pengurusan Naik Pangkat dan Pemangkuan (MyNPP);
(k) PRiSMA II;
(l) Sistem Permohonan Kebenaran Penerimaan Hadiah dan Tajaan KKM; dan
(m) Kes Management System (KMS).

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 4-11**.

**JADUAL 4-11: PEMBANGUNAN APLIKASI *MANAGEMENT SERVICES***

| | |
|---|---|
| **Objektif** | **<u>Sistem Perpustakaan Bersepadu Koha</u>**<br>a. Menyediakan satu platform yang dapat meningkatkan kecekapan dan memperkukuhkan tadbir urus dalam memberikan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat kepada pelanggan perpustakaan khususnya warga KKM.<br>b. Memudahkan akses dan capaian kepada maklumat melalui platform bersepadu berasaskan web.<br>c. Laporan boleh dijana dan dikongsikan pada bila-bila masa.<br>**<u>Sistem Pengurusan Keselamatan Perlindungan (eSPKP)</u>**<br>Membolehkan urusan permohonan kad akses dan pengurusan tempat letak kenderaan pelawat/ibu mengandung dilaksanakan secara dalam talian dan lebih sistematik.<br>**<u>Human Resource Information System (HRIS)</u>**<br>Menyokong proses dan operasi urusan berkaitan Urusan Perkhidmatan Pegawai dan Staff di KKM terutama bagi pengisian maklumat Jawatan-Isi-Kosong (JIK). |

| | |
|---|---|
| | **Sistem Kewangan Bersepadu (SKB)**<br>a. Menyediakan sistem untuk merekodkan hasil kutipan, tunggakan, pengecualian dan hapus kira bagi hasil di fasiliti KKM.<br>b. Memproses permohonan berkaitan peruntukan (bajet).<br>c. Memproses permohonan berkaitan pengurusan wang awam.<br>**Sistem eHemodialisis**<br>Menyediakan sistem untuk menguruskan permohonan, penilaian dan kelulusan bantuan di bawah Bantuan Subsidi Kos Rawatan Hemodialisis.<br>**Dashboard Tatatertib KKM**<br>Sistem ini akan memuatkan data kes tatatertib bagi semua Pihak Berkuasa Tatatertib di KKM bagi memantau proses tindakan tatatertib dilaksanakan dengan teratur berdasarkan keperluan di bawah prosedur tatatertib P.U.(A)395/1993.<br>**Sistem Pertukaran Suka Sama Suka (P3S)**<br>Aplikasi "Suka Sama Suka" adalah satu (1) platform digital yang direka khas untuk kakitangan penjagaan kesihatan di Malaysia, termasuk doktor, jururawat, dan skim perkhidmatan lain, bagi memudahkan proses pertukaran penempatan antara dua (2) pihak secara persetujuan bersama.<br>**Sistem MyPrestasiKKM**<br>Aplikasi yang akan memantau prestasi petugas kesihatan berdasarkan tugas harian dan menjana graf prestasi secara automatik melalui data. Ini akan memastikan pemantauan terhadap petugas kesihatan tersebut dijalankan adalah secara objektif dan seterusnya menjadi *self-coaching* untuk penambahbaikan perkhidmatan.<br>**CareOne**<br>a. Menyatupadukan sistem-sistem dalaman untuk pengurusan pentadbiran hospital dan perkhidmatan rawatan klinikal pesakit yang tidak terdapat dalam Sistem Pengurusan Pesakit (SPP).<br>b. Memastikan semua maklumat klinikal pesakit direkod, disimpan, dan dicapai dengan cepat serta tepat secara digital dan data boleh diakses pada bila-bila masa.<br>c. Pelaporan tersedia untuk doktor membuat keputusan lebih tepat berasaskan data sejarah pesakit, keputusan makmal dan rawatan terdahulu.<br>d. Memperkukuhkan tadbir urus pelaporan Radiologi daripada hospital rujukan dan dalaman bagi melancarkan rawatan ke atas pesakit.<br>e. Menambahbaik pengurusan tadbir urus rekod dan temujanji bagi pembedahan kecemasan dan elektif (emergency & elective surgery).<br>**Pengurusan Naik Pangkat dan Pemangkuan (MyNPP)**<br>Menyediakan satu (1) sistem untuk menguruskan kenaikan pangkat dan pemangkuan pegawai dan kakitangan lantikan KKM.<br>**PRiSMA II**<br>Sistem yang mendigitalkan buku latihan (buku log) latihan pegawai farmasi sementara (PRP) bagi memudahkan proses pengisian data, verifikasi dan validasi data. |

| | |
|---|---|
| | **Sistem Permohonan Kebenaran Penerimaan Hadiah dan Tajaan KKM**<br>a. Mendigitalkan proses permohonan hadiah dan tajaan latihan.<br>b. Menguruskan aliran kelulusan berperingkat yang melibatkan Penyokong dan Pelulus secara sistematik.<br>c. Mempercepatkan proses membuat keputusan melalui notifikasi sistem.<br>d. Meningkatkan ketelusan dengan membolehkan status permohonan dipantau pada setiap peringkat.<br>e. Memusatkan pengurusan rekod dan dokumen sokongan untuk pelaporan dan audit.<br>**Kes Management System(KMS)**<br>a. Meningkatkan keberkesanan pengurusan kes dengan lebih seragam dan sistematik.<br>b. Mengurangkan penggunaan kertas dan meningkatkan penggunaan teknologi terkini.<br>c. Memudahkan pelaporan kes yang boleh dijana dan dikongsikan pada bila-bila masa. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | ● BKP (P)<br>● BSM<br>● BK<br>● UI<br>● HPU<br>● JKN Pahang<br>● JKN Perlis |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **2026**<br>Pembangunan Sistem selesai:<br>● Sistem Perpustakaan Bersepadu Koha<br>● Sistem Pengurusan Keselamatan Perlindungan (eSPKP)<br>● CareOne<br>**2027**<br>Pembangunan Sistem selesai:<br>● *Dashboard* Tatatertib di peringkat KKM<br>● Sistem Pertukaran Suka Sama Suka (P3S)<br>● Sistem eHemodialisis<br>● Pengurusan Naik Pangkat dan Pemangkuan (MyNPP)<br>● Sistem Permohonan Kebenaran Penerimaan Hadiah dan Tajaan KKM<br>**2028**<br>Pembangunan Sistem selesai:<br>● HRIS<br>● MyPrestasi 2.0<br>● Sistem Kewangan Bersepadu |

| | |
|---|---|
| | **2029**<br>• Kes Management System (KMS)<br>**2030**<br>● PRiSMA II |
| **Keutamaan** | **Tinggi**<br>● Sistem Perpustakaan Bersepadu Koha<br>● Sistem Pengurusan Keselamatan Perlindungan (eSPKP)<br>● Sistem Kewangan Bersepadu<br>● Sistem eHemodialisis<br>● Dashboard Tatatertib KKM<br>● Sistem Pertukaran Suka Sama Suka (P3S)<br>● Sistem MyPrestasi KKM<br>● CareOne<br>● Pengurusan Naik Pangkat dan Pemangkuan (MyNPP)<br>● PRiSMA II<br>● Sistem Permohonan Kebenaran Penerimaan Hadiah dan Tajaan KKM<br>● Kes Management System (KMS)<br>**Sederhana**<br>Human Resource Information System (HRIS) |

b. Subprogram 2: Pembangunan Aplikasi *Functional Support*

Aplikasi *functional support* adalah sistem atau platform digital yang menyokong fungsi sokongan organisasi seperti penetapan polisi dan pembangunan, penyelidikan, pemantauan, kawalan dan penguatkuasaan, standard dan perundangan serta latihan dan pentauliahan. Aplikasi dan platform ini penting bagi memastikan operasi harian KKM dapat dilaksanakan dengan efisien dan efektif. Sebanyak 23 sistem aplikasi *functional support* telah dikenal pasti untuk dibangunkan dalam tempoh 2026 hingga 2030. Sistem aplikasi tersebut adalah seperti berikut:

(a) National T&CM Services Repository (NTCMR);
(b) Pembangunan Pemodenan dan Perluasan Food Safety Information System of Malaysia (FoSIM);
(c) Medical Register Information and Technical System (MeRITS) 2.0;
(d) Pengumpulan Data Penyelidikan Berintegrasi (eNHMS);
(e) Sistem Clearing House 2.0;
(f) Sistem Good Clinical Practice (GCP);
(g) Disease Recognition and Real-time Differentiation by Using Artificial Intelligence (DrRED.ai);
(h) Sistem Computerised Maintenance Management System (CMMS);
(i) Sistem Saringan Resilien MyRAT-25;

(j) Sistem Reward MyCHAMPION;
(k) Sistem Pengurusan Maklumat Jururawat Malaysia (SPMJM);
(l) Sistem Maklumat Farmasi (My.Pharma-C 2.0);
(m) Sistem Pembangunan Integrated Quality, Efficacy and Safety System (QUEST 5);
(n) Pharmaceutical Track & Trace System (PTTS);
(o) Sistem Pengurusan Kes Digital Forensik (CyForS);
(p) Sistem Digital Inspektorat dan Perundangan (SDIP);
(q) ILKKM LUMINA (Learning Universe with Modern Interactive Navigation & Assessment);
(r) Medical Device Centralised Online Application System (MEDCAST) 3.0;
(s) Sistem Pelaporan Kemajuan Inisiatif Organisational Anti Corruption Plan KKM (SPKI);
(t) Sistem Inventori Reagen;
(u) KKM Performance Dashboard;
(v) Sistem Maklumat Penguatkuasaan Kesihatan Awam - Public Health Enforcement Information System (PHEIS) ; dan
(w) Sistem TRACIVE (Tender Rationalization & Analysis Center with Intelligent Validation & Evaluation).

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 4-12**.

**JADUAL 4-12: PEMBANGUNAN APLIKASI *FUNCTIONAL SUPPORT***

| | |
|---|---|
| **Objektif** | **National T&CM Services Repository (NTCMR)**<br>Sistem ini merupakan sistem sepusat bagi maklumat berkenaan perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta di Malaysia. Sistem ini akan membolehkan pengumpulan, pemantauan dan pelaporan penggunaan perkhidmatan PT&K di Malaysia secara lebih sistematik dan berkesan.<br>**FoSIM**<br>a. Kawalan Keselamatan Makanan seluruh Malaysia meliputi aktiviti pengeksportan, pengimportan, pelabelan, pensampelan, latihan pengendali makanan, penganalisaan, pengauditan, pensijilan, pelesenan, makmal makanan, pemeriksaan premis makanan, kursus dan latihan makanan Malaysia.<br>b. Sistem ini juga menyumbang kepada penjanaan ekonomi negara.<br>**Medical Register Information and Technical System (MeRITS) 2.0**<br>a. Membangunkan semula sistem MeRITS 2.0 yang baharu bagi menggantikan sistem sedia ada dengan tujuan mewujudkan repositori pelesenan pengamal perubatan bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan selaras dengan keperluan semasa pengguna dan perkembangan teknologi terkini.<br>b. Rasional pembangunan semula sistem MeRITS adalah kerana sistem sedia ada tidak memenuhi keperluan semasa Majlis Perubatan Malaysia, kurang efisien, sukar dikemaskini, reka bentuk antaramuka yang tidak intuitif dan sukar difahami, tidak |

| | |
|---|---|
| | mempunyai aplikasi mobil sebagai capaian alternatif kepada pengguna, tiada integrasi dengan sistem kewangan atau sistem yang berkaitan.<br>**Pengumpulan Data Penyelidikan Berintegrasi (eNHMS)**<br>a. Untuk membangunkan satu sistem yang berintegrasi dan menyeluruh bagi membantu dalam aktiviti pengumpulan data projek penyelidikan berasaskan populasi.<br>b. Untuk membangunkan satu sistem pengumpulan data penyelidikan yang dapat digunakan secara berintegrasi melalui sistem web, sistem aplikasi mudah alih dan Sistem *Computer-Assisted Telephone Interviewing* (CATI).<br>**Sistem Clearing House 2.0**<br>Aplikasi untuk mengumpul maklumat dalam bentuk penerbitan, '*grey literature*', laporan, dokumen polisi dan garis panduan berkenaan orang kurang upaya (OKU).<br>**Sistem Good Clinical Practice (GCP)**<br>Platform atas talian untuk bengkel dan pensijilan *Good Clinical Practice* yang bertujuan meningkatkan akses dan fleksibiliti latihan, kecekapan dan penjimatan sumber. Sistem ini juga akan memudahkan pemantauan, penyimpanan rekod latihan, serta pelaporan.<br>**Disease Recognition and Real-time Differentiation by Using Artificial Intelligence (DrRED.ai)**<br>Sistem aplikasi dan model kecerdasan buatan (AI) untuk pengesanan penyakit mata merah dan penyakit yang berkaitan mata bagi diagnosis, *triaging* dan pengurusan kecemasan mata merah serta penyakit lain yang berkaitan.<br>**Sistem Computerised Maintenance Management System (CMMS)**<br>Menyimpan, mengumpul, merekod, menganalisa data dan maklumat penyelenggaraan serta memantau pelaksanaan projek penyelenggaraan peralatan perubatan di klinik oleh syarikat konsesi yang dikontrakkan.<br>**Sistem Saringan Resilien MyRAT-25**<br>Sistem ini adalah untuk mengukur daya tahan/tahap jati diri (resilient) di kalangan murid sekolah di Malaysia. Pembangunan sistem tertumpu kepada proses mengidentifikasi tahap resilien menerusi proses penganalisaan data pra dan pasca saringan serta padanan preskripsi bagi *resilient therapy intervention*.<br>**Sistem Reward MyCHAMPION**<br>Pemberian ganjaran dan pengiktirafan kepada sukarelawan (MyCHAMPION) yang berjaya mencapai sasaran dan objektif yang ditetapkan. Pengguna sistem adalah di kalangan sukarelawan dan juga pegawai pendidikan kesihatan yang menjalankan program promosi dan pendidikan kesihatan seluruh negara.<br>**Sistem Pengurusan Maklumat Jururawat Malaysia (SPMJM)**<br>SPMJM menyediakan perkhidmatan pengurusan kejururawatan secara komprehensif, bersepadu, *end-to-end* dan dalam talian (online).<br>**Sistem Maklumat Farmasi (My.Pharma-C 2.0)**<br>My.Pharma-C 2.0 ialah sistem dalam talian yang membolehkan permohonan, pemprosesan, kelulusan dan bayaran lesen serta permit di bawah Akta Racun 1952, pengurusan temujanji, pembayaran kompaun, pengurusan senarai racun, penghantaran |

| | |
|---|---|
| | sampel ke makmal forensik kimia, pengurusan harga ubat, serta pengurusan permohonan kelulusan iklan ubat dan perkhidmatan dilaksanakan secara digital dan berintegrasi.<br>**Sistem Pembangunan Integrated Quality, Efficacy and Safety System (QUEST 5)**<br>a. Sistem untuk pendaftaran ubat-ubatan dan kosmetik di Malaysia, berdasarkan keperluan dalam *Drug Registration Guidance Document* (DRGD).<br>b. Sistem ini berfungsi sebagai medium pendigitalan bagi semua proses regulatori farmaseutikal secara menyeluruh (end-to-end).<br>**Pharmaceutical Track & Trace System (PTTS)**<br>Pembangunan PTTS untuk menjejaki dan mengesan pergerakan produk farmaseutikal sepanjang rantaian bekalan bagi mencegah produk palsu dan menjamin keselamatan pesakit.<br>**Sistem Pengurusan Kes Digital Forensik (CyForS)**<br>a. Sistem ini memperkukuh kecekapan, ketelusan dan integriti dalam pengurusan bukti digital serta penyiasatan jenayah kesihatan melalui platform berpusat dan berautomasi.<br>b. Menyeragamkan proses forensik digital meliputi pendaftaran ekshibit, penjejakan rantaian kawalan, penjadualan analisis dan penyediaan laporan secara sistematik dan selamat.<br>c. Memastikan pematuhan kepada piawaian antarabangsa seperti ISO/IEC 27037, ISO/IEC 17025 dan panduan IFSA bagi menjamin kualiti, keselamatan dan kebolehpercayaan data.<br>d. Meningkatkan kecekapan operasi serta pemantauan dan pelaporan forensik melalui integrasi fungsi audit, kawalan akses peranan dan analisis prestasi digital.<br>**Sistem Digital Inspektorat dan Perundangan (SDIP)**<br>a. Memperkukuh kecekapan dan ketelusan penguatkuasaan perundangan kesihatan melalui pendigitalan proses penguatkuasaan, penjejakan tindakan dan pengawalseliaan.<br>b. Mengautomasikan aliran kerja dan penjejakan tindakan bagi pemantauan isu pematuhan yang lebih berkesan.<br>c. Menyediakan platform bersepadu untuk pengurusan kes, audit dan rekod penguatkuasaan di peringkat kebangsaan dengan capaian berpusat dan selamat.<br>d. Menyokong pelaksanaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesejahteraan Awam 2024 serta inisiatif perundangan kesihatan di KKM.<br>**ILKKM LUMINA (Learning Universe with Modern Interactive Navigation & Assessment)**<br>Platform pembelajaran bersepadu yang menyokong aktiviti pengajaran, penilaian dan pemantauan pelajar secara dalam talian.<br>**Medical Device Centralised Online Application System (MEDCAST) 3.0**<br>Sistem yang memastikan aktiviti kawal selia peranti perubatan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan melibatkan:<br>a. Permohonan Lesen Establismen.<br>b. Pendaftaran Peranti Perubatan.<br>c. Pendaftaran Badan Penilaian Pematuhan.<br>d. Permohonan Notifikasi Pengecualian Peranti Perubatan.<br>e. Permohonan Iklan Peranti Perubatan.<br>f. Permohonan Klasifikasi Kumpulan dan Risiko. |

| | |
|---|---|
| | g. Permohonan Eksport.<br>h. Pendaftaran Kompetensi Teknikal Peranti Perubatan.<br>i. Daftar Peranti Perubatan.<br>j. Pengurusan Papan Pemuka Pengguna.<br>k. Pengurusan Pembayaran Fi.<br>l. Pengurusan Pentadbiran Sistem.<br>**Sistem Pelaporan Kemajuan Inisiatif Organisational Anti Corruption Plan KKM (SPKI)**<br>Sistem ini adalah untuk memantau kemajuan pelaksanaan tindakan bagi inisiatif di bawah Pelan Antirasuah (Organisational Anti Corruption Plan-OACP) KKM dan Pelan OACP JKN/Institusi/Badan Berkanun/Syarikat KKM. Pelaporan bagi setiap pencapaian akan menjadi lebih telus dan komprehensif.<br>**Sistem Inventori Reagen**<br>Sistem pengurusan inventori reagen melibatkan pengurusan stok, permohonan reagen dan dashboard.<br>**KKM Performance Dashboard**<br>Pelaksanaan pembangunan dashboard yang komprehensif bagi menyokong Pihak Pengurusan Tertinggi dalam pelaksanaan strategi dan membuat Keputusan.<br>**Sistem Maklumat Penguatkuasaan Kesihatan Awam PHEIS)**<br>a. Sistem PHEIS menyokong operasi penguatkuasaan oleh Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam dengan lebih cekap dan berkesan.<br>b. Menaiktaraf sistem sedia ada kepada teknologi terkini.<br>c. Mengaplikasikan pendigitalan di dalam proses kerja pendakwaan, kertas siasatan dan ekshibit.<br><br>**Sistem TRACIVE (Tender Rationalization & Analysis Center with Intelligent Validation & Evaluation)**<br>a. Memusatkan pengurusan dokumen tender ICT dengan kawalan versi dan jejak audit yang jelas.<br>b. Mempercepat semakan tender melalui pengelasan dokumen dan pengekstrakan maklumat atau klausa penting.<br>c. Meningkatkan konsistensi semakan pematuhan berpandukan keperluan atau semakan senarai semak (AI-assisted).<br>d. Memperkukuh pemantauan status proses, tindakan susulan dan ketelusan kitaran semakan.<br>e. Menyediakan pelaporan serta dashboard untuk pemantauan prestasi dan penambahbaikan berterusan berasaskan data. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | • TCM<br>• PKKM<br>• MMC<br>• NIH<br>• BPKj<br>• BSM<br>• HECC<br>• BKJ |

| | |
|---|---|
| | • PPF<br>• BPKA<br>• BKD<br>• BPL<br>• MDA<br>• UI<br>• BPKA<br>• BPM |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **2026**<br>Pembangunan Sistem selesai:<br>SDIP, NTCMR, PTTS, SPKI Peringkat Kementerian, Reward MyCHAMPION, Sistem Inventori Reagen, PHEIS, TRACIVE<br>**2027**<br>Pembangunan Sistem selesai:<br>Sistem My.Pharma-C 2.0 Release 1, ILKKM LUMINA, Sistem SPMJM, KKM Performance Dashboard<br>**2028**<br>Pembangunan Sistem selesai:<br>MEDCAST 3.0, Sistem MyNPP, Sistem My.Pharma-C 2.0 Release 2, DrRED.ai, Sistem Saringan Resilien MyRAT-25, Sistem Medical Register Information and Technical System (MeRITS) 2.0, Sistem eNHMS, Sistem CMMS (Fasa 2), Sistem QUEST 5<br>**2029**<br>Pembangunan Sistem FoSIM selesai dan sistem sedia digunakan<br>**2030**<br>Pembangunan Sistem selesai:<br>Sistem CyForS, Sistem Clearing House 2.0, Sistem GCP |
| **Keutamaan** | **Tinggi**<br>NTCMR, FoSIM, MeRITS 2.0, eNHMS, Clearing House 2.0, DrRED.ai, CMMS, MyRAT-25, MyCHAMPION, SPMJM, My.Pharma-C 2.0, QUEST 5, PTTS, CyForS, SDIP, ILKKM LUMINA, MEDCAST 3.0, SPKI, Sistem Inventori Reagen, KKM Performance Dashboard, PHEIS, TRACIVE<br>**Sederhana**<br>GCP |

### 4.4.2 Program 2: Naik Taraf dan Peluasan Aplikasi Pengurusan dan Sokongan Kesihatan

Objektif bagi naik taraf dan peluasan aplikasi pengurusan dan sokongan kesihatan adalah seperti berikut:

(a) Menaik taraf dan memperluas aplikasi pengurusan serta sistem sokongan fungsian perkhidmatan kesihatan dengan menggabungkan teknologi baharu dan pintar bagi mempercepatkan operasi, meningkatkan kebolehaksesan maklumat, memperkukuh tadbir urus data, serta mempertingkatkan pengalaman pengguna ke arah perkhidmatan kesihatan digital yang cekap, mesra pengguna dan berimpak tinggi; dan

(b) Pemodenan sistem aplikasi sedia ada bagi meningkatkan *user experience and accessibility* bagi memperluas capaian sistem melalui pelbagai peranti termasuk mudah alih.

Untuk tujuan tersebut dua (2) subprogram berikut telah dikenal pasti untuk dilaksanakan pembangunan baharu dan dinaik taraf iaitu:
(a) Naik Taraf dan Peluasan Aplikasi *Management Services*; dan
(b) Naik Taraf dan Peluasan Aplikasi *Functional Support*.

a. Subprogram 1: Naik Taraf dan Peluasan Aplikasi *Management Services*

Naik taraf dan peluasan aplikasi *management services* akan melibatkan aplikasi dan platform digital seperti kewangan, pengurusan sumber manusia, perkhidmatan teknologi maklumat, undang-undang, audit dalam, komunikasi korporat dan lain-lain fungsi pentadbiran. Naik taraf dan peluasan aplikasi bertujuan bagi memastikan aplikasi dinaik taraf ke versi terkini, memenuhi keperluan pengguna serta digunakan secara menyeluruh. Enam (6) sistem aplikasi *management services* telah dikenal pasti untuk dinaik taraf dan diperluaskan dalam tempoh 2026 hingga 2030. Sistem-sistem tersebut adalah seperti berikut:
(a) Sistem ePengamal 2.0;
(b) Sistem Penempatan Pegawai Perubatan Lulusan Kepakaran (ePAKAR);
(c) Sistem Pemilihan Penempatan Pegawai Perubatan, Pergigian dan Farmasi (ePlacement);
(d) Portal KKMNOW;
(e) Sistem Maklumat Pengurusan Tanah (eSMPT); dan
(f) Sistem Pengurusan Peruntukan Pembangunan, KKM (eDE).

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 4-13**.

**JADUAL 4-13: NAIK TARAF DAN PELUASAN APLIKASI *MANAGEMENT SERVICES***

| | |
|---|---|
| **Objektif** | **<u>Sistem ePengamal2.0</u>**<br>Sistem dalam talian yang membolehkan pengurusan permohonan, pemprosesan, kelulusan dan pembayaran lesen berkaitan Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) di bawah Akta PT&K 2016. Sistem ini menyokong secara keseluruhan operasi dan pengurusan berkaitan PT&K di Malaysia untuk pengurusan perkhidmatan PT&K yang lebih cekap dan bersistematik.<br>**<u>Sistem Penempatan Pegawai Perubatan Lulusan Kepakaran (ePAKAR)</u>**<br>Sistem atas talian bagi memudahkan urusan lapor diri dan penempatan pegawai perubatan lulusan kepakaran pelbagai bidang klinikal di KKM. |

| | |
|---|---|
| | **<u>Sistem Pemilihan Penempatan Pegawai Perubatan, Pergigian dan Farmasi (ePlacement)</u>**<br>Sistem ePlacement berfungsi untuk mengurus proses permohonan dan penempatan lantikan kontrak atau tetap bagi pegawai perubatan, pergigian, dan farmasi yang baru dilantik. Aplikasi ini memastikan penempatan dijalankan secara sistematik, telus dan efisien mengikut kekosongan serta keperluan semasa fasiliti kesihatan di seluruh negara.<br>**<u>Portal KKMNOW</u>**<br>Menyediakan platform untuk penerbitan Data Terbuka KKM yang boleh diakses oleh orang awam.<br>**<u>Sistem Maklumat Pengurusan Tanah (eSMPT)</u>**<br>Mengurus maklumat tanah, premis demis dan permohonan tanah bagi tapak fasiliti KKM.<br>**<u>Sistem Pengurusan Peruntukan Pembangunan KKM (eDE)</u>**<br>Mengurus peruntukan, permohonan, agihan dan prestasi perbelanjaan bagi BP00600, BP00700, BP01100 yang diturunkan secara *one-line item* kepada KKM. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | ● BPM<br>● BPK<br>● TCM<br>● BPP<br>● BSM<br>● BP<br>● BP (P)<br>● HPU |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **<u>2026</u>**<br>Peluasan dan naik taraf sistem selesai:<br>● Sistem ePengamal2.0<br>● Sistem ePAKAR<br>● eSMPT<br>● eDE<br>**<u>2027</u>**<br>Peluasan dan naik taraf sistem selesai:<br>● Portal KKMNOW<br>**<u>2030</u>**<br>Peluasan dan naik taraf sistem selesai:<br>● Sistem ePlacement |
| **Keutamaan** | Tinggi |

b. Subprogram 2: Naik Taraf dan Peluasan Aplikasi *Functional Support*

Aplikasi *functional support* ialah sistem atau platform digital yang menyokong fungsi sokongan organisasi seperti penetapan polisi dan pembangunan, penyelidikan,

pemantauan, kawalan dan penguatkuasaan, standard dan perundangan serta latihan dan pentauliahan. Peningkatan dan peluasan aplikasi ini melibatkan yang menyokong fungsi organisasi seperti polisi, penyelidikan, pemantauan, penguatkuasaan, standard, perundangan, latihan dan pentauliahan. Naik taraf aplikasi ini penting bagi meningkatkan keberkesanan dan peluasan penggunaan aplikasi. Sebanyak 20 aplikasi telah dikenal pasti untuk di naik taraf dan diperluaskan dalam tempoh 2026 hingga 2030. Aplikasi tersebut adalah seperti berikut:

(a) Sistem MyHPIS V2;
(b) Sistem Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekitar (eBAKAS);
(c) Asset And Services Information System AI Technology (ASIS);
(d) Sistem Pelaksanaan, Pemantauan dan Pelaporan, Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan (SP-NPANM);
(e) Sistem Healthier Choice Logo (HCL);
(f) Sistem Registri Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (ePPKZM);
(g) Sistem eDPF 2.0;
(h) MyRADIA;
(i) Sistem Online Monitoring of Continuing Professional Development (myCPD);
(j) National DRG (Sistem DRG Kebangsaan);
(k) Sistem eCML;
(l) Mynda Call Center;
(m) Sistem Kualiti Mutu Air Minum (KMAM**);**
(n) eBiostatistics system;
(o) Global Information Hub on Integrated Medicine (Glob*in*Med);
(p) Talent Grooming Programme (MyTGP);
(q) Editorial board for International Medical Research Journal (IMRJ);
(r) Medical Device Centralized Reporting System (MEDCREST);
(s) Learning Management System; dan
(t) Sistem Strategic Health Performance Dashboard (StratHPD).

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 4-14**.

**JADUAL 4-14: NAIK TARAF DAN PELUASAN APLIKASI *FUNCTIONAL SUPPORT***

| | |
|---|---|
| **Objektif** | **Sistem MyHPIS V2**<br>Mengumpul Reten Data Pendidikan dan Promosi Kesihatan.<br>**Sistem Bekalan Air & Kebersihan Alam Sekitar (eBAKAS)**<br>Sistem yang mengumpulkan data mengenai kemudahan air dan sanitasi yang dibina oleh KKM mengikut daerah dan mukim.<br>**Asset And Services Information System AI Technology (ASIS)**<br>Menyimpan, mengumpul, merekod, menganalisa data dan maklumat penyelenggaraan serta memantau pelaksanaan program Penswastaan Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) di hospital/institusi KKM oleh syarikat konsesi yang dikontrakkan. |

| | |
|---|---|
| | **Sistem Pelaksanaan, Pemantauan dan Pelaporan, Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan (SP-NPANM)**<br>Menaik taraf sistem dengan menambah fungsi:<br>a. Integrasi dengan pangkalan data kesihatan awam bagi pelaporan bersepadu.<br>b. Dashboard dengan visualisasi interaktif.<br>**Sistem Healthier Choice Logo (HCL)**<br>Permohonan dan pemantauan logo pilihan lebih sihat (Healthier Choice Logo) secara atas talian bagi produk makanan dan minuman di Malaysia.<br>**Sistem Registri Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (ePPKZM)**<br>Menaik taraf sistem:<br>a. Integrasi dengan rekod kesihatan kanak-kanak (MySejahtera).<br>b. Modul pemantauan status kes pemakanan secara masa nyata.<br>c. Fungsi *alert* secara automatik untuk kes berisiko tinggi.<br>d. Laporan perbandingan mengikut negeri atau kawasan.<br>e. Analisis ramalan (*predictive analytics*) untuk mengenal pasti tren kes kekurangan zat makanan.<br>**Sistem Daftar Penguatkuasaan Farmasi (eDPF 2.0)**<br>Sistem komprehensif bagi pengurusan aktiviti penguatkuasaan farmasi yang merangkumi pengesahan aduan, risikan, serbuan, siasatan, pendakwaan, saringan iklan, pengurusan latihan, logistik dan lain-lain, serta menyokong pelaporan, pemantauan prestasi dan integrasi dengan sistem berkaitan secara menyeluruh dan selamat.<br>**MyRADIA**<br>Satu sistem bersepadu yang dibangunkan bagi meningkatkan kecekapan dalam urusan berkaitan dengan pengawalan penggunaan sinaran mengion bagi maksud perubatan.<br>**Sistem Online Monitoring of Continuing Professional Development (myCPD)**<br>a. Sistem yang membolehkan anggota kesihatan merekod aktiviti CPD mereka dalam format buku log secara dalam talian.<br>b. Menyediakan aplikasi mudah alih (*mobile apps*) untuk memudahkan capaian sistem melalui telefon pintar/tablet.<br>**National DRG (Sistem DRG Kebangsaan)**<br>Menerbitkan tarif DRG Kebangsaan untuk menyokong transformasi struktur pembiayaan kesihatan negara.<br>**Sistem eCML**<br>Merekod, menyimpan, mengumpul dan menganalisa data bagi kes medico legal di semua kemudahan kesihatan di Kementerian Kesihatan untuk tujuan pemantauan, pengauditan serta kajian kes.<br>**Mynda Call Center**<br>Sistem ini telah selesai dibangunkan bagi tujuan merekodkan maklumat demografi serta masalah psikososial bagi pemanggil talian HEAL 15555 yang digunakan oleh Pusat Kesihatan Mental.<br>**Sistem Kualiti Mutu Air Minum (KMAM)**<br>a. Menyimpan maklumat kualiti air minum bagi seluruh negeri di Malaysia.<br>b. Memantau data kualiti air bagi menjamin kualiti air yang dibekalkan kepada orang ramai adalah selamat untuk diminum.<br>**eBiostatistics system**<br>Naik taraf sistem menggunakan AI bagi mewujudkan GenAI chatbot untuk tujuan konsultansi. |

| | |
|---|---|
| | **Global Information Hub on Integrated Medicine (GlobinMed)**<br>a. Membolehkan laman web GlobinMed menjadi pangkalan data pharmacopoeia atas talian yang kukuh.<br>b. Menangani kekangan semasa dari segi kapasiti storan, prestasi *CPU* dan peruntukan memori persekitaran *VM* kepada sistem yang lebih stabil, responsif, dan boleh diskalakan.<br>c. Memperkembangkan fungsi portal untuk menyokong data saintifik yang terindeks. Ini termasuk pembangunan medan meta khusus untuk data berstruktur, penciptaan templat siaran tunggal khusus bagi entri pharmacopoeia, pembinaan modul pengindeksan, dan pelaksanaan modul carian yang sesuai.<br>d. Menyelaraskan keupayaan sistem dengan keperluan fungsi dan prestasi platform kandungan saintifik berasaskan web masa kini, bagi memastikan ia mampu menyampaikan maklumat yang moden, mudah diakses, dan bernilai dari segi saintifik.<br>**Talent Grooming Programme (MyTGP)**<br>Menaik taraf Sistem MyTGP yang berfungsi sebagai registri alumni, platform permohonan ke TGP, platform penilaian berterusan untuk talent dan penyelia TGP, platform untuk kehadiran ke latihan TGP, serta platform penilaian akhir untuk talent tamat program.<br>**Editorial board for International Medical Research Journal (IMRJ)**<br>a. Membangunkan sistem Open Journal Systems (OJS) bagi menguruskan penerbitan artikel penyelidikan di NIH.<br>b. Menggunakan OJS sebagai platform sumber terbuka yang cekap untuk menguruskan keseluruhan proses penerbitan artikel penyelidikan di NIH.<br>c. Menyokong penerbitan akses terbuka untuk penyebaran ilmu yang lebih luas tanpa sekatan.<br>d. Mewujudkan aliran kerja yang berstruktur untuk pengurusan artikel dari penyerahan hingga penerbitan artikel penyelidikan di NIH.<br>e. Meningkatkan fleksibiliti pengurusan penerbitan artikel penyelidikan di NIH melalui OJS mengikut keperluan spesifik semasa.<br>**Medical Device Centralized Reporting System (MEDCREST)**<br>Mewujudkan satu sistem berpusat untuk fasiliti kesihatan atau pengguna awam bagi menyalurkan aduan berkaitan insiden yang melibatkan peranti perubatan.<br>**Learning Management System**<br>Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) membolehkan warga Kementerian Kesihatan Malaysia mengikuti latihan, peningkatan kemahiran dan perkongsian ilmu secara mudah, pada bila-bila masa dan di mana sahaja ke arah kecemerlangan serta transformasi digital dalam penyampaian perkhidmatan Kesihatan.<br>**Sistem Strategic Health Performance Dashboard (StratHPD)**<br>a. Mengintegrasikan data daripada MyHDW dan sumber lain ke dalam satu platform visualisasi.<br>b. Cipta paparan data interaktif untuk enam domain utama prestasi penjagaan kesihatan (Faktor Luaran, Input, Proses, Output, Hasil, Kesan).<br>c. Mengadakan analisis aliran dan penilaian prestasi perbandingan merentas wilayah dan menyediakan akses mesra pengguna kepada kecerdasan penjagaan kesihatan untuk pelbagai pihak berkepentingan di peringkat dasar, pengurusan dan operasi. |

| | |
|---|---|
| | d. Menyokong perancangan strategik dan keputusan peruntukan sumber menggunakan pandangan berasaskan bukti dan memantau kemajuan ke arah objektif kesihatan negara dan sasaran berkaitan kesihatan. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | ● HECC<br>● BPKj<br>● BP(M)<br>● PPF<br>● BKRP<br>● BPP<br>● BAP<br>● NCEMH<br>● NIH<br>● MDA |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **2026**<br>Naik taraf dan Peluasan sistem selesai:<br>● Sistem DRG Kebangsaan<br>● IMRJ<br>**2027**<br>Naik taraf dan Peluasan sistem selesai:<br>● Sistem MyHPIS v2<br>● Sistem Bekalan Air & Kebersihan Alam Sekitar (eBAKAS)<br>● Sistem HCL<br>● MyRADIA<br>● Sistem eCML<br>● MyCPD<br>● Glob*in*Med<br>**2028**<br>Naik taraf dan Peluasan sistem selesai:<br>● Sistem SP-NPANM<br>● Sistem Registri Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (ePPKZM)<br>● Sistem eBiostatistics<br>● Mynda Call Center<br>● Sistem MyTGP<br>● Pembangunan penambahan modul MEDCREST<br>● Learning Management System<br>● Sistem StratHPD |

| | |
|---|---|
| | **2029**<br>Naik taraf dan Peluasan sistem selesai:<br>● Sistem ASIS<br>**2030**<br>Naik taraf dan Peluasan sistem selesai:<br>● Sistem eDPF 2.0<br>● Sistem KMAM<br>● Sistem MEDCREST |
| **Keutamaan** | **Tinggi**<br>Sistem MyHPIS v2, Sistem Bekalan Air & Kebersihan Alam Sekitar (eBAKAS), Sistem HCL, MyRADIA, eCML, MyCPD, Sistem DRG Kebangsaan, GlobinMed, Sistem ASIS, Sistem SP-NPANM, Sistem Registri Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (ePPKZM), Sistem eBiostatistics, Mynda Call Center, Sistem MyTGP, Sistem eDPF 2.0, Sistem KMAM, Sistem MEDCREST, Learning Management System, Sistem StratHPD<br>**Sederhana**<br>IMRJ |

### 4.4.3 Program 3: Penyelarasan Aplikasi Pengurusan dan Sokongan Kesihatan

Objektif bagi program penyelarasan aplikasi pengurusan dan sokongan kesihatan adalah seperti berikut:

(a) Menyelaras pembangunan aplikasi pengurusan dan sokongan yang merangkumi fungsi perkhidmatan *management services* dan *functional support* agar tiada pertindihan;
(b) Peluasan aplikasi secara perkongsian pintar untuk mengelakkan pembaziran sumber Kerajaan; dan
(c) Penyelarasan dan standardisasi aplikasi generik untuk keseragaman, menepati piawaian teknologi, keselamatan dan reka bentuk konsisten bagi memudahkan penyelenggaraan dan penjimatan sumber jangka panjang.

Penyelarasan aplikasi pengurusan dan sokongan kesihatan akan melibatkan aplikasi di bawah kategori *functional support* dan *management services* yang menyokong pentadbiran, perancangan, penyelarasan dan pemantauan operasi kesihatan. Penyelarasan sistem akan melibatkan pembangunan dan peluasan sistem baharu untuk disesuaikan dengan persekitaran dan keperluan bisnes masa kini serta kesediaan teknologi terkini yang sesuai. Tujuh (7) aplikasi yang telah dikenal pasti untuk pembangunan dan peluasan dalam tempoh 2026 hingga 2030. Sistem-sistem tersebut adalah seperti berikut:

(a) Sistem Pengurusan Fasiliti;
(b) Sistem eKehadiran;
(c) Sistem Pemantauan Kursus (eSPK);
(d) Sistem Pengurusan Aset ICT;

(e) Sistem eKenderaan;
(f) Sistem ePrestasi; dan
(g) Sistem Pengurusan Fail Peribadi (SPFP).

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 4-15**.

**JADUAL 4-15: PENYELARASAN APLIKASI PENGURUSAN DAN SOKONGAN KESIHATAN**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | **Sistem Pengurusan Fasiliti**<br>a. Sistem pengurusan tempahan untuk memudahkan, menyusun dan mendigitalkan proses ruang gunasama seperti dewan serbaguna, auditorium, bilik mesyuarat, bilik perbincangan, makmal komputer, ruang legar dan lain-lain.<br>b. Sistem pengurusan aduan fasiliti di Jabatan melibatkan rekod aduan, rekod tindakan penyelesaian dan pelaporan (contohnya: kerosakan elektrik, paip bocor, penghawa dingin rosak serta isu ruang gunasama).<br>c. Membolehkan pemantauan dan pelaporan penggunaan fasiliti di agensi.<br>**Sistem eKehadiran**<br>a. Sistem pengurusan rekod waktu masuk dan keluar staf secara digital.<br>b. Membolehkan pemantauan dan pelaporan kehadiran.<br>**Sistem Pemantauan Kursus (eSPK)**<br>Permohonan kursus dalaman KKM secara atas talian dan pemantauan kehadiran kursus bagi pegawai.<br>**Sistem Pengurusan Aset ICT**<br>a. Pengendalian modul Pengurusan Aduan dan Pengurusan Aset (pendaftaran, pergerakan, dsb.) oleh pengguna dan sokongan teknikal oleh kontraktor.<br>b. Pengukuran secara automatik terhadap KPI yang ditetapkan dalam SLA (cth: masa tindak balas aduan) dan pengiraan penalti (jika ada).<br>c. Pemantauan tarikh tamat tempoh kontrak, semakan inventori aset sewaan, dan perancangan perolehan penggantian (*refresh*).<br>d. Dashboard, pelaporan dan penilaian kontraktor.<br>**Sistem eKenderaan**<br>a. Sistem pengurusan tempahan untuk memudahkan, menyusun dan mendigitalkan proses tempahan kenderaan.<br>b. Membolehkan pemantauan dan pelaporan penggunaan kenderaan di agensi<br>**Sistem ePrestasi**.<br>Sistem merekod maklumat prestasi kerja kakitangan KKM yang digunakan semasa Persidangan Panel Sumber Manusia (PPSM) bagi pemilihan calon Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) KKM.<br>**Sistem Pengurusan Fail Peribadi (SPFP)**<br>Sistem ini dibangunkan untuk memudahkan permohonan fail peribadi baharu, pengemaskinian pembukaan, pengesanan, pengeluaran, pemulangan dan penyimpanan fail peribadi apabila diperlukan. |

| | |
|---|---|
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | ● BKP (P)<br>● BPK<br>● BPM<br>● BSM |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **2026**<br>Pembangunan Sistem Pengurusan Fail Peribadi (SPFP) selesai dan sistem sedia digunakan<br>**2027**<br>Sistem Pengurusan Aset ICT selesai penyediaan dokumen tender dan pengiklanan<br>**2028**<br>Pembangunan sistem selesai:<br>Sistem Pengurusan Fasiliti, Sistem eKehadiran, eSPK, Sistem ePrestasi<br>**Dis 2030**<br>Pembangunan Sistem eKenderaan selesai |
| **Keutamaan** | Tinggi |

## 4.5 STRATEGI 4: PEMERKASAAN INFOSTRUKTUR PERKHIDMATAN KESIHATAN

Infostruktur merujuk kepada struktur dan organisasi maklumat atau data, termasuk perkakasan, perisian, dan rangkaian komputer yang digunakan untuk menyimpan, memproses, dan menghantar maklumat. Platform Digital Kesihatan ialah ekosistem bersepadu yang menggabungkan pelbagai sistem, aplikasi dan teknologi digital bagi menyokong penyampaian perkhidmatan kesihatan secara holistik, moden dan inklusif. Dengan adanya infrastruktur teknologi dan perisian bersepadu akan membolehkan pertukaran, penyimpanan, analisis dan penyampaian maklumat kesihatan secara digital antara pesakit, penyedia perkhidmatan, penyelidik dan pembuat dasar dapat dilaksanakan secara berkesan.

Repositori Kesihatan adalah pusat simpanan digital berpusat yang menyimpan, mengurus dan menyediakan capaian kepada pelbagai jenis data serta maklumat kesihatan. Ia boleh berbentuk pangkalan data, sistem arkib atau platform bersepadu yang menyimpan data kesihatan pesakit, kajian, dan perkhidmatan kesihatan awam. Dengan memperluaskan lagi penggunaan repositori kesihatan sebagai salah satu medium platform digital kesihatan, ia akan memberi sokongan yang bermakna bagi perkhidmatan fungsian dan pemodenan perkhidmatan KKM serta memudahkan perkongsian maklumat kesihatan. Untuk tujuan tersebut dua (2) program berikut akan dilaksanakan:

P1 : Pengukuhan Repositori dan Aplikasi Kesihatan Digital; dan
P2 : Pemanfaatan AI dan Data Raya Dalam Perkhidmatan Pengurusan Kesihatan.

### 4.5.1 Program 1: Pengukuhan Repositori dan Aplikasi Kesihatan Digital

Objektif bagi program pengukuhan repositori dan aplikasi kesihatan digital adalah seperti berikut:

(a) Menyediakan repositori kesihatan nasional dan aplikasi pengurusan kesihatan digital baharu yang menyokong perancangan, operasi dan penyelidikan Kesihatan;
(b) Menggalakkan dan memudah cara integrasi antara sistem (terutama sistem baharu) bagi memastikan pengurusan sumber data yang cekap dan penggunaan sistem yang efisien;
(c) Meningkatkan interoperabiliti sistem antara agensi untuk membolehkan perkongsian maklumat yang lancar dan selamat;
(d) Memperkukuh tadbir urus data dan keselamatan siber termasuk penggunaan teknologi enkripsi bagi melindungi rekod digital sensitif; dan
(e) Mewujudkan platform pengurusan maklumat pegawai secara berpusat (Single Data Entry) bagi memastikan kawalan akses berasaskan *Single Source of Truth* dan penyelarasan pengguna aktif di seluruh KKM.

Untuk tujuan tersebut dua (2) subprogram berikut telah dikenal pasti untuk diperkukuhkan iaitu:

(a) Pembangunan Repositori dan Aplikasi Pengurusan Kesihatan; dan
(b) Naik Taraf Repositori dan Aplikasi Pengurusan Kesihatan.

a. Subprogram 1: Pembangunan Repositori dan Aplikasi Pengurusan Kesihatan

Enam (6) repositori/hub/aplikasi pengurusan kesihatan telah dikenal pasti untuk diselaraskan semula dengan pembangunan baharu dalam tempoh 2026 hingga 2030. Repositori dan aplikasi tersebut seperti berikut:

(a) Sistem Data Malaysia National Health Accounts (MNHA);
(b) Medical Programme Information System (MPIS) Fasa 1;
(c) Medical Programme Information System (MPIS) Fasa 2;
(d) Repositori Dspace;
(e) Aplikasi Mudah Alih Wellness;
(f) Integrasi Hub bagi Inisiatif Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan (DLKK); dan
(g) Aplikasi Reten Makmal Patologi Kesihatan Primer.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 4-16**.

## JADUAL 4-16: PEMBANGUNAN REPOSITORI DAN APLIKASI PENGURUSAN KESIHATAN

| | |
|---|---|
| **Objektif** | **Sistem Data Malaysia National Health Accounts (MNHA)**<br>a. Pendigitalan Sistem Data MNHA yang melibatkan proses kerja pengumpulan, penganalisaan dan pelaporan Perbelanjaan Kesihatan Negara.<br>b. Pendigitalan data perbelanjaan kesihatan negara adalah langkah kritikal dalam menyokong agenda transformasi digital negara. Dengan kerumitan dan jumlah data perbelanjaan kesihatan yang semakin meningkat yang merentas pelbagai agensi setiap tahun, pendigitalan membolehkan pengurusan data yang lebih cekap dengan mengurangkan masa pemprosesan, kos operasi dan pergantungan pada sumber manusia. Ia juga meningkatkan ketepatan data, masa dan kualiti -memastikan data perbelanjaan kesihatan tersedia untuk menyokong pengoptimuman sumber dan penggubalan dasar kesihatan berasaskan bukti.<br>**Medical Programme Information System (MPIS) Fasa 1**<br>a. Memenuhi keperluan pengguna bagi pengumpulan data secara digital melalui penambahan sebanyak 28 buah modul melibatkan semua bahagian di bawah Program Perubatan.<br>b. Mengurangkan beban pengguna dalam pengumpulan data melibatkan pengurusan hospital melalui satu (1) sistem utama.<br>c. Menjadi sistem yang holistik melalui integrasi data di dalam setiap modul yang dibangunkan.<br>d. Menambahbaik pengalaman pengguna dalam penggunaan sistem melalui integrasi bersama sistem sokongan klinikal yang lain serta sistem-sistem lain yang berkaitan.<br>**Medical Programme Information System (MPIS) Fasa 2**<br>Pembangunan melibatkan penambahan dan pengemaskinian fungsi/modul yang berkaitan Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB) dan Bahagian Amalan Perubatan (BAP) seperti berikut:<br>a. Penambahan fungsi/modul sistem e-Sumber untuk perjawatan semua Profesion Kesihatan Bersekutu (PKB) di bawah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB).<br>b. Penambahan fungsi/modul sistem e-Credentialing bagi mengiktiraf kompetensi anggota Kesihatan Bersekutu dalam bidang khusus berkaitan kecekapan dan kelayakan klinikal untuk menjalankan tugas serta dapat mengekal dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pesakit di bawah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB).<br>c. Penambahan fungsi/modul pengurusan aktiviti penguatkuasaan Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 [Akta 774] yang merangkumi pengurusan aduan, risikan, serbuan, siasatan, pendakwaan, pengkompaunan, prosiding tatatertib serta pemantauan kesalahan berulang di bawah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB).<br>d. Penambahan fungsi/modul dari sistem MedPCs bagi mengemukakan dan menyemak permohonan pendaftaran dan pelesenan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan |

| | |
|---|---|
| | Kesihatan Swasta 1998 atau lebih dikenali sebagai Akta 586 di bawah Bahagian Amalan Perubatan.<br>e. Penambahan fungsi Sistem myBRP@CKAPS untuk permohonan dan penilaian bagi kelulusan lesen kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta di bawah Bahagian Amalan Perubatan.<br>**Repositori Dspace**<br>a. Menjadi gerbang perkhidmatan maklumat digital yang disediakan kepada kementerian dan fasiliti KKM yang menjadi medium penyebaran maklumat digital KKM.<br>b. Merupakan platform mengumpul, menyimpan, memeliharan dan menyebarluas kandungan ilmiah hasil penerbitan KKM, karya intelek atau apa-apa sahaja bahan digital KKM.<br>**Aplikasi Mudah Alih Wellness**<br>a. Sistem ini berfungsi sebagai platform pendaftaran pengunjung dan peserta ke wellness Hub di seluruh negara.<br>b. Menambah Baik pengurusan dan koordinasi maklumat kesihatan menerusi saluran komunikasi strategik dan bersepadu bagi perubahan tingkah laku kesihatan untuk Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan (DLKK).<br>**Integrasi Hub bagi Inisiatif Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan (DLKK)**<br>a. Menambah baik pengurusan dan koordinasi maklumat kesihatan menerusi saluran komunikasi strategik dan bersepadu bagi perubahan tingkah laku Kesihatan.<br>b. Menambah baik integrasi hub penyampaian maklumat kesihatan secara digital/*online*.<br>**Aplikasi Reten Makmal Patologi Kesihatan Primer**<br>Membangunkan satu aplikasi web berasaskan platform dalaman (server KKM) yang berfungsi sebagai sistem pelaporan dan penyimpanan data Reten Makmal bagi fasiliti kesihatan primer dengan ciri-ciri penjanaan laporan automatik, pemantauan data, dan analisis visual melalui dashboard interaktif. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Jun 2030 |
| **Pemilik** | ● BP<br>● BPP<br>● BKP<br>● HECC<br>● BPKK<br>● PKP<br>● BP (M)<br>● BPKj |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **2026**<br>Pelaksanaan Repositori DSpace<br>**2028**<br>Pembangunan Sistem MPIS Fasa 1 selesai<br>**2029**<br>Pembangunan Aplikasi selesai: |

| | |
|---|---|
| | ● Aplikasi Mudah Alih *Wellness*<br>● Sistem MPIS Fasa 2<br>**<u>Jun 2030</u>**<br>Pembangunan Sistem selesai:<br>● Sistem MNHA<br>● Hub DLKK<br>● Aplikasi Reten Makmal Patologi Kesihatan Primer |
| **Keutamaan** | Tinggi |

b. Subprogram 2: Naik Taraf Repositori dan Aplikasi Pengurusan Kesihatan

Repositori kesihatan berfungsi sebagai sumber rujukan tunggal bagi data kesihatan. Ia boleh dijadikan tempat untuk menggabungkan pelbagai sumber data kesihatan dalam satu platform untuk petugas kesihatan, penyelidik dan pembuat dasar. Repositori juga merupakan tempat simpanan data yang selamat serta dapat melindungi maklumat pesakit dengan kawalan capaian dan penyulitan. Selain itu, teknologi analitik dan AI boleh digunakan untuk mendapatkan nilai daripada data yang disimpan dalam repositori.

Registri Kesihatan pula ialah komponen penting dalam ekosistem data dan pendigitalan kesihatan dan berfungsi sebagai pangkalan data khusus yang menyimpan, memantau, dan menganalisis maklumat tentang penyakit, rawatan, pesakit, atau intervensi kesihatan tertentu secara berterusan dan terpiawai. Registri melengkapkan fungsi repositori kesihatan dan integrasi hub kesihatan dengan memberi fokus kepada kumpulan data bertema khusus yang menyokong penyelidikan, perancangan dan dasar kesihatan awam.

Enam (6) repositori dan aplikasi pengurusan kesihatan yang dirancang untuk dibangun dan dinaik taraf adalah seperti berikut:
(a) Laman Web QHub Fasa 2;
(b) NIH Data Repository System (NIH-DaRS);
(c) National Medical Research Register (NMRR);
(d) Penambahbaikan Portal MyHealth;
(e) Sistem Repository for Nutrition Research (MyRNR); dan
(f) Portal NEHAP.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 4-17**.

**JADUAL 4-17: NAIK TARAF REPOSITORI DAN APLIKASI PENGURUSAN KESIHATAN**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | **<u>Laman Web QHub Fasa 2</u>**<br>a. Menyediakan platform berasaskan web sebagai hab yang mengkoordinasi bagi pelbagai inisiatif kualiti dalam sistem kesihatan. |

| | |
|---|---|
| | b. Menjadi pusat sumber pembelajaran sehenti (one stop learning resource centre for quality) untuk perkongsian *best practices*/projek kualiti/inovasi, kepakaran dan pusat kecemerlangan dalam bidang penambahbaikan kualiti sistem Kesihatan.<br>c. Menyediakan dashboard bagi membantu pemegang taruh memantau dan membuat keputusan yang lebih tepat dan cepat.<br>d. Menjadi platform pelaporan data terus dari lapangan – *real time entry*.<br>e. Mengintegrasikan maklumat setempat dengan bukti/*evidence* antarabangsa bagi menjana solusi untuk masalah kualiti kesihatan di lapangan secara kecerdasan buatan.<br>**NIH Data Repository System (NIH-DaRS)**<br>NIH-DaRS berfungsi untuk memusatkan, menyimpan dan memelihara data penyelidikan di bawah seliaan Kementerian Kesihatan Malaysia serta menyediakan akses kepada data sekunder bagi menyokong penyelidikan dan analisis lanjutan secara selamat dan cekap.<br>**National Medical Research Register (NMRR)**<br>a. Menaik taraf Sistem NMRR 2.0 yang digunapakai dalam pengurusan tadbir urus, penyelarasan dan pemantauan penyelidikan kesihatan di Malaysia. Data Sistem NMRR 1.0 boleh diakses melalui Sistem NMRR 2.0.<br>b. Peningkatan storan Sistem NMRR 2.0.<br>**Penambahbaikan Portal MyHealth**<br>Pembangunan portal dengan fungsi baharu dan peningkatan keselamatan sedia ada.<br>**Sistem Repository for Nutrition Research (MyRNR)**<br>Menaik taraf sistem dengan penambahan fungsi berikut:<br>a. Fungsi carian pintar berasaskan AI dengan penapisan mengikut kata kunci, tahun dan kategori.<br>b. Integrasi dengan ORCID/Scopus untuk import data penyelidikan automatik.<br>c. Modul dashboard analitik untuk trend penyelidikan.<br>d. Fungsi kolaborasi penyelidik (forum, komen, perkongsian dokumen).<br>e. Penjanaan laporan automatik untuk kegunaan pengurusan.<br>**Portal NEHAP**<br>Portal yang memberikan maklumat berkenaan strategi untuk memperbaiki kesihatan alam sekitar di Malaysia dan menerangkan tugas serta tanggungjawab pelbagai pihak berkepentingan. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2029 |
| **Pemilik** | ● NIH<br>● HECC<br>● BP(M)<br>● BPKj |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Sep 2026**<br>Penambahbaikan Portal MyHealth selesai |

| | |
|---|---|
| | **<u>Dis 2027</u>**<br>Naik Taraf Repositori NIH-DaRS selesai<br>**<u>April 2028</u>**<br>Naik Taraf Portal NEHAP selesai<br>**<u>Nov 2028</u>**<br>Naik taraf Laman Web QHub selesai<br>**<u>Dis 2029</u>**<br>Naik Taraf selesai:<br>● Registri National Medical Research Register (NMRR)<br>● Repositori MyRNR |
| **Keutamaan** | Tinggi |

### 4.5.2 Program 2: Pemanfaatan AI dan Data Raya Dalam Perkhidmatan Pengurusan Kesihatan

Objektif bagi program pemanfaatan AI dan data raya dalam perkhidmatan pengurusan kesihatan adalah seperti berikut:

(a) Memperkasa penggunaan analitik data raya kesihatan melalui ekosistem pengkomputeran awan dengan penyediaan perkhidmatan analitik data raya yang menyeluruh untuk meningkatkan kualiti penyelidikan, dasar kesihatan, rawatan klinikal serta keberkesanan pengurusan Kesihatan;

(b) Memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan kepintaran data dalam meningkatkan perkhidmatan kesihatan dalam dan luar bandar bagi tujuan diagnostik, rawatan peribadi (*precision medicine*), penyelidikan kesihatan, dan perancangan dasar, dengan menekankan aspek etika serta keselamatan data;

(c) Meningkatkan akses dan proses rawatan melalui aplikasi kesihatan pintar yang dapat digunakan dalam perkhidmatan klinikal, operasi kesihatan awam dan sokongan pentadbiran;

(d) Menyediakan platform penyelidikan bersepadu dan selamat (Trusted Research Environment) yang membolehkan kolaborasi, perkongsian data serta *federated analytics*; dan

(e) Menyokong proses membuat keputusan berasaskan data dengan penyediaan dashboard *descriptive analytics* dan *GenAI-driven insights* untuk pemantauan prestasi perkhidmatan, pembuatan dasar kesihatan dan pengurusan kesihatan.

Untuk tujuan tersebut tiga (3) subprogram berikut telah dikenal pasti untuk dilaksanakan iaitu:

(a) Peningkatan Ekosistem Analitik Data Raya Kesihatan (Big Data Analytics);

(b) Pembangunan *Image Processing System* (IPS) untuk Pembangunan AI Kesihatan; dan

(c) Pembangunan Aplikasi Berteraskan AI.

a. Subprogram 1: Peningkatan Ekosistem Analitik Data Raya Kesihatan (Big Data Analytics)

Peningkatan ekosistem data raya kesihatan memerlukan pembangunan yang berstruktur *Big Data Analytics* (BDA). BDA ialah proses mengumpul, memproses dan menganalisis set data kesihatan berskala besar, pelbagai dan cepat berubah untuk mendapatkan corak, trend dan nilai yang bermakna bagi menyokong keputusan klinikal dan dasar. Bagi melaksanakan analisis yang bermakna memerlukan sumber-sumber data daripada gudang data dan tasik data. Gudang data merupakan repositori berpusat yang menyimpan data kesihatan terstruktur daripada pelbagai sumber (hospital, klinik, sistem awam). Ia direka untuk analisis sejarah dan pelaporan. Manakala tasik data ialah platform penyimpanan yang menyimpan data mentah dalam pelbagai format (structured, semi-structured, unstructured), termasuk imej radiologi, laporan teks, genomik, IoT, *sensor* dan log sistem. Subprogram ini bertujuan untuk memulakan langkah ke arah pelaksanaan Ekosistem Analitik Data Raya Kesihatan.

Tujuh (7) aktiviti pembangunan yang akan dilaksanakan di bawah subprogram 1 adalah seperti berikut:

(a) Peningkatan Ekosistem Big Data Analytics (Research) NIH;
(b) Pembangunan Platform *Trusted Research Environment* (TRE);
(c) Pembangunan Platform for Research Insight and Strategic Management (PRISM);
(d) Pembangunan Platform MyGenom;
(e) Pembangunan Clinical Registry Hub;
(f) Pembangunan Large Language Model (LLM) Kesihatan;
(g) Pembangunan Pusat Kawalan KKM (*MOH Command Centre*) - Penganalisaan dan Penjanaan Laporan/Data Kesihatan Secara Masa Nyata.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 4-18**.

**JADUAL 4-18: PENINGKATAN EKOSISTEM ANALITIK DATA RAYA KESIHATAN (*BIG DATA ANALYTICS*)**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | **<u>Peningkatan ekosistem Big Data Analytics (Research) NIH</u>**<br>a. Penyediaan infrastruktur yang berkeupayaan tinggi dengan langganan perkhidmatan pengkomputeran awan untuk penyelidikan di NIH dan penyediaan platform *cloud* berpusat bagi:<br>- menyokong pelaksanaan projek penyelidikan berasaskan *big data analytics* termasuk bioinformatik, *digital health*, *Artificial Intelligence* (AI) dan *Internet of Things* (IoT).<br>- menyokong pelaksanaan *business intelligence* dan *business analytics* bagi operasi kegiatan penyelidikan di NIH dan KKM.<br>- menyokong pemantapan penyediaan dan penggunaan repositori data dari pelbagai sumber, dalam dan luar KKM bagi tujuan penyelidikan.<br>b. Penggunaan sumber ICT dengan kaedah *on demand strategy*. |

| | |
|---|---|
| | **<u>Pembangunan platform *Trusted Research Environment* (TRE)</u>**<br>a. Menyediakan platform Trusted Research Environment (TRE) dengan persekitaran penyelidikan yang selamat dengan memastikan akses terkawal dan pematuhan etika data penyelidikan.<br>b. Pembangunan TRE yang berkeupayaan tinggi dengan langganan perkhidmatan pengkomputeran awan bagi menyokong pelaksanaan analisa data bagi aktiviti penyelidikan KKM berteraskan prinsip *Safe Project, Safe People, Safe Data, Safe Output, Safe Setting.*<br>**<u>Pembangunan Platform for Research Insight and Strategic Management (PRISM)</u>**<br>Pembangunan Platform for Research Insights and Strategic Management (PRISM) yang berkeupayaan tinggi dengan langganan perkhidmatan pengkomputeran awan bagi menyokong pelaksanaan *business intelligence* dan *business analytics* operasi kegiatan penyelidikan di NIH dan KKM.<br>**<u>Pembangunan Platform MyGenom</u>**<br>a. Menyediakan infrastruktur penyimpanan dan pemprosesan data yang selamat dan boleh ditingkatkan.<br>b. Memastikan keberkesanan penggunaan sumber pengkomputeran awan dalam tempoh 36 bulan.<br>c. Sebagai medium perkongsian data antara para kolaborator projek penyelidikan MyGenom yang merangkumi pelbagai agensi termasuklah KKM, MOSTI, MOHE serta agensi swasta yang terlibat.<br>**<u>Pembangunan Clinical Registry Hub</u>**<br>Pembangunan ekosistem registri dinamik berpusat di NIH menggunakan konsep "*co-build*" and "*co-creation*", mengambil inisiatif untuk menggunakan aplikasi sedia ada tanpa kos tambahan serta fokus kepada pembangunan kapasiti dalaman.<br>**<u>Pembangunan Large Language Model (LLM) Kesihatan</u>**<br>Membangunkan LLM dalam konteks kesihatan di Malaysia dan aplikasi berasaskan LLM yang memberi manfaat kepada rakyat, penjagaan pesakit, pengurusan sistem kesihatan, dan penyelidikan.<br>**<u>Pembangunan Pusat Kawalan KKM (MOH Command Centre) - Penganalisaan dan Penjanaan Laporan/Data Kesihatan Secara Masa Nyata</u>**<br>Menyediakan platform pelaporan dan papan pemuka masa nyata untuk pengurusan tertinggi bagi pemantauan indikator sumber manusia, kecekapan perkhidmatan/fasiliti dan beban penyakit, bagi menyokong pengoptimuman sumber serta keputusan berasaskan data. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | • NIH<br>• BP<br>• BKD |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **<u>Dis 2026</u>**<br>• Pembangunan LLM Kesihatan selesai<br>• Pembangunan Dashboard MOH Command Centre selesai |

| | |
|---|---|
| | **Dis 2027**<br>• Pembangunan aplikasi kesihatan mengunakan LLM selesai<br>• Integrasi MOH Command Centre sekurang-kurangnya 2 sumber data tambahan dengan kemas kini berkala dan kawalan akses selesai<br>**2028**<br>● Peningkatan ekosistem *Big Data Analytics* (Research) NIH selesai<br>● Pelaksanaan rintis ke atas sekurang-kurangnya satu (1) aplikasi selesai untuk BDA<br>● Pelaksanaan rintis ke atas sekurang-kurangnya satu (1) aplikasi kesihatan menggunakan LLM selesai<br>● Langganan Storage dan Perkhidmatan AWS Platform MyGenom selesai<br>● Peluasan indikator MOH Command Centre kepada skim/ profesion tambahan serta modul pengurusan fasiliti<br>**2029**<br>● Pembangunan Platform TRE selesai<br>● Pembangunan Platform PRISM selesai<br>● Satu (1) laporan *monitoring* and *evaluation* untuk menentukan keberkesanan *sandbox* dalam pembangunan Clinic Registri Hub disediakan<br>● Peluasan paparan berkepentingan MOH Command Centre termasuk rakyat (mengikut dasar) dan penambahbaikan berterusan berdasarkan maklum balas pengguna. |
| **Keutamaan** | **Tinggi**<br>Ekosistem Analitik Data Raya Kesihatan, Platform TRE, Platform PRISM, Clinic Registri Hub, LLM Kesihatan, MOH Command Centre<br>**Sederhana**<br>MyGenom |

b. Subprogram 2: Pembangunan *Image Processing System* (IPS) untuk Pembangunan AI Kesihatan

Pembangunan Sistem Pemprosesan Imej (IPS) adalah komponen kritikal dalam memajukan bidang Kecerdasan Buatan (AI) Kesihatan, terutamanya dalam analisis perubatan diagnostik. IPS membolehkan AI untuk menganalisis, mentafsir, dan memproses imej secara automatik. Dalam bidang perubatan ia merujuk kepada penggunaan algoritma pembelajaran mesin atau *Machine Learning* (ML) dan pembelajaran mendalam atau *Deep Learning* (DL) untuk menganalisis imej klinikal secara automatik, antaranya termasuk imej radiologi, patologi, oftalmologi, dermatologi, dan lain-lain. Tujuannya ialah untuk membuat keputusan diagnosis dengan lebih cepat, tepat, dan konsisten, serta meningkatkan kecekapan aliran kerja klinikal.

Di bawah subprogram ini, terdapat satu (1) aktiviti yang akan dilaksanakan iaitu:
(a) Pembangunan Platform Repositori Imej Perubatan Bersepadu.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 4-19**.

**JADUAL 4-19: PEMBANGUNAN *IMAGE PROCESSING SYSTEM* (IPS) UNTUK PEMBANGUNAN AI KESIHATAN**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | **<u>Pembangunan Platform Repositori Imej Perubatan Bersepadu</u>**<br>a. Menyediakan infrastruktur pemprosesan dan pengurusan imej perubatan peringkat nasional yang selamat, dapat diukur dan bersepadu untuk penyelidikan dan pembangunan AI contohnya imej radiologi, imej patologi, imej oftalmologi (pemeriksaan fundus, slit-lamp, kornea), imej endoskopi, imej klinikal seperti imej kulit, imej ECG, EEG dan sebagainya.<br>b. Memastikan rantaian pemprosesan yang berintegriti, contohnya pengambilan, anonimisasi, pelabelan termasuk anotasi/segmentasi, sehinggalah validasi model AI dengan mematuhi tatakelola dan etika data.<br>c. Mempercepat kitaran '*Build–Test–Validate–Deploy*' AI secara selamat serta integrasi dengan ekosistem analitik data raya |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | NIH |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **<u>Dis 2026</u>**<br>Kelulusan JPICT<br>**<u>Jun 2027</u>**<br>Spesifikasi keperluan sistem<br>**<u>Jun 2030</u>**<br>Pembangunan platform secara dalaman selesai<br>**<u>Ogos 2030</u>**<br>UAT dan PAT selesai<br>**<u>Dis 2030</u>**<br>Pelaksanaan Satu (1) Platform Repositori Imej Perubatan Bersepadu |
| **Keutamaan** | Tinggi |

c. Subprogram 3: Pembangunan Aplikasi Berteraskan AI

Pembangunan Aplikasi Berteraskan AI merujuk kepada proses membina sistem perisian atau aplikasi mudah alih/web yang mengintegrasikan model dan algoritma Kecerdasan Buatan (AI) untuk meningkatkan kecekapan, membuat ramalan, atau membuat keputusan tanpa diprogramkan secara eksplisit. Aplikasi AI menggunakan keupayaan seperti Pembelajaran Mesin (Machine Learning - ML), Pemprosesan Bahasa Asli (Natural Language Processing - NLP), atau Penglihatan Komputer (Computer Vision) untuk memberikan keputusan klinikal yang pintar. Terdapat empat (4) sistem/ model yang akan dibangunkan berteraskan AI iaitu:

(a) e-Pemantauan Iklan Perubatan Berasaskan AI;
(b) Sistem ImpactWise AI;
(c) Pembangunan Model Prediktif Penyakit Berasaskan AI (Model ramalan penyakit) – PH AI For Population Health; dan

(d) Pembangunan AI Clinical Decision Support.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 4-20**.

**JADUAL 4-20: PEMBANGUNAN APLIKASI BERTERASKAN AI**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | **<u>e-Pemantauan Iklan Perubatan Berasaskan AI</u>**<br>Meningkatkan keupayaan penguatkuasaan dalam memantau dan mengawal selia iklan produk dan perkhidmatan kesihatan di platform digital secara automatik menggunakan kecerdasan buatan (AI) bagi memastikan pematuhan kepada undang-undang dan melindungi pengguna daripada iklan yang mengelirukan atau tidak sah.<br>**<u>Sistem ImpactWise AI</u>**<br>Platform berkuasa AI yang merevolusikan pemantauan dan penilaian (M&E) dalam kesihatan dengan memberikan *insights* berasaskan data secara *real-time* untuk pengagihan sumber yang lebih baik dan peningkatan hasil pesakit. Dengan menggabungkan AI dan *machine learning*, ia mengatasi kelemahan sistem M&E yang tradisional, membolehkan ketepatan dan kelestarian dalam penambahbaikan penjagaan kesihatan.<br>**<u>Pembangunan Model Prediktif Penyakit Berasaskan AI</u>**<br>Membangunkan model prediktif penyakit berasaskan AI melalui MySejahtera untuk mengenal pasti risiko awal, menyokong pencegahan dan perancangan, serta memacu pengoptimuman sumber berasaskan beban penyakit.<br>**<u>Pembangunan AI Clinical Decision Support</u>**<br>Membangunkan AI Clinical Decision Support untuk menyokong keputusan klinikal yang lebih konsisten dan selamat, meningkatkan kualiti penjagaan, serta mengurangkan variasi amalan melalui cadangan berasaskan data/bukti. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | • PPF<br>• HPU<br>• BKD |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **<u>Dis 2026</u>**<br>Fasa 1 - set data dimuktamadkan dan prototaip model NCD terpilih dibangunkan melalui AI Clinical Decision Support<br>**<u>Dis 2027</u>**<br>• Pembangunan Sistem ImpactWise AI selesai dan sedia digunakan<br>• Validasi klinikal dan papan pemuka analitik ramalan bagi sekurang-kurangnya satu *use case* melalui AI Clinical Decision Support<br><br>**<u>Jun 2029</u>**<br>Pembangunan Aplikasi e-Pemantauan Iklan Perubatan Berteraskan AI selesai dan sedia digunakan |

| | |
|---|---|
| | **2030**<br>Peluasan *use case* dan peluasan pelaksanaan AI Clinical Decision Support secara berfasa selesai |
| **Keutamaan** | Tinggi |

## 4.6 RUMUSAN

Secara keseluruhan, Teras Strategik 1 melibatkan 13 program dan 12 subprogram yang dirancang untuk memperkasakan fungsi perkhidmatan *person care*, *population health*, *management services* dan *functional support* KKM bagi tempoh 2026–2030. Teras ini akan dilaksanakan melalui empat (4) strategi utama yang merangkumi pembangunan, naik taraf dan peluasan aplikasi, platform, repositori dan teknologi.

Strategi 1 dan 2 adalah perancangan berkaitan inisiatif berkaitan *Electronic Medical Records* (EMR). Strategi 1 iaitu Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Digital yang Inklusif dan Mampan fokus kepada pengukuhan aplikasi di bawah fungsi perkhidmatan utama KKM iaitu *person care*. Lima (5) program akan dilaksanakan di bawah strategi ini. Strategi 2 iaitu Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Digital Bersepadu dan Responsif fokus kepada penggunaan platform digital bersepadu untuk pemodenan perkhidmatan, perkongsian, dan capaian maklumat kesihatan yang selamat dan berkesan. Tiga (3) program akan dilaksanakan bagi merealisasikan Strategi 2.

Strategi 3 dan 4 merangkumi perancangan inisiatif berkaitan aplikasi pengurusan dan sokongan perkhidmatan kesihatan atau bukan EMR. Strategi 3 iaitu Pemantapan Pengurusan dan Sokongan Perkhidmatan Kesihatan Menyeluruh bertujuan untuk menyelaras, menyeragam dan mengoptimumkan aplikasi *management services* dan *functional support*. Terdapat tiga (3) program yang akan dilaksanakan yang melibatkan pembangunan, naik taraf, peluasan dan penyelarasan aplikasi pengurusan dan sokongan perkhidmatan kesihatan. Manakala Strategi 4 iaitu Pemerkasaan Infostruktur Perkhidmatan Kesihatan memberi tumpuan kepada pengukuhan infostruktur digital, repositori, dan pemanfaatan teknologi pintar. Terdapat dua (2) program akan dilaksanakan yang melibatkan pengukuhan repositori, aplikasi, pemanfaatan AI dan data raya dalam perkhidmatan pengurusan Kesihatan.

Perancangan dalam Teras Strategik 1 bertujuan untuk mentransformasikan sistem penjagaan kesihatan di Malaysia, meningkatkan kualiti dan keberkesanan perkhidmatan kesihatan, memperkukuh akses dan saling kebolehkendalian data serta meningkatkan kecekapan operasi dan tadbir urus. Pemerkasaan ini adalah penting untuk mencapai visi pendigitalan sebagai pemacu kesihatan moden, cekap dan inklusif.

Sebagai rumusan, teras ini telah menumpukan kepada usaha menyeluruh KKM dalam memodenkan, mengintegrasikan, dan menyelaras aplikasi kesihatan digital bagi

memperkukuh penyampaian perkhidmatan kesihatan negara. Melalui pembangunan dan peluasan penggunaan platform digital bersepadu, KKM berhasrat memastikan perkongsian data kesihatan yang selamat, cekap dan menyeluruh, di samping mengelakkan pertindihan sistem serta memaksimumkan penggunaan sumber kerajaan secara efisien. Pendekatan strategik ini akan memperkukuh keupayaan organisasi ke arah ekosistem kesihatan digital yang inklusif, bersepadu, responsif dan berimpak tinggi selaras dengan aspirasi pendigitalan KKM 2026–2030.




**BAB 5: TERAS 2 – MEMPERKASAKAN EKOSISTEM INFRASTRUKTUR BERTERASKAN TEKNOLOGI TERMAJU**


| | | |
|---|---|---|
| 5.1 | Pengenalan | 5-1 |
| 5.2 | Strategi 1: Pengukuhan Pengurusan Teknikal dan Keperluan Perkakasan ICT | 5-2 |
| 5.3 | Strategi 2: Pemerkasaan Perkhidmatan Rangkaian dan Komunikasi Digital Bersepadu | 5-6 |
| 5.4 | Strategi 3: Pemodenan Infrastruktur Pusat Data dan Pemerkasaan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan | 5-10 |
| 5.5 | Strategi 4: Pemantauan dan Ketersediaan Pengoperasian Infrastruktur Yang Mampan | 5-12 |
| 5.6 | Rumusan | 5-15 |

## 5.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang Teras Strategik 2 — Memperkasakan Ekosistem Infrastruktur Berteraskan Teknologi Termaju. Dua (2) Objektif teras strategik ini adalah seperti berikut:

(a) Objektif pertama: Untuk memperkasa infrastruktur yang menyeluruh dan memenuhi keperluan teknologi terkini. Pemerkasaan ini akan dilaksanakan dengan memperkemas pengurusan teknikal dan proses mengenal pasti keperluan peralatan ICT yang lebih sistematik dan berkesan; dan

(b) Objektif kedua: Untuk memastikan pengoperasian infrastruktur stabil serta jaminan kesinambungan perkhidmatan yang responsif dan cekap. Aspek jaminan keupayaan, kestabilan dan kebolehpercayaan perkhidmatan perlu dipertingkatkan ke arah memodenkan perkhidmatan teknikal ICT selain meningkatkan pemantauan dan ketersediaan pengoperasian infrastruktur secara mampan.

Sebanyak empat (4) strategi akan dilaksanakan bagi memperkasakan ekosistem infrastruktur ICT seperti yang berikut:

S1 : Pengukuhan Pengurusan Teknikal dan Keperluan Perkakasan ICT;
S2 : Pemerkasaan Perkhidmatan Rangkaian dan Komunikasi Digital Bersepadu;
S3 : Pemodenan Infrastruktur Pusat Data dan Pemerkasaan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan; dan
S4 : Pemantauan dan Ketersediaan Pengoperasian Infrastruktur Yang Mampan.

Gambaran ringkas strategi dan program bagi Teras 2 adalah seperti di **RAJAH 5-1**.

**TERAS 2 - MEMPERKASAKAN EKOSISTEM INFRASTRUKTUR BERTERASKAN TEKNOLOGI TERMAJU**

**Objektif:**
1. Pemerkasaan infrastruktur yang menyeluruh dan memenuhi keperluan teknologi terkini.
2. Pengoperasian infrastruktur stabil serta jaminan kesinambungan perkhidmatan yang responsif dan cekap.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **S1** **Pengukuhan Pengurusan Teknikal dan Keperluan Peralatan ICT** | P1: | Pengurusan Perolehan dan Ketersediaan ICT | SP1:<br>SP2:<br>SP3: | Penyeragaman Proses Perolehan Perkakasan dan Perisian ICT<br>Pelaksanaan Perolehan dan Penggantian Perkakasan ICT<br>Pengukuhan Pengurusan dan Perolehan Perkakasan dan Perisian ICT Secara Sistematik dan Bersepadu |
| **S2** **Pemerkasaan Perkhidmatan Rangkaian dan Komunikasi Digital Bersepadu** | P1: | Pemerkasaan Liputan, Prestasi dan Kestabilan Infrastruktur Rangkaian | SP1:<br>SP2:<br>SP3: | Pengukuhan dan Kestabilan Capaian<br>Peningkatan Prestasi Capaian<br>Pemerkasaan Liputan Capaian |
| **S3** **Pemodenan Infrastruktur Pusat Data dan Pemerkasaan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan** | P1: | Pengukuhan Pusat Data dan Jaminan Kesinambungan Perkhidmatan | SP1: | Pengukuhan Sumber Kapasiti Pusat Data, Perkhidmatan Sokongan Pemulihan Bencana (DR) dan Ketersediaan Tinggi (HA) |
| | P2: | Adaptasi Teknologi Pengkomputeran Awan dan Perkhidmatan Gunasama | SP1: | Penyediaan Keperluan Infrastruktur Melalui Pendekatan Teknologi Pengkomputeran Awan dan Perkhidmatan Gunasama |
| **S4** **Pemantauan dan Ketersediaan Pengoperasian Infrastruktur Yang Mampan** | P1: | Pengukuhan Kecekapan Operasi dan peningkatan Infrastruktur | SP1: | Memperkasa Mekanisme Kecekapan Operasi dan Ketersediaan Infrastruktur |
| | P2: | Pengukuhan Keupayaan dan Kestabilan Capaian Infrastruktur | SP1:<br>SP2: | Pemantauan Infrastruktur Dengan Berkesan<br>Pemantauan Prestasi Aplikasi secara holistik |

**RAJAH 5-1: TERAS 2 – STRATEGI DAN PROGRAM**

## 5.2 STRATEGI 1: PENGUKUHAN PENGURUSAN TEKNIKAL DAN KEPERLUAN PERKAKASAN ICT

Pengukuhan pengurusan teknikal dan keperluan perkakasan ICT bertujuan untuk melaksanakan proses perolehan perkakasan ICT dengan lebih cekap dan berkesan. Bagi tujuan tersebut persediaan sebelum pelaksanaan proses perolehan perlu dirancang dengan teliti dan sistematik. Perkara ini penting bagi memastikan pengurusan teknikal akan dapat memenuhi keperluan sebenar pengguna di samping memastikan perkakasan

tersebut menggunakan teknologi yang terkini. Untuk tujuan tersebut satu (1) program berikut akan dilaksanakan:

P1 : Pengurusan Perolehan dan Ketersediaan ICT.

### 5.2.1 Program 1: Pengurusan Perolehan dan Ketersediaan ICT

Program ini bertujuan bagi melaksanakan perolehan peralatan ICT untuk semua Bahagian, Jabatan, Hospital dan fasiliti kesihatan KKM seluruh negara. Proses perolehan ini perlu dilaksanakan secara seragam, standard dan mematuhi spesifikasi yang ditentukan. Ia penting bagi menjamin proses perolehan tersebut telah dilaksanakan dengan telus dan mematuhi prosedur yang ditetapkan. Untuk tujuan tersebut tiga (3) subprogram berikut telah dikenal pasti untuk dilaksanakan untuk menyokong program seperti berikut:

(a) Penyeragaman Proses Perolehan Perkakasan dan Perisian ICT;
(b) Pelaksanaan Perolehan dan Penggantian Perkakasan dan Perisian ICT; dan
(c) Pengukuhan Pengurusan dan Perolehan Perkakasan dan Perisian ICT Secara Sistematik dan Bersepadu.

a. Subprogram 1: Penyeragaman Proses Perolehan Perkakasan dan Perisian ICT

Penyeragaman proses perolehan bermula dengan menyediakan katalog standard perkakasan dan perisian mengikut kategori pengguna dan jenis fasiliti. Proses seterusnya adalah membuat penyelarasan dan penyeragaman perolehan termasuk membuat kajian keperluan sama ada peningkatan, perolehan penggantian atau naik taraf perlu dilaksanakan. Kertas cadangan perolehan perlu disediakan bagi mendapatkan kelulusan JPICT KKM untuk pelaksanaan. Pelaksanaan sebenar perolehan adalah mengikut kelulusan peruntukan bagi setiap fasa penjadualan keperluan.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 5-1**.

**JADUAL 5-1: PENYERAGAMAN PROSES PEROLEHAN PERKAKASAN DAN PERISIAN ICT**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Menjamin perolehan yang telus dan patuh prosedur.<br>b. Meningkatkan inovasi dan transformasi digital.<br>c. Memastikan perolehan perkakasan dan perisian ICT dilakukan secara seragam, mematuhi standard dan spesifikasi yang diluluskan. |
| **Tempoh Masa** | Feb 2026 – Dis 2026 |
| **Pemilik** | BPM |

| | |
|---|---|
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Okt 2026**<br>Satu (1) dokumen katalog standard perkakasan dan perisian ICT diluluskan oleh JPICT. |
| **Keutamaan** | Tinggi |

b. Subprogram 2: Pelaksanaan Perolehan dan Penggantian Perkakasan dan Perisian ICT

Pelaksanaan perolehan bertujuan untuk penggantian perkakasan dan perisian ICT sedia ada dan ia dilaksanakan secara berkala dan berfasa. Aktiviti dimulakan dengan melaksanakan penyediaan inventori secara menyeluruh dan seterusnya menyediakan senarai perancangan penggantian perkakasan dan perisian ICT secara sistematik dan teratur. Polisi pelan hayat perkakasan digunakan sebagai panduan keperluan penggantian perkakasan. Perolehan akan dilaksanakan secara berfasa mengikut kelulusan teknikal dan kelulusan peruntukan kewangan.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 5-2**.

**JADUAL 5-2: PELAKSANAAN PEROLEHAN DAN PENGGANTIAN PERKAKASAN DAN PERISIAN ICT**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Pengumpulan data aset ICT yang memerlukan penggantian.<br>b. Menyediakan perancangan penggantian perkakasan dan perisian ICT yang menyeluruh.<br>c. Memastikan fasiliti menggunakan perkakasan dan perisian ICT yang terkini.<br>d. Memastikan pembangunan aplikasi dilengkapkan dengan perkakasan dan perisian ICT yang terkini.<br>e. Memastikan penggantian perkakasan dan perisian ICT sedia ada bagi menyokong naik taraf sistem. |
| **Tempoh Masa** | Mac 2027 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | • BPM (Ketua)<br>• JKN<br>• NIH<br>• BPKK<br>• BKD<br>• HKL<br>• BPL<br>• ILKKM |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **BPM**<br>**Apr 2026**<br>Pelaksanaan penggantian perkakasan dan perisian ICT secara sewaan Fasa 1 selesai<br>**Julai 2026**<br>Pelaksanaan penggantian perkakasan dan perisian ICT secara sewaan Fasa 2 selesai |

| | |
|---|---|
| | **Mac 2028**<br>Pelaksanaan penggantian perkakasan dan perisian ICT secara sewaan Fasa 3 selesai<br><br>**JKN**<br>**Dis 2028**<br>Pelaksanaan penggantian perkakasan secara sewaan di 16 buah JKN selesai<br><br>**NIH**<br>**Apr 2028**<br>Pelaksanaan sewaan komputer desktop, komputer riba dan pencetak di Institut Kesihatan Negara (NIH)<br><br>**HKL**<br>**Dis 2026**<br>Perolehan perkakasan FRIS selesai<br>**Jul 2028**<br>Perolehan perkakasan OIS dan CCIS akan selesai<br>**Nov 2030**<br>Perolehan perkakasan bagi RISPACS selesai<br><br>**BKD**<br>**Dis 2026**<br>Perolehan perkakasan ICT di 16 hospital dan 137 klinik kesihatan selesai<br>**Dis 2027**<br>Perolehan perkakasan ICT di 26 buah hospital dan 588 klinik kesihatan selesai<br>**Dis 2028**<br>Perolehan perkakasan ICT di 44 buah hospital, 1864 klinik desa dan klinik komuniti selesai<br>**Dis 2029**<br>Perolehan perkakasan ICT di 49 buah hospital selesai<br><br>**BPKK**<br>**Dis 2029**<br>Perolehan Perkakasan ICT untuk PACS di 69 klinik kesihatan selesai<br><br>**BPL**<br>**Ogos 2026**<br>Penggantian perkakasan komputer secara sewaan untuk 19 ILKKM |
| **Keutamaan** | Tinggi |

c. Subprogram 3: Pengukuhan Pengurusan dan Perolehan Perkakasan dan Perisian ICT Secara Sistematik dan Bersepadu

Skop bagi program ini adalah bagi menyediakan *need statement* perolehan aset ICT ke arah perolehan secara konsesi. Beberapa siri bengkel akan diadakan dengan pihak-pihak yang kepentingan seperti JKN dan fasiliti kesihatan bagi mendapatkan keperluan sebenar aset ICT untuk tempoh jangka pendek dan jangka sederhana. Satu (1) dokumen kajian akan disediakan yang akan menentukan keperluan sebenar perolehan aset ICT dengan justifikasi dan cadangan pelaksanaan secara konsesi.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 5-3**.

**JADUAL 5-3: PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN PEROLEHAN PERKAKASAN DAN PERISIAN ICT SECARA SISTEMATIK DAN BERSEPADU**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | Penyediaan dokumen *need statement* cadangan konsesi. |
| **Tempoh Masa** | Jun 2026 – Jun 2027 |
| **Pemilik** | • BPM (Ketua)<br>• JKN<br>• Fasiliti Kesihatan |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Jan 2027**<br>Satu (1) dokumen *need statement* disediakan bagi menentukan pelaksanaan perolehan secara konsesi |
| **Keutamaan** | Tinggi |

## 5.3 STRATEGI 2: PEMERKASAAN PERKHIDMATAN RANGKAIAN DAN KOMUNIKASI DIGITAL BERSEPADU

Perkhidmatan rangkaian dan komunikasi digital adalah penting bagi memastikan capaian maklumat sentiasa tersedia, stabil dan efisien. Perkhidmatan rangkaian amat bergantung kepada kawasan liputan dan kestabilan capaian di sesuatu tempat. Oleh itu, jaminan keupayaan, kestabilan dan kebolehpercayaan infrastruktur ICT merujuk kepada faktor ketersediaan ICT, kestabilan capaian maklumat dan liputan capaian rangkaian. Ketiga-tiga faktor ini perlu dimantapkan bagi memastikan jaminan perkhidmatan kepada pelanggan dan menyumbang kepada kepercayaan serta keyakinan terhadap keberkesanan perkhidmatan ICT KKM. Untuk tujuan tersebut satu (1) program berikut akan dilaksanakan iaitu Pemerkasaan Liputan, Prestasi dan Kestabilan Infrastruktur Rangkaian.

### 5.3.1 Program 1: Pemerkasaan Liputan, Prestasi dan Kestabilan Infrastruktur Rangkaian

Objektif utama program ini adalah bagi memantapkan infrastruktur rangkaian yang menyokong teknologi semasa dan membuat penyesuaian ke atas keperluan tersebut. Selain itu, pemantauan prestasi rangkaian perlu sentiasa dilaksanakan bertujuan bagi memastikan perkhidmatan dan jaminan kualiti perkhidmatan sentiasa dipatuhi. Untuk tujuan tersebut tiga (3) subprogram berikut telah dikenal pasti untuk dilaksanakan iaitu:

(a) Pengukuhan dan Kestabilan Capaian;
(b) Peningkatan Prestasi Capaian; dan
(c) Pemerkasaan Liputan Capaian.

a. Subprogram 1: Pengukuhan dan Kestabilan Capaian

Skop pengukuhan dan kestabilan capaian termasuk pelaksanaan *Network Performance Assessment* (NPA) rangkaian di semua hospital dan klinik kesihatan dan perolehan baharu serta menaik taraf peralatan rangkaian di bahagian, jabatan, institusi dan fasiliti kesihatan KKM.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 5-4**.

**JADUAL 5-4: PENGUKUHAN DAN KESTABILAN CAPAIAN**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Melaksanakan penilaian rangkaian di fasiliti.<br>b. Menaik taraf peralatan rangkaian. |
| **Tempoh Masa** | Ogos 2026 – Jun 2030 |
| **Pemilik** | ● BPM (Ketua)<br>● BKD<br>● JKN<br>● Fasiliti Kesihatan<br>● NIH<br>● PKP<br>● BPL<br>● ILKKM |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **BPM**<br>**Ogos 2026**<br>Laporan NPA rangkaian bagi Hospital dan Klinik Kesihatan selesai<br>**Dis 2029**<br>Perolehan pengurusan rangkaian secara M*anaged Services* di 12 hospital di Pahang (Zon Timur) selesai – Fasa 1 |

| | |
|---|---|
| | **BKD, PKP, NIH, BPL**<br>**Dis 2026**<br>i. Naik taraf rangkaian di 23 hospital selesai<br>ii. Naik taraf rangkaian di 588 klinik kesihatan selesai<br>**Dis 2027**<br>i. Naik taraf rangkaian di 44 hospital selesai<br>ii. Naik taraf rangkaian di 728 klinik pergigian selesai<br>iii. Naik taraf rangkaian di 9 BPL/ILKKM selesai<br>**Dis 2028**<br>i. Naik taraf rangkaian di 49 hospital selesai<br>ii. Naik taraf rangkaian di 459 klinik kesihatan selesai<br>iii. Naik taraf rangkaian di NIH selesai<br>**Dis 2029**<br>i. Naik taraf rangkaian di 964 klinik kesihatan selesai<br>ii. Naik taraf rangkaian di 10 BPL/ILKKM selesai |
| **Keutamaan** | Tinggi |

b. Subprogram 2: Peningkatan Prestasi Capaian

Skop peningkatan prestasi capaian bagi program ini adalah melaksanakan perolehan dan naik taraf perisian rangkaian di seluruh Bahagian KKM, agensi, JKN, Hospital dan Fasiliti Kesihatan KKM. Proses perolehan akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut kelulusan peruntukan dalam RMK13 dengan merujuk kepada penjadualan keperluan perkakasan ICT secara berpusat.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 5-5**.

**JADUAL 5-5: PENINGKATAN PRESTASI CAPAIAN**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | Menaik taraf perisian rangkaian |
| **Tempoh Masa** | Jun 2027 – Jun 2030 |
| **Pemilik** | • BPM (Ketua)<br>• BKD<br>• JKN<br>• Fasiliti Kesihatan |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Dis 2026**<br>i. Naik taraf perisian rangkaian di 23 hospital selesai<br>**Dis 2027**<br>i. Naik taraf perisian rangkaian di 44 hospital selesai<br>ii. Naik taraf perisian rangkaian di 588 klinik kesihatan selesai<br>iii. Naik taraf perisian rangkaian di 728 klinik pergigian selesai<br>**Dis 2028**<br>i. Naik taraf perisian rangkaian di 49 hospital selesai<br>ii. Naik taraf perisian rangkaian di 459 klinik kesihatan selesai<br>**Dis 2029**<br>Naik taraf perisian rangkaian di 964 klinik kesihatan selesai |
| **Keutamaan** | Tinggi |

c. Subprogram 3: Pemerkasaan Liputan Capaian

Skop bagi pemerkasaan liputan capaian meliputi perolehan peralatan *broadband* bagi program *outreach* di klinik pergigian dan fasiliti kesihatan KKM, perolehan dan naik taraf *wireless* AP di NIH, perolehan peralatan pemantauan trafik rangkaian utuk fasiliti kesihatan KKM serta kajian capaian internet di fasiliti kesihatan luar bandar Sabah dan Sarawak.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 5-6**.

**JADUAL 5-6: PEMERKASAAN LIPUTAN CAPAIAN**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | Melaksanakan perolehan peralatan rangkaian tanpa wayar (wireless connectivity) melalui peluasan capaian internet dan pemantauan trafik rangkaian. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2027 – Dis 2028 |
| **Pemilik** | • PKP<br>• Fasiliti Kesihatan<br>• NIH<br>• BPM<br>• JKN Sabah<br>• JKN Sarawak<br>• BKD<br>• MCMC |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **PKP**<br>**Jun 2027**<br>Perolehan Peralatan Broadband Bagi Program Outreach di 728 Klinik Pergigian selesai<br><br>**NIH**<br>**Dis 2028**<br>Perolehan Naik taraf Wifi AP di Institut Kesihatan Negara (NIH) selesai<br><br>**BPM&JKN**<br>**Jun 2026**<br>Satu (1) dokumen kajian capaian internet di fasiliti di luar bandar bagi Sabah dan Sarawak selesai<br>**Jun 2028**<br>Perolehan Peralatan Pemantauan Trafik Rangkaian di fasiliti KKM selesai<br><br>**BKD, BPM & MCMC**<br>**Sept 2026**<br>i. 10 buah hospital telah dilengkapi liputan WIFI 100%<br>ii. 45 buah klinik kesihatan telah dilengkapi liputan WIFI 100%<br>**2027 – 2029**<br>i. 142 buah hospital telah dilengkapi liputan WIFI 100% |

| | |
|---|---|
| | ii. 450 buah klinik kesihatan telah dilengkapi liputan WIFI 100% |
| **Keutamaan** | Tinggi |

## 5.4 STRATEGI 3: PEMODENAN INFRASTRUKTUR PUSAT DATA DAN PEMERKASAAN PERKHIDMATAN PENGKOMPUTERAN AWAN

Strategi bagi pemodenan infrastruktur pusat data dan jaminan kesinambungan perkhidmatan pengkomputeran awan merupakan pendekatan bagi memastikan keupayaan sistem ICT sentiasa berada dalam keadaan selamat, berdaya tahan dan beroperasi tanpa gangguan. Pemantapan keupayaan ini penting bagi menyokong keperluan operasi kritikal, meningkatkan kebolehpercayaan perkhidmatan serta memastikan kesinambungan fungsi utama organisasi. Pelaksanaan strategi ini turut menekankan kecekapan pengurusan sumber, pengoptimuman teknologi dan kesiapsiagaan terhadap ancaman keselamatan siber. Melalui pendekatan ini, infrastruktur ICT dapat dikekalkan dalam keadaan stabil, selamat dan mampu menyokong pelaksanaan transformasi digital secara menyeluruh. Untuk tujuan tersebut dua (2) program berikut akan dilaksanakan:

P1 : Pengukuhan Pusat Data dan Jaminan Kesinambungan Perkhidmatan; dan
P2 : Adaptasi Teknologi Pengkomputeran Awan dan Perkhidmatan Gunasama.

### 5.4.1 Program 1: Pengukuhan Pusat Data dan Jaminan Kesinambungan Perkhidmatan

Pengukuhan infrastruktur pusat data yang selamat, berskala dan berdaya tahan mampu menjamin kesinambungan perkhidmatan terutamanya kepada perkhidmatan sistem ICT yang kritikal. Selain itu dengan pengukuhan tersebut dapat memastikan ketersediaan infrastruktur yang kukuh bagi menyokong pembangunan serta pengoperasian sistem secara berterusan. Langkah ini juga memastikan ketersediaan persekitaran infrastruktur yang kukuh bagi menyokong pembangunan, pelaksanaan dan pengoperasian sistem secara berterusan. Bagi tujuan tersebut satu (1) subprogram berikut telah dikenal pasti untuk dilaksanakan iaitu:

a. Subprogram 1: Pengukuhan Sumber Kapasiti Pusat Data, Perkhidmatan Sokongan Pemulihan Bencana (DR) dan Ketersediaan Tinggi (HA)

Skop pelaksanaan subprogram ini adalah Pembangunan *Standard Operating Procedure* (SOP) pusat data bagi memastikan proses penilaian operasi dan kapasiti sistem dapat dilaksanakan secara sistematik. Ini juga melibatkan analisis impak secara berfasa mengikut keutamaan modul sistem KKM. Penyediaan dokumen *Disaster Recovery* (DR) juga akan ditentukan berdasarkan keutamaan tersebut untuk membolehkan penyelarasan secara berfasa kepada perkhidmatan infrastruktur DR/*High Availability* (HA).

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 5-7**.

**JADUAL 5-7: PENGUKUHAN SUMBER KAPASITI PUSAT DATA, PERKHIDMATAN SOKONGAN PEMULIHAN BENCANA (DR) DAN KETERSEDIAAN TINGGI (HA)**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Menyelaras dan mengoptimum sumber dalaman.<br>b. Memastikan kesinambungan perkhidmatan kritikal yang menyeluruh.<br>c. Memanfaatkan kepakaran teknikal dan sumber khusus.<br>d. Mengurangkan beban operasi dalaman.<br>e. Memanfaatkan kepakaran dan sumber dalaman.<br>f. Memastikan tahap perkhidmatan dapat diukur. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2028 |
| **Pemilik** | BPM |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Dis 2026**<br>Satu (1) dokumen SOP permohonan kapasiti sumber pusat data dan keperluan sistem berdasarkan unjuran selesai disediakan melalui pelaksanaan dua (2) siri bengkel<br>**Dis 2027**<br>Penyediaan pakej DRC sistem tanpa DR secara berfasa menggunakan pengkomputeran awan persendirian KKM selesai<br>**Dis 2028**<br>Satu (1) dokumen DRP selesai disediakan bagi sistem di bawah Pengkomputeran Awan Persendirian KKM |
| **Keutamaan** | Tinggi |

### 5.4.2 Program 2: Adaptasi Teknologi Pengkomputeran Awan dan Perkhidmatan Gunasama

Adaptasi teknologi pengkomputeran awan dan perkhidmatan gunasama bertujuan bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan mengoptimumkan penggunaan sumber. Pengkomputeran awan dapat menyediakan keupayaan teknologi baharu yang mudah, pantas dan berskala bagi menyokong infrastruktur yang tersedia pada bila-bila masa. Untuk tujuan tersebut satu (1) subprogram berikut telah dikenalpasti untuk dilaksanakan iaitu:

a. Subprogram 1: Penyediaan Keperluan Infrastruktur Melalui Pendekatan Teknologi Pengkomputeran Awan dan Perkhidmatan Gunasama

Skop pelaksanaan subprogram ini adalah melalui pembangunan platform pengkomputeran awan persendirian bagi KKM. Projek baharu yang melibatkan konsolidasi perkhidmatan infrastruktur pusat data penyimpanan data dan perkhidmatan gunasama dapat diselaraskan secara *software-define* berpusat dengan menggunakan teknologi pengkomputeran awan persendirian KKM. Manakala penyelarasan keperluan penggunaan teknologi baharu KKM akan menggunakan perkhidmatan JDN.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 5-8**.

**JADUAL 5-8: PENYEDIAAN KEPERLUAN INFRASTRUKTUR MELALUI PENDEKATAN TEKNOLOGI PENGKOMPUTERAN AWAN DAN PERKHIDMATAN GUNASAMA**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Menggalakkan pendekatan konsolidasi perkhidmatan gunasama<br>b. Membangunkan model cloud secara gunasama berasaskan kefungsian |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | BPM |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Jun 2027**<br>Pelaksanaan projek platform pengkomputeran awan persendirian KKM<br>**2027 – 2029**<br>Sekurang-kurangnya dua (2) projek menggunakan persekitaran pengkomputeran awan persendirian KKM setiap tahun<br>**2026 – 2030**<br>Sekurang- kurangnya satu (1) projek baharu menggunakan teknologi baru atau projek yang diselaraskan mengikut perkhidmatan gunasama setiap tahun<br>**2029 – 2032**<br>Satu projek sistem menggunakan perkhidmatan KKMCloud@CFA dibangunkan<br>**2029 – 2032**<br>Satu pangkalan data dibangunkan |
| **Keutamaan** | Tinggi |

## 5.5 STRATEGI 4: PEMANTAUAN DAN KETERSEDIAAN PENGOPERASIAN INFRASTRUKTUR YANG MAMPAN

Strategi ini memberi tumpuan kepada pengukuhan kecekapan operasi perkhidmatan serta penambahbaikan infrastruktur ICT bagi memastikan kesinambungan pengoperasian perkhidmatan dan sokongan terhadap pembangunan sistem baharu. Pelaksanaan strategi ini juga bertujuan meningkatkan kestabilan, kebolehpercayaan, serta keselamatan capaian infrastruktur dan aplikasi secara menyeluruh. Untuk tujuan tersebut dua (2) program berikut akan dilaksanakan:

P1 : Pengukuhan Kecekapan Operasi dan Peningkatan Infrastruktur; dan
P2 : Pengukuhan Keupayaan dan Kestabilan Capaian Infrastruktur.

### 5.5.1 Program 1: Pengukuhan Kecekapan Operasi dan Peningkatan Infrastruktur

Kecekapan operasi dapat dipertingkatkan melalui pendekatan teknologi moden yang membantu pelaksanaan tugasan melalui automasi proses kerja yang lebih sistematik dengan penggunaan teknologi terkini. Peningkatan infrastruktur ICT yang selamat,

berskala dan berdaya tahan juga dapat meningkatkan keupayaan infrastruktur bagi menyokong keperluan sistem baru dan jaminan kesinambungan perkhidmatan yang berterusan. Untuk tujuan tersebut satu (1) subprogram berikut telah dikenal pasti untuk dilaksanakan iaitu:

a. Subprogram 1: Memperkasa Mekanisme Kecekapan Operasi dan Ketersediaan Infrastruktur

Skop bagi program ini adalah melaksanakan perolehan perkakasan dan perisian 3D *Digital Printing Technology* (3DDT) di Klinik Pergigian KKM dan pengoperasian Makmal Siber Forensik Kesihatan Pergigian. Keperluan ini juga adalah bagi meningkatkan infrastruktur di IPKKM dan fasiliti kesihatan KKM melalui penggunaan teknologi terkini.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 5-9**.

**JADUAL 5-9: MEMPERKASA MEKANISME KECEKAPAN OPERASI DAN KETERSEDIAAN INFRASTRUKTUR**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Meningkatkan infrastruktur ICT yang selamat, berskala dan berdaya tahan bagi menyokong kesinambungan perkhidmatan serta pembangunan sistem baharu<br>b. Memperkukuh kecekapan operasi melalui proses kerja yang lebih sistematik, automasi dan penggunaan teknologi digital terkini |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2029 |
| **Pemilik** | • BPM (Ketua)<br>• JKN<br>• PKP<br>• Fasiliti Kesihatan |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **PKP**<br>**Dis 2026**<br>Perolehan perkakasan dan perisian 3DDT di tujuh (7) Klinik Pergigian selesai<br>**Jun 2028**<br>Perolehan perkakasan ICT dan langganan perisian alat forensik digital selesai<br><br>**HRPZII**<br>**Dis 2027**<br>Projek Naik taraf Pusat Data dan Sistem Rangkaian Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII)<br><br>**BPM**<br>**Jan 2028 – Dis 2030**<br>Sekurang-kurangnya dua (2) projek naik taraf pusat data/ICT di IPKKM/Fasiliti setiap tahun |

| | |
|---|---|
| **Keutamaan** | Tinggi |

### 5.5.2 Program 2: Pengukuhan Keupayaan dan Kestabilan Capaian Infrastruktur

Pengukuhan keupayaan dan kestabilan capaian infrastruktur bertujuan untuk memastikan prestasi perkhidmatan capaian maklumat yang cekap, selamat dan berskala. Kestabilan capaian infrastruktur dengan tahap ketersediaan tinggi adalah penting bagi menjamin pengoperasian dan kesinambungan perkhidmatan yang berterusan. Pemantauan berterusan bagi jaminan kualiti sistem aplikasi akan dilaksanakan untuk memastikan prestasi dan kestabilan capaian dapat dipertingkatkan. Untuk tujuan tersebut dua (2) subprogram berikut telah dikenal pasti untuk dilaksanakan iaitu:

(a) Pemantauan Infrastruktur Dengan Berkesan; dan
(b) Pemantauan Prestasi Aplikasi Secara Holistik.

a. Subprogram 1: Pemantauan Infrastruktur Dengan Berkesan

Skop pelaksanaan subprogram ini adalah dengan melaksanakan perolehan platform pemantauan infrastruktur ICT. Satu (1) *dashboard* paparan akan digunakan sebagai alat untuk memantau prestasi dan kestabilan capaian infrastruktur ICT.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 5-10**.

**JADUAL 5-10: PEMANTAUAN INFRASTRUKTUR DENGAN BERKESAN**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Menyediakan platform pemantauan yang komprehensif.<br>b. Mewujudkan visualisasi secara menyeluruh. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2029 |
| **Pemilik** | BPM |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Dis 2029**<br>Pelaksanaan platform pemantauan infrastruktur bagi server di IPKKM dan Co-lo PDSA |
| **Keutamaan** | Tinggi |

b. Subprogram 2: Pemantauan Prestasi Aplikasi Secara Holistik

Skop pelaksanaan subprogram ini adalah dengan melaksanakan perolehan platform pemantauan prestasi aplikasi. Satu (1) *dashboard* paparan akan digunakan sebagai platform untuk memantau prestasi dan kestabilan capaian aplikasi secara menyeluruh.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 5-11**.

**JADUAL 5-11: PEMANTAUAN PRESTASI APLIKASI SECARA HOLISTIK**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Menyediakan keperluan teknologi dan pemantauan prestasi aplikasi yang komprehensif.<br>b. Menyelaras aktiviti bagi keperluan pemantauan aplikasi secara menyeluruh. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2028 |
| **Pemilik** | BPM |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Jan 2026 – Dis 2028**<br>Pelaksanaan dua (2) Bengkel/Kursus/*BootCamp* pembangunan modal insan dan kepakaran bagi pemantauan prestasi aplikasi setiap tahun<br>**Dis 2028**<br>Pelaksanaan platform pemantauan sistem aplikasi secara menyeluruh |
| **Keutamaan** | Tinggi |

## 5.6 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, Bab ini telah membincangkan tentang Teras Strategik 2: Memperkasakan Ekosistem Infrastruktur Berteraskan Teknologi Termaju yang telah menumpukan kepada empat (4) strategi pelaksanaan iaitu Pengukuhan Pengurusan Teknikal dan Keperluan Peralatan ICT; Pemerkasaan Perkhidmatan Rangkaian dan Komunikasi Digital Bersepadu; Pemodenan Infrastruktur Pusat Data dan Pemerkasaan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan; dan Pemantauan dan Ketersediaan Pengoperasian Infrastruktur Yang Mampan. Strategi tersebut diharap telah dapat memenuhi objektif teras ini iaitu pemerkasaan infrastruktur yang menyeluruh dan memenuhi keperluan teknologi terkini dan pengoperasian infrastruktur stabil serta jaminan kesinambungan perkhidmatan yang responsif dan cekap. Sebanyak enam (6) program dan 11 subprogram telah dirancang untuk memperkasakan ekosistem infrastruktur berteraskan teknologi termaju bagi tempoh 2026–2030.

Sebagai rumusan, teras ini telah menekankan kepada keperluan memperkasa dan mengoperasikan infrastruktur digital kesihatan yang moden, stabil, dan berdaya tahan bagi menyokong penggunaan teknologi terkini serta menjamin kesinambungan perkhidmatan kesihatan yang cekap dan responsif. Melalui infrastruktur yang komprehensif dan bersepadu, KKM dapat memastikan sistem kesihatan digital yang selamat, berskala dan mampu beroperasi secara berterusan, sekali gus memperkukuh kecekapan operasi serta meningkatkan daya saing organisasi dalam era transformasi kesihatan digital.

# 6

## BAB 6: TERAS 3 – MEMPERKASAKAN KESELAMATAN DIGITAL SECARA HOLISTIK DAN ADAPTIF


| | | |
|---|---|---|
| 6.1 | Pengenalan | 6-1 |
| 6.2 | Strategi 1: Pengukuhan Ketahanan Kawalan Keselamatan Siber | 6-2 |
| 6.3 | Strategi 2: Pemantapan Pematuhan Keselamatan Digital Secara Menyeluruh | 6-3 |
| 6.4 | Strategi 3: Peningkatan Keberkesanan Pemantauan dan Tadbir Urus Bagi Mematuhi Akta Keselamatan Siber | 6-5 |
| 6.5 | Rumusan | 6-8 |

## 6.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang Teras Strategik 3 — Memperkasakan Keselamatan Digital Secara Holistik dan Adaptif. Dua (2) objektif teras strategik ini adalah seperti berikut:

(a) Objektif pertama: Untuk mewujudkan ekosistem digital yang selamat, dipercayai dan tahan terhadap sebarang bentuk ancaman siber. Ekosistem sebegini adalah amat penting bagi memastikan infrastruktur dan infostruktur pendigitalan sentiasa terpelihara dan selamat; dan

(b) Objektif kedua: Bagi memastikan pelaksanaan dasar keselamatan siber melalui tadbir urus yang cekap dan bersepadu. Untuk tujuan tersebut, aspek pematuhan dasar keselamatan digital perlu dimantapkan dengan penyediaan dasar keselamatan baharu yang relevan, di samping meningkatkan keberkesanan tadbir urus digital bagi mematuhi akta keselamatan siber secara menyeluruh.

Sebanyak tiga (3) strategi akan dilaksanakan bagi memperkasakan keselamatan digital secara holistik dan adaptif seperti yang berikut:

S1 : Pengukuhan Ketahanan Kawalan Keselamatan Siber;
S2 : Pemantapan Pematuhan Keselamatan Digital Secara Menyeluruh; dan
S3 : Peningkatan Keberkesanan Pemantauan dan Tadbir Urus Bagi Mematuhi Akta Keselamatan Siber.

Gambaran ringkas strategi dan program bagi Teras 1 adalah seperti di **RAJAH 6-1**.




**RAJAH 6-1: TERAS 3 – STRATEGI DAN PROGRAM**

## 6.2 STRATEGI 1: PENGUKUHAN KETAHANAN KAWALAN KESELAMATAN SIBER

Pengukuhan ketahanan kawalan keselamatan siber dapat dilaksanakan melalui beberapa inisiatif yang berkaitan dengan meningkatkan kawalan keselamatan terhadap data, infrastruktur dan aplikasi. Antaranya, perkhidmatan *Security Operation Centre* (SOC) bagi pemantauan, pengesanan dan tindak balas ancaman secara berterusan perlu dipertingkatkan. Untuk tujuan tersebut, satu (1) program berikut akan dilaksanakan iaitu:

P1 : Peningkatan Kawalan Keselamatan Siber Yang Holistik.

### 6.2.1 Program 1: Peningkatan Kawalan Keselamatan Siber Yang Holistik

Objektif program ini adalah untuk memperkukuh keselamatan siber bagi mengurangkan risiko kebocoran data, serangan siber, dan kerentanan sistem dengan menggunakan perkhidmatan keselamatan yang berpusat, berlapis dan dikendalikan oleh pakar secara profesional. Untuk tujuan tersebut, satu (1) subprogram berikut telah dikenal pasti untuk dilaksanakan pembangunan baharu dan dinaik taraf iaitu:

(a) Subprogram 1: Pengukuhan Kawalan Keselamatan Siber Terhadap Data, Infrastruktur dan Aplikasi.

Dua (2) skop Subprogram adalah:

(a) Perolehan Perkhidmatan *Managed Security Services* (MSS) bagi kawalan keselamatan ke atas infrastruktur ICT merangkumi perkhidmatan SOC, kawalan peralatan *endpoints*, rangkaian, aplikasi, *cloud* dan data.
(b) Pemantauan ke atas keberkesanan MSS iaitu:
- *Preliminary Impact Report* (PIR); dan
- *Post Implementation Review Report* (PIRR).

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 6-1**.

**JADUAL 6-1: PENGUKUHAN KAWALAN KESELAMATAN SIBER TERHADAP DATA, INFRASTRUKTUR DAN APLIKASI**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | **MSS**<br>a. Memperkukuh keselamatan siber melalui perkhidmatan *Security Operation Center* (SOC).<br>b. Mengurangkan risiko kebocoran data, serangan siber, dan kerentanan sistem dengan menggunakan perkhidmatan keselamatan yang berpusat dan dikendalikan oleh professional.<br>c. Meningkatkan kecekapan operasi ICT dengan menyerahkan pengurusan keselamatan kritikal kepada penyedia perkhidmatan yang pakar, sekali gus membolehkan penumpuan kepada fungsi teras.<br>d. Memastikan pematuhan kepada piawaian, dasar, dan perundangan keselamatan siber yang ditetapkan. |

| | |
|---|---|
| | e. Menjamin kesinambungan perkhidmatan dan perlindungan aset digital kritikal, termasuk rangkaian, aplikasi, *endpoint* serta data.<br>f. Memperkukuh dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan pengurusan dan pengendalian insiden keselamatan siber.<br>**PIR**<br>a. Menilai kesan awal yang dijangka dan mengenal pasti potensi, kesan positif dan negatif sebelum pelaksanaan penuh.<br>b. Membantu pihak berkepentingan membuat keputusan sama ada projek wajar diteruskan, diubah suai, atau dihentikan.<br>c. Mengenal pasti risiko dan isu dengan mengesan lebih awal sebarang risiko, cabaran, atau konflik yang mungkin timbul.<br>d. Menyediakan asas perancangan bagi kajian impak yang lebih mendalam atau laporan akhir di kemudian hari.<br>e. Meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti pelaksanaan perkhidmatan.<br>**PIRR**<br>a. Membandingkan prestasi dan objektif.<br>b. Mengukur pencapaian dan manfaat.<br>c. Menilai keberkesanan pengurusan projek.<br>d. Menilai kepuasan pengguna dan pihak berkepentingan.<br>e. Meningkatkan prestasi teknikal/operasi.<br>f. Mengenal pasti pengajaran dan cadangan. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2027 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | BPM |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Jan 2027– Dis 2030**<br>Perkhidmatan *Managed Security Services* (MSS) selesai dilaksanakan<br>**Ogos 2028**<br>Dokumen Laporan *Preliminary Impact Report* (PIR) selesai dibangunkan<br>**Dis 2029**<br>Dokumen *Post Implementation Review Report* (PIRR) selesai dibangunkan |
| **Keutamaan** | Tinggi |

## 6.3 STRATEGI 2: PEMANTAPAN PEMATUHAN KESELAMATAN DIGITAL SECARA MENYELURUH

Pemantapan ke atas pematuhan keselamatan digital akan dilaksanakan dengan memperkasakan pematuhan dasar keselamatan siber dan seterusnya menguatkuatkuasakan pelaksanaan audit pematuhan keselaman siber. Untuk tujuan tersebut, satu (1) program berikut akan dilaksanakan:

P1: Memperkasa Dasar Pematuhan Keselamatan Siber.

### 6.3.1 Program 1: Memperkasa Dasar Pematuhan Keselamatan Siber

Objektif program ini adalah untuk memantapkan pematuhan ke atas arahan, piawaian, pekeliling dan polisi berkaitan keselamatan siber yang berkuat kuasa dengan membangunkan dokumen dan melaksana pengauditan. Untuk tujuan tersebut, dua (2) subprogram berikut telah dikenal pasti untuk dilaksanakan iaitu:

(a) Pembangunan Dokumen Pematuhan Keselamatan Siber; dan
(b) Pelaksanaan Audit Pematuhan Keselamatan Siber.

a. Subprogram 1: Pembangunan Dokumen Pematuhan Keselamatan Siber

Dokumen pematuhan keselamatan siber merupakan dokumen rujukan utama bagi memenuhi keperluan seperti yang telah digariskan dalam arahan, piawaian, pekeliling dan polisi berkaitan keselamatan yang sedang berkuatkuasa. Dua (2) dokumen pematuhan keselamatan siber yang akan dibangunkan adalah:

(a) Dokumen Garis Panduan Penilaian Risiko Keselamatan terhadap Sistem ICT; dan
(b) Dokumen *Statement of Applicability* (SoA) Naziran Pengurusan Keselamatan Maklumat

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 6-2** dan **JADUAL 6-3**.

**JADUAL 6-2: PENYEDIAAN DOKUMEN GARIS PANDUAN PENILAIAN RISIKO KESELAMATAN TERHADAP SISTEM ICT**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | Pembangunan dokumen sebagai rujukan kepada pemilik projek bagi mempercepatkan proses penilaian risiko dijalankan. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2026 |
| **Pemilik** | BPM |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Dis 2026**<br>Dokumen Garis Panduan Penilaian Risiko Keselamatan terhadap Sistem ICT selesai dibangunkan |
| **Keutamaan** | Sederhana |

**JADUAL 6-3: PENYEDIAAN DOKUMEN *STATEMENT OF APPLICABILITY* (SoA) NAZIRAN PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | Pembangunan dokumen sebagai rujukan kepada Pasukan Auditor Dalaman KKM untuk tujuan pelaksanaan Naziran Keselamatan Maklumat di KKM. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2027 – Dis 2027 |

| | |
|---|---|
| **Pemilik** | BPM |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Dis 2027**<br>Dokumen *Statement of Applicability* (SoA) Naziran Pengurusan Keselamatan Maklumat selesai dibangunkan |
| **Keutamaan** | Sederhana |

b. Subprogram 2: Pelaksanaan Audit Pematuhan Keselamatan Siber

Skop pelaksanaan audit pematuhan merangkumi aktiviti naziran keselamatan siber di fasiliti kesihatan terpilih. Naziran ini dicadangkan dilaksanakan setiap dua (2) tahun. Sehubungan itu, pasukan pelaksana naziran perlu diperlengkapi dengan segala keperluan yang mencukupi bagi melaksanakan tugas tersebut dengan berkesan. Selain itu, latihan kepada auditor naziran juga perlu disediakan bagi memastikan pelaksanaan audit dijalankan dengan teratur dan profesional.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 6-4**.

**JADUAL 6-4: PELAKSANAAN AUDIT PEMATUHAN KESELAMATAN SIBER**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Memastikan pematuhan ke atas piawaian, arahan, pekeliling dan berkait keselamatan kerajaan yang sedang berkuat kuasa.<br>b. Memastikan ahli pasukan mendapat latihan yang mencukupi. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2027 – Dis 2028 |
| **Pemilik** | BPM |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **2027 & 2030**<br>Pelaksanaan naziran ke atas lima (5) fasiliti yang terpilih pada tahun 2027 dan 2030<br>**Dis 2028**<br>Pelaksanaan satu (1) Program Latihan Auditor Naziran Keselamatan Maklumat Selesai |
| **Keutamaan** | Tinggi |

## 6.4 STRATEGI 3: PENINGKATAN KEBERKESANAN PEMANTAUAN DAN TADBIR URUS BAGI MEMATUHI AKTA KESELAMATAN SIBER

Tadbir urus bagi menguatkuasakan pematuhan akta keselamatan siber adalah penting untuk diperkukuhkan. Ini adalah bagi memastikan pelaksanaan pematuhan ke atas akta dapat dilaksanakan dengan efektif dan efisien. Satu (1) aspek penting yang boleh diperkasakan adalah penyelarasan fungsi Ketua Sektor *National Critical Information Infrastructure* (NCII) bagi perkhidmatan jagaan kesihatan. Ia termasuk mewujudkan

tatakelola serta mengemaskini dokumentasi bagi memenuhi peruntukan di bawah akta dan arahan Ketua Eksekutif (KE), Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA). Untuk tujuan tersebut satu (1) program berikut akan dilaksanakan:

P1 : Memperkasa Penguatkuasaan Fungsi Ketua Sektor NCII Perkhidmatan Jagaan Kesihatan.

### 6.4.1 Program 1: Memperkasa Penguatkuasaan Fungsi Ketua Sektor NCII Perkhidmatan Jagaan Kesihatan

Objektif program ini adalah memperkukuhkan fungsi ketua Sektor NCII bagi mematuhi Akta Keselamatan Siber dan Arahan Ketua Eksekutif, NACSA. Untuk tujuan tersebut, dua (2) subprogram berikut telah dikenal pasti untuk dilaksanakan iaitu:

(a) Pemantapan Tatakelola Fungsi Ketua Sektor NCII; dan
(b) Penyelarasan Fungsi Ketua Sektor NCII.

a. Subprogram 1: Pemantapan Tatakelola Fungsi Ketua Sektor NCII

Dua (2) aktiviti bagi subprogram ini iaitu:

(a) Pengemaskinian Dokumen Tataamalan (CoP) Ketua Sektor Perkhidmatan Jagaan Kesihatan; dan
(b) Pengwujudan Dokumen Tatakelola Fungsi Ketua Sektor.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 6-5** dan **JADUAL 6-6**.

**JADUAL 6-5: PENGEMASKINIAN DOKUMEN TATAAMALAN (CoP) KETUA SEKTOR PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Pematuhan Akta Keselamatan Siber.<br>b. Pematuhan kepada Arahan Ketua Eksekutif (KE) NACSA. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2029 – Dis 2029 |
| **Pemilik** | BPM |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Dis 2029**<br>Dokumen Tataamalan (CoP) Ketua Sektor Perkhidmatan Jagaan Kesihatan selesai dikemaskini |
| **Keutamaan** | Tinggi |

**JADUAL 6-6: PENGWUJUDAN DOKUMEN TATAKELOLA FUNGSI KETUA SEKTOR**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Pematuhan Akta Keselamatan Siber.<br>b. Pematuhan kepada Arahan Ketua Eksekutif (KE) NACSA. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2028 – Dis 2028 |

| | |
|---|---|
| **Pemilik** | BPM |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Dis 2028**<br>Dokumen Tatakelola Fungsi Ketua Sektor Perkhidmatan Jagaan Kesihatan selesai disediakan |
| **Keutamaan** | Tinggi |

b. Subprogram 2: Penyelarasan Fungsi Ketua Sektor NCII

Pemerkasaan penyelarasan fungsi Ketua Sektor NCII juga boleh dilaksanakan dengan melaksanakan penyelarasan pendekatan yang lebih berkesan dan menyeluruh berkait dengan peranan Ketua Sektor NCII. Antara strategi dan langkah yang boleh membantu meningkatkan keberkesanan peranan ketua sektor NCII adalah seperti berikut:

(a) Pelaksanaan Program Libat Urus Entiti NCII;
(b) Pembangunan Pelan Migrasi Teknologi Kerentanan Keselamatan *Post Quantum Cryptography* (PQC) ke atas Aplikasi Kritikal NCII;
(c) Pelaksanaan Program Latihan dan Kesedaran Entiti NCII Sektor Awam; dan
(d) Pelaksanaan Penilaian Risiko Keselamatan NCII Sektor Awam.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 6-7, JADUAL 6-8, JADUAL 6-9** dan **JADUAL 6-10**.

**JADUAL 6-7: PELAKSANAAN PROGRAM LIBAT URUS ENTITI NCII**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Pematuhan Akta Keselamatan Siber.<br>b. Pematuhan kepada Arahan Ketua Eksekutif NACSA. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | BPM |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **2026 – 2030**<br>i. Pelaksanaan sekurang-kurangnya satu (1) Program Libat Urus bersama Entiti NCII setiap tahun<br>ii. Penetapan pencapaian 10 Entiti baharu setiap tahun |
| **Keutamaan** | Tinggi |

**JADUAL 6-8: PEMBANGUNAN PELAN MIGRASI TEKNOLOGI KERENTANAN KESELAMATAN *POST QUANTUM CRYPTOGRAPHY* (PQC) KE ATAS APLIKASI KRITIKAL NCII**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | Pematuhan kepada Arahan NACSA. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2026 |

| | |
|---|---|
| **Pemilik** | BPM |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Dis 2026**<br>Pelan Pelaksanaan Migrasi Teknologi Kerentanan Keselamatan *Post Quantum Cryptography* - PQC ke atas Aplikasi Kritikal NCII selesai dibangunkan |
| **Keutamaan** | Tinggi |

**JADUAL 6-9: PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN DAN KESEDARAN ENTITI NCII SEKTOR AWAM**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Pematuhan Akta Keselamatan Siber.<br>b. Pematuhan kepada Arahan Ketua Eksekutif NACSA. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2027 – Dis 2029 |
| **Pemilik** | BPM |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **2027 & 2029**<br>Pelaksanaan sekurang-kurangnya satu (1) program latihan dan kesedaran pegawai yang dberi kuasa NCII sektor kerajaan setiap tahun |
| **Keutamaan** | Tinggi |

**JADUAL 6-10: PELAKSANAAN PENILAIAN RISIKO KESELAMATAN NCII SEKTOR AWAM**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Pematuhan Akta Keselamatan Siber.<br>b. Pematuhan kepada Arahan Ketua Eksekutif NACSA. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | BPM |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **2026 – 2030**<br>Pelaksanaan sekurang-kurangnya satu (1) Penilaian Risiko Keselamatan NCII Sektor Awam setiap tahun |
| **Keutamaan** | Tinggi |

## 6.5 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, Bab ini telah membincangkan tentang Teras Strategik 3: Memperkasakan Keselamatan Digital Secara Holistik dan Adaptif yang telah menumpukan kepada tiga (3) strategi pelaksanaan iaitu Pengukuhan Ketahanan Kawalan Keselamatan Siber, Pemantapan Pematuhan Keselamatan Digital Secara Menyeluruh dan Peningkatan Keberkesanan Pemantauan dan Tadbir Urus Bagi Mematuhi Akta

Keselamatan Siber. Strategi tersebut diharap dapat memenuhi objektif teras ini, iaitu mewujudkan ekosistem digital yang selamat, dipercayai dan berdaya tahan terhadap sebarang bentuk ancaman siber, serta memastikan pelaksanaan dasar keselamatan siber dilaksanakan melalui tadbir urus yang cekap dan bersepadu. Sebanyak tiga (3) program dan lima (5) subprogram telah dirancang untuk memperkasakan keselamatan digital secara holistik dan adaptif bagi tempoh 2026–2030.

Sebagai rumusan, teras ini telah menekankan kepada pembentukan ekosistem digital yang kukuh, selamat dan boleh dipercayai bagi memastikan setiap aplikasi, infrastruktur dan data terlindung daripada ancaman siber. Ia turut juga memberi fokus kepada pelaksanaan dasar keselamatan siber yang berkesan melalui mekanisme tadbir urus yang cekap, menyeluruh dan bersepadu, agar setiap tindakan kawalan, pemantauan dan tindak balas siber dapat dijalankan secara konsisten di seluruh organisasi. Hasilnya, KKM akan dapat mengekalkan ketahanan digital (digital resilience) serta meningkatkan keyakinan pengguna terhadap keselamatan maklumat kesihatan negara.




**BAB 7: TERAS 4 – MEMPERHEBAT TATAKELOLA DAN KEPIMPINAN DIGITAL**


| | | |
|---|---|---|
| 7.1 | Pengenalan | 7-1 |
| 7.2 | Strategi 1: Pemantapan Dasar dan Pematuhan Tatakelola Kesihatan Digital | 7-2 |
| 7.3 | Strategi 2: Pengukuhan Organisasi dan Tatakelola Digital Kementerian | 7-6 |
| 7.4 | Strategi 3: Pemantapan Kompetensi ICT dan Pembudayaan Persekitaran Digital | 7-9 |
| 7.5 | Strategi 4: Peningkatan Keupayaan Kepimpinan Digital | 7-12 |
| 7.6 | Rumusan | 7-15 |

## 7.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang Teras Strategik 4 — Memperhebat Tatakelola dan Kepimpinan Digital. Dua (2) objektif teras strategik ini adalah seperti berikut:

(a) Objektif pertama: Untuk memperkukuh dasar, pematuhan dan rangka kerja tatakelola digital bagi memastikan integriti, keselamatan dan keberkesanan sistem kesihatan digital; dan

(b) Objektif kedua: Untuk membangunkan keupayaan, kompetensi dan kepimpinan modal insan melalui peningkatan pembudayaan, kemahiran digital, inovasi strategik dan pengurusan perubahan yang berkesan.

Sebanyak empat (4) strategi akan dilaksanakan bagi menyokong Teras 4:

S1 : Pemantapan Dasar dan Pematuhan Tatakelola Kesihatan Digital;
S2 : Pengukuhan Organisasi dan Tatakelola Digital Kementerian;
S3 : Pemantapan Kompetensi ICT dan Pembudayaan Persekitaran Digital; dan
S4 : Peningkatan Keupayaan Kepimpinan Digital.

Gambaran ringkas strategi dan program bagi Teras 2 adalah seperti di **RAJAH 7-1**.




**RAJAH 7-1: TERAS 4 – STRATEGI DAN PROGRAM**

## 7.2 STRATEGI 1: PEMANTAPAN DASAR DAN PEMATUHAN TATAKELOLA KESIHATAN DIGITAL

Pemantapan dasar dan pematuhan tatakelola bertujuan memperkukuhkan dasar digital, pematuhan dasar dan rangka kerja tatakelola digital. Pengukuhan ini termasuk mengenal pasti dasar dan polisi baharu yang perlu dibangunkan dan juga polisi sedia ada yang perlu dikemaskini selaras dengan perubahan persekitaran semasa. Selain itu, aspek tatakelola seperti pematuhan dasar dan polisi pengurusan digital KKM juga perlu dilaksanakan. Dengan cara ini akan dapat memastikan integriti, keselamatan dan keberkesanan sistem kesihatan digital dapat dipertingkatkan. Sehubungan dengan itu, dua (2) program berikut telah dikenal pasti untuk dilaksanakan iaitu:

P1 : Pemantapan Dasar Kesihatan Digital; dan
P2 : Pengukuhan Tatakelola dan Pemantauan Pelaksanaan Projek Pendigitalan.

### 7.2.1 Program 1: Pemantapan Dasar Kesihatan Digital

Objektif utama program ini adalah bagi memperkukuhkan tadbir urus pendigitalan KKM. Program ini akan menyumbang kepada peningkatan keberhasilan projek dengan mengambil kira dasar dan polisi yang telah dibangunkan. Selain itu aspek penggunaan sumber dan kos dapat dioptimumkan serta risiko kegagalan projek dapat dikurangkan Pemantapan dasar akan mengukuhkan integriti dan ketelusan pelaksanaan projek pendigitalan. Sehubungan dengan itu, dua (2) subprogram berikut telah dikenal pasti untuk dilaksanakan iaitu:

(a) Pembangunan Baharu dan Kemaskini Polisi Digital; dan
(b) Pembangunan Rangka Kerja Digital.

a. Subprogram 1: Pembangunan Baharu dan Kemaskini Polisi Digital

Sebanyak 10 polisi digital baharu telah dikenal pasti akan dibangunkan dan empat (4) polisi sedia ada akan ditambah baik. Pembangunan dan kemaskini polisi ini akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut keutamaan.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 7-1**.

**JADUAL 7-1: PEMBANGUNAN BAHARU DAN KEMASKINI POLISI DIGITAL**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Penyelarasan dan penyeragaman proses kerja.<br>b. Mitigasi risiko siber kritikal.<br>c. Memastikan medium saluran komunikasi digunakan secara beretika.<br>d. Meningkatkan pematuhan kepada piawaian keselamatan siber.<br>e. Meningkatkan kawalan capaian kepada sistem dan pangkalan data.<br>f. Meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti perkongsian data. |

| | |
|---|---|
| | g. Menyokong inovasi dan transformasi digital. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | • BPM<br>• BKD<br>• BP<br>• UKK |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Dis 2026**<br>i. Penubuhan Pasukan Khas Pelaksanaan AI<br>ii. Garis Panduan Perkongsian Data KKM<br>iii. Garis Panduan Penyelenggaraan ICT<br>**Dis 2027**<br>i. MJM Akta Kesihatan Digital<br>ii. Polisi Keselamatan Siber KKM<br>iii. Garis Panduan Spesifikasi Peralatan Rangkaian<br>iv. Pelan Pemantauan dan Naziran Berkaitan Pematuhan Dasar dan Operasi Keselamatan ICT<br>**Dis 2028**<br>i. Standard Interoperabiliti Data KKM mengikut standard yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Informatik Kebangsaan<br>ii. Pelan Pengurusan Perubahan KKM yang tersusun untuk menyokong pelaksanaan EMR<br>iii. Pembangunan Pelan Pemulihan Bencana (DRP) KKM<br>**Dis 2030**<br>i. Pewartaan Akta Kesihatan Digital<br>ii. Garis Panduan Adaptasi Kecerdasan Buatan (AI) dan Emerging Technologies KKM<br>iii. Garis Panduan Persetujuan Pemprosesan Data Kesihatan<br>iv. SOP Hebahan Maklumat Melalui Media Sosial<br>v. SOP Pembangunan Sistem Aplikasi di KKM<br>vi. SOP Infrastruktur ICT – Pusat data dan *Cloud* |
| **Keutamaan** | **Polisi Baharu**<br>Tinggi<br><br>**Penambahbaikan Polisi**<br>Sederhana |

b. Subprogram 2: Pembangunan Rangka Kerja Digital

Rangka Kerja Digital KKM yang komprehensif merupakan satu (1) dokumen rujukan penting bagi penyelarasan data dan maklumat yang melibatkan terutamanya pembangunan sistem dan pelaksanaan integrasi aplikasi. Satu (1) pasukan khas perlu diwujudkan bagi memberi khidmat nasihat tentang integrasi data, pemindahan teknologi dan sebagainya kepada pemilik dan pembangun sistem aplikasi. Aktiviti penguatkuasaan dan audit pematuhan rangka kerja juga perlu dilaksanakan bagi memastikan pematuhan polisi ini dalam proses pembangunan aplikasi KKM secara menyeluruh.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 7-2**.

**JADUAL 7-2: PEMBANGUNAN RANGKA KERJA DIGITAL**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Memastikan integrasi data kesihatan secara menyeluruh.<br>b. Memudahkan pertukaran maklumat secara pantas, selamat dan seragam.<br>c. Menyelaras pembangunan sistem agar tiada pertindihan fungsi supaya dapat mengoptimumkan penggunaan sumber ICT KKM.<br>d. Memberi akses maklumat yang lebih mudah dan cepat bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan. |
| **Tempoh Masa** | Dis 2026 – Dis 2028 |
| **Pemilik** | BKD |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Dis 2028**<br>Satu (1) Dokumen Rangka Kerja Interoperabiliti Data Kesihatan KKM Komprehensif disediakan |
| **Keutamaan** | Tinggi |

### 7.2.2 Program 2: Pengukuhan Tatakelola dan Pemantauan Pelaksanaan Projek Pendigitalan

Penguatkuasaan dasar dan polisi yang dibangun atau ditambah baik perlu dipantau di mana pematuhan dasar dan polisi ini akan menyumbang kepada peningkatan ketelusan, akauntabiliti dan keterangkuman dalam pelaksanaan projek pendigitalan. Sehubungan dengan itu, dua (2) subprogram berikut telah dikenal pasti untuk dilaksanakan iaitu:

(a) Pematuhan Polisi Digital; dan
(b) Pengukuhan Tatakelola Pengurusan Digital.

a. Subprogram 1: Pematuhan Polisi Digital

Aktiviti utama bagi subprogram ini adalah meningkatkan penguatkuasaan polisi digital melalui pelaksanaan pemantauan serta naziran pematuhan polisi ICT. Laporan hasil daripada pemantauan dan naziran pematuhan akan disediakan setiap akhir tahun bagi menilai keberkesanan penguatkuasaan dan cadangan penambahbaikan pada masa akan datang.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 7-3**.

**JADUAL 7-3: PEMATUHAN POLISI DIGITAL**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Melindungi kerahsiaan, integriti, dan ketersediaan maklumat serta sistem ICT daripada ancaman, kebocoran atau penyalahgunaan<br>b. Memastikan penggunaan ICT mematuhi undang-undang, pekeliling kerajaan, piawaian keselamatan, serta garis panduan yang berkuat kuasa. |

| | |
|---|---|
| | c. Meningkatkan tahap kesedaran, pengetahuan, dan pematuhan warga organisasi terhadap polisi serta garis panduan ICT.<br>d. Menyediakan asas tadbir urus ICT yang kukuh bagi menjamin kejayaan projek transformasi digital. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | • BPM<br>• BKD<br>• BP<br>• UKK |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **2026 – 2030**<br>i. Penyediaan Laporan pemantauan polisi ICT setiap tahun dihasilkan setiap tahun<br>ii. Satu (1) Laporan naziran pematuhan polisi ICT dihasilkan setiap tahun |
| **Keutamaan** | Sederhana |

c. Subprogram 2: Pengukuhan Tatakelola Pengurusan Digital

Aktiviti utama bagi mengukuhkan tatakelola pengurusan digital KKM melibatkan semakan dan pelarasan semula dari aspek terma rujukan (TOR), keahlian serta perkara-perkara lain yang berkaitan. Jawatankuasa yang terlibat dalam pengukuhan tatakelola pengurusan digital adalah Jawatankuasa Teknikal ICT, Jawatankuasa Pemantauan Projek ICT dan tadbir urus pelaksanaan EMR yang meliputi Jawatankuasa Pemandu EMR, Jawatankuasa Teknikal EMR dan Jawatankuasa Pelaksana EMR.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 7-4**.

**JADUAL 7-4: PENGUKUHAN TATAKELOLA PENGURUSAN DIGITAL**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Mewujudkan struktur tatakelola digital yang jelas, telus serta berakauntabiliti bagi menyokong pengurusan strategik organisasi.<br>b. Memastikan perancangan dan penggunaan sumber ICT (kewangan, manusia, infrastruktur, aplikasi) dilaksanakan secara optimum.<br>c. Melaksanakan mekanisme pemantauan dan pelaporan yang sistematik. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | • BPM<br>• BKD |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **2026 – 2030**<br>Satu (1) Laporan Semakan Tatakelola Pengurusan Digital dihasilkan setiap tahun |
| **Keutamaan** | Sederhana |

## 7.3 STRATEGI 2: PENGUKUHAN ORGANISASI DAN TATAKELOLA DIGITAL KEMENTERIAN

Pengukuhan organisasi digital Kementerian bertujuan meningkatkan keberkesanan dan kelestarian sesebuah organisasi dalam mencapai objektif pendigitalan. Struktur organisasi yang kukuh diperlukan bagi memastikan pendigitalan perkhidmatan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan efektif dan efisien. Penglibatan semua pihak bagi menyokong usaha ini amat penting termasuk mengadakan program libat urus dengan agensi pusat yang berkaitan. Pelan bakat ICT dan SME teknikal perlu dibangunkan dengan menyediakan *road map* yang jelas bagi meningkatkan kemahiran dan laluan kerjaya ICT.

*Enterprise Architecture* (EA) adalah bertujuan menyediakan hala tuju yang holistik dan berstruktur merangkumi penjajaran bisnes organisasi, data, aplikasi, dan teknologi secara bersepadu. EA membantu memperkemas dan mewujudkan aliran kerja yang lebih pantas dan tepat, mengurangkan pertindihan fungsi, menyelaras platform dan infrastruktur ICT selain mematuhi prinsip *Whole of Government* (WOG).

Oleh yang demikian, dua (2) program berikut akan dilaksanakan:
P1 : Pengukuhan Kapasiti Organisasi dan Perkhidmatan Digital; dan
P2 : Pemantapan Perkhidmatan Kesihatan Melalui Pendekatan *Enterprise Architecture* (EA).

### 7.3.1 Program 1: Pengukuhan Kapasiti Organisasi dan Perkhidmatan Digital

Pengukuhan kapasiti organisasi dan perkhidmatan digital adalah penting bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan jangka panjang, selain dapat meningkatkan kemahiran dan laluan kerjaya yang lebih jelas bagi kakitangan ICT dan SME teknikal. Sehubungan dengan itu, satu (1) subprogram telah dikenal pasti untuk dilaksanakan iaitu:
(a) Pelaksanaan Peningkatan Perjawatan dan Kerjaya Personel ICT Serta SME Perkhidmatan Digital.

a. Subprogram 1: Pelaksanaan Peningkatan Perjawatan dan Kerjaya Personel ICT Serta SME Perkhidmatan Digital

Pelaksanaan peningkatan perjawatan dan kerjaya adalah elemen penting bagi memperkukuhkan organisasi pendigitalan KKM yang memerlukan kajian menyeluruh mengenai keperluan perjawatan dengan hala tuju pendigitalan KKM. Rujukan utama adalah norma perjawatan bagi Klasifikasi Perkhidmatan Sistem Maklumat dari aspek pewujudan jawatan baharu dan naik taraf perjawatan. Skop perjawatan dan kompetensi yang boleh dilaksanakan untuk tujuan pengukuhan ini adalah seperti berikut:
(a) Mewujudkan pemetaan bagi perjawatan ICT di KKM;

(b) Penstrukturan semula perjawatan ICT bagi mengelakkan kebergantungan kepada pegawai kontrak/pegawai MySTEP;
(c) Wujudkan pelan pembangunan bakat dan SME teknikal untuk kesinambungan jangka panjang;
(d) Penyediaan *road map* yang jelas bagi meningkatkan kemahiran dan laluan kerjaya (career path) ICT KKM; dan
(e) Wujudkan kumpulan bakat digital dan meningkatkan kompetensi di kalangan petugas kesihatan.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 7-5**.

**JADUAL 7-5: PELAKSANAAN PENINGKATAN PERJAWATAN DAN KERJAYA PERSONEL ICT SERTA SME PERKHIDMATAN DIGITAL**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Mewujudkan laluan kerjaya bagi pegawai skim F yang berkesinambungan.<br>b. Mewujudkan profil berdasarkan kemahiran dan mengenalpasti SME mengikut bidang.<br>c. Menempatkan pegawai yang bersesuaian mengikut keperluan berdasarkan kemahiran dan pengalaman.<br>d. Sistem pertukaran pegawai dibuat secara menyeluruh dan pegawai dibekalkan dengan kemahiran yang bersesuaian dengan tugas baharu. |
| **Tempoh Masa** | Jun 2027 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | • BSM<br>• BPK |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Jun 2027**<br>Satu (1) Dokumen Penstrukturan Semula Perjawatan ICT KKM selesai disediakan<br>**Jun 2029**<br>Kelulusan Penstrukturan Semula Perjawatan ICT KKM oleh Agensi Pusat<br>**Sept 2028**<br>Satu (1) dokumen pelan pembangunan bakat dan SME teknikal serta *road map* karier ICT KKM selesai disediakan<br>**Dis 2030**<br>Satu (1) kumpulan bakat digital yang terdiri daripada sekurang-kurangnya 20 orang di kalangan petugas kesihatan diwujudkan |
| **Keutamaan** | Sederhana |

### 7.3.2 Program 2: Pemantapan Perkhidmatan Kesihatan Melalui Pendekatan *Enterprise Architecture* (EA)

Pendekatan EA adalah untuk bertujuan untuk memudahkan penyelarasan strategi pendigitalan organisasi dari aspek keperluan sistem, infrastruktur dan teknologi. Kerangka kerja bersepadu ini digunakan sebagai rujukan utama dalam perancangan pendigitalan masa hadapan. Sehubungan dengan itu, dua (2) subprogram berikut telah dikenal pasti iaitu:

(a) Pengukuhan Tadbir Urus EA Perkhidmatan Kesihatan Digital; dan
(b) Pembangunan Rangka Kerja EA Perkhidmatan Kesihatan Digital.

a. Subprogram 1: Pengukuhan Tadbir Urus EA Perkhidmatan Kesihatan Digital

EA berfungsi sebagai teras tadbir urus dengan menyediakan rangka kerja seragam yang merangkumi prinsip, piawaian dan garis panduan. Peranan ini amat penting untuk memacu perancangan pendigitalan jangka panjang KKM secara berstruktur dan jelas. Struktur tadbir urus EA sedia ada perlu diperkasa dengan melaksanakan kajian menyeluruh untuk menentukan skop pembangunan EA KKM secara holistik dan komprehensif. Usaha ini memerlukan panduan jelas daripada artifak EA di peringkat strategik yang telah dibangunkan bagi memastikan transformasi digital yang tersusun.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 7-6**.

**JADUAL 7-6: PENGUKUHAN TADBIR URUS EA PERKHIDMATAN KESIHATAN DIGITAL**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Memantapkan tadbir urus EA KKM.<br>b. Menetapkan skop pembangunan EA KKM. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Mei 2026 |
| **Pemilik** | BPM |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Feb 2026**<br>Pelantikan pasukan EA KKM selesai<br><br>**Mei 2026**<br>Satu (1) laporan kajian skop pembangunan EA selesai |
| **Keutamaan** | Tinggi |

b. Subprogram 2: Pembangunan Rangka Kerja EA Perkhidmatan Kesihatan Digital

Objektif pembangunan Rangka Kerja EA dalam sektor kesihatan adalah untuk memastikan teknologi dan sistem maklumat berfungsi secara bersepadu untuk menyokong dan meningkatkan kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan. Selain

pembangunan EA Sektor Kesihatan, EA Penyelidikan Kesihatan oleh Institut Kesihatan Negara (NIH) juga perlu dibangunkan bagi menyokong ekosistem penyelidikan.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 7-7**.

**JADUAL 7-7: PEMBANGUNAN RANGKA KERJA EA PERKHIDMATAN KESIHATAN DIGITAL**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Mengenal pasti fungsi perkhidmatan utama di KKM.<br>b. Memastikan tiada pertindihan fungsi aplikasi di KKM.<br>c. Memastikan pematuhan prinsip *Whole of Government* (WOG). |
| **Tempoh Masa** | Jun 2026 – Mei 2028 |
| **Pemilik** | • BPM<br>• NIH |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **EA KKM**<br>**Sept 2026**<br>Kelulusan JPICT untuk pembangunan rangka kerja EA selesai<br>**Mei 2027**<br>Penganugerahan SST kepada kontraktor pembangunan rangka kerja EA selesai<br>**Mei 2028**<br>Dokumen rangka kerja EA KKM selesai dibangunkan<br><br>**EA NIH**<br>**Mac 2026**<br>Kelulusan JPICT bagi Pembangunan EA NIH selesai<br>**Ogos 2026**<br>Laporan bagi pengumpulan data, mengenalpasti jurang, analisis data, penyediaan kerangka kerja dan cadangan<br>**Dis 2026**<br>Pembangunan Sistem Kerangka Pendigitalan NIH menggunakan *Enterprise Architecture* (EA) selesai dan evaluasi bersama Pemegang Taruh |
| **Keutamaan** | Tinggi |

## 7.4 STRATEGI 3: PEMANTAPAN KOMPETENSI ICT DAN PEMBUDAYAAN PERSEKITARAN DIGITAL

Strategi pemantapan kompetensi dan pembudayaan digital juga adalah faktor penting bagi menjayakan strategi pendigitalan yang dirancang. Objektif strategi ini adalah untuk membangunkan keupayaan, kompetensi dan kepimpinan modal insan melalui pembudayaan kemahiran digital, inovasi strategik dan pengurusan perubahan secara berkesan. Sehubungan dengan itu, tiga (3) program yang telah dikenal pasti adalah seperti yang berikut:

P1 : Pengukuhan Kemahiran dan Kesedaran Digital;

P2 : Pemantapan Kemahiran Teknikal ICT dan Aplikasi; dan
P3 : Peningkatan Kesedaran dan Pembudayaan Digital.

### 7.4.1 Program 1: Pengukuhan Kemahiran dan Kesedaran Digital

Skop bagi pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

(a) Mewujudkan Pelan Latihan Kompetensi Digital yang komprehensif di peringkat kementerian;
(b) Melaksanakan kajian keperluan menyeluruh berkaitan keperluan dan keberkesanan latihan ICT;
(c) Berkolaborasi dengan institusi pendidikan dan industri untuk bersama-sama membangunkan kurikulum yang relevan dan memanfaatkan kepakaran luar;
(d) Melaksanakan kajian impak terhadap penawaran dan permintaan bagi kursus yang diperlukan; dan
(e) Membentangkan dapatan kajian untuk kelulusan pengurusan tertinggi KKM yang bertindak sebagai punca kuasa untuk permohonan dan peruntukan dan pelaksanaan program latihan.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 7-8**.

**JADUAL 7-8: PENGUKUHAN KEMAHIRAN DAN KESEDARAN DIGITAL**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Meningkatkan tahap literasi dan kemahiran digital warga KKM.<br>b. Mengoptimumkan penggunaan teknologi digital dalam meningkatkan daya saing, inovasi dan kreativiti.<br>c. Menyokong pembelajaran sepanjang hayat melalui penerapan kemahiran digital yang berterusan. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | BPK |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **Dis 2026**<br>Satu (1) dokumen Pelan Latihan Kompetensi Digital selesai disediakan<br>**Dis 2027**<br>Satu (1) dokumen Kajian Impak Penawaran dan Permintaan Kursus Digital selesai disediakan<br>**2026 – 2030**<br>**Setiap Tahun**<br>Satu (1) dokumen pelan latihan kemahiran dan kesedaran digital/POL selesai disediakan utk pelaksanaan mengikut takwim tahunan (berdasarkan kepada Pelan Latihan Kompetensi Digital) |
| **Keutamaan** | Tinggi |

### 7.4.2 Program 2: Pemantapan Kemahiran Teknikal ICT dan Aplikasi

Pemantapan kemahiran teknikal ICT dan aplikasi adalah penting untuk memacu kecekapan operasi sesebuah organisasi melalui pemanfaatan kemahiran dan teknologi secara optimum. Pengukuhan ini bukan sekadar mengoptimumkan penggunaan sistem digital sedia ada bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos, malah ia turut membina keupayaan organisasi untuk mengadaptasi inovasi teknologi baharu dengan pantas, seterusnya menjamin penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan relevan pada masa hadapan.

Skop bagi pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

(a) Mengadakan latihan/kursus/pembelajaran kemahiran teknikal ICT dan aplikasi termasuk keselamatan siber yang berterusan, terancang dan sistematik bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran;
(b) Sesi TOT, perkongsian pintar dan perkongsian pakar;
(c) Peningkatan kapasiti dan literasi digital secara *hands-on*, latihan berkala dan bengkel pemahaman standard ICT kesihatan; dan
(d) Pensijilan Profesional ICT.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 7-9**.

**JADUAL 7-9: PEMANTAPAN KEMAHIRAN TEKNIKAL ICT DAN APLIKASI**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Memastikan warga organisasi mempunyai kemahiran teknikal terkini dalam penggunaan perkakasan, perisian, rangkaian dan keselamatan ICT.<br>b. Melahirkan tenaga kerja dalaman yang berkemahiran dalam penyelenggaraan, pembangunan dan sokongan teknikal ICT.<br>c. Memastikan kakitangan teknikal mempunyai kemahiran setara dengan piawaian industri untuk meningkatkan kecekapan, keyakinan dan profesionalisme. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | • BPM<br>• BPK |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **2026 – 2030**<br>**Setiap Tahun**<br>Sekurang-kurangnya 10 kali setahun latihan kemahiran teknikal ICT dan Aplikasi serta Pensijilan Profesional ICT diadakan<br>**Setiap Tahun**<br>Sekurang-kurangnya lima (5) sesi TOT, perkongsian pintar dan perkongsian pakar ICT diadakan<br>**Setiap Tahun**<br>Laporan keberkesanan Program Pemantapan Kemahiran Teknikal ICT dan Aplikasi Tahunan |
| **Keutamaan** | Tinggi |

### 7.4.3 Program 3: Peningkatan Kesedaran dan Pembudayaan Digital

Program ini adalah untuk melahirkan warga organisasi yang celik digital dan bersedia menerima perubahan, sekali gus memastikan transformasi digital dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan. Usaha ini bertujuan untuk memberi pemahaman yang jelas tentang penggunaan teknologi secara selamat, memupuk pemikiran inovatif dan mewujudkan budaya kerja yang menyokong adaptasi teknologi baharu dengan pantas, menjamin kelangsungan dan kejayaan organisasi dalam ekosistem digital.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 7-10**.

**JADUAL 7-10: PENINGKATAN KESEDARAN DAN PEMBUDAYAAN DIGITAL**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Memastikan semua kakitangan memahami asas teknologi digital, keselamatan siber, dan aplikasi yang digunakan dalam operasi harian.<br>b. Menggalakkan amalan penggunaan aplikasi dan platform digital secara konsisten bagi meningkatkan produktiviti serta keberkesanan kerja<br>c. Menjadikan kakitangan sebagai ejen perubahan yang menyokong strategi digital serta memastikan keberhasilan inisiatif pendigitalan. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | • BPM<br>• BPK |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **2027 dan 2030**<br>Penganjuran Hari ICT KKM<br><br>**2026 – 2030**<br>**Setiap Tahun**<br>Sekurang-kurangnya 10 program kesedaran dan pembudayaan digital dilaksanakan<br>**Setiap Tahun**<br>Sekurang-kurangnya satu (1) Laporan Audit Digital keberkesanan program peningkatan kesedaran dan pembudayaan digital dihasilkan |
| **Keutamaan** | Sederhana |

## 7.5 STRATEGI 4: PENINGKATAN KEUPAYAAN KEPIMPINAN DIGITAL

Peningkatan keupayaan kepimpinan digital adalah untuk memastikan organisasi memiliki tenaga kerja yang kompeten dan barisan kepimpinan yang berwawasan bagi memacu transformasi digital secara berkesan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan kakitangan yang celik teknologi dan mampu mengurus perubahan, selain membina kepimpinan yang cekap dalam membuat keputusan strategik berasaskan digital. Sehubungan dengan itu, dua (2) program berikut akan dilaksanakan:

P1 : Pemantapan Pengurusan Perubahan Kepimpinan Digital; dan
P2 : Pengukuhan Program Kolaborasi dan Inovasi Digital Strategik.

### 7.5.1 Program 1: Pemantapan Pengurusan Perubahan Kepimpinan Digital

Pemantapan Pengurusan Perubahan Kepimpinan Digital mempengaruhi kejayaan, keberkesanan dan kelestarian inisiatif transformasi digital sesebuah organisasi bagi memastikan penerimaan teknologi oleh kakitangan dalam membina barisan pemimpin digital yang berwawasan.

Skop bagi pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

(a) Meningkatkan penglibatan pemimpin atasan dalam inisiatif digital dengan mengadakan sesi kesedaran dan bengkel strategik untuk memastikan pemilikan (ownership) projek ICT di peringkat tertinggi; dan
(b) *Town Hall Session*: Menghubungkan pemimpin dengan pakar industri yang berpengalaman/berkepakaran dalam memacu transformasi digital bagi pertukaran idea, maklum balas dan saranan yang boleh dilaksanakan.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 7-11**.

**JADUAL 7-11: PEMANTAPAN PENGURUSAN PERUBAHAN KEPIMPINAN DIGITAL**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Membudayakan Pengurusan perubahan yang jelas daripada peringkat pengurusan tertinggi kepada pelaksana.<br>b. Memastikan pemimpin organisasi memahami tren teknologi, strategi digital, serta kesan terhadap operasi dan penyampaian perkhidmatan.<br>c. Melahirkan kepimpinan yang mampu memacu perubahan dan memastikan kejayaan inisiatif pendigitalan organisasi. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2027 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | BPK |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **2027 – 2030**<br>**Setiap Tahun**<br>Sekurang-kurangnya satu (1) program perkongsian pengalaman/ kepakaran dilaksanakan<br>**Setiap Tahun**<br>Sekurang-kurangnya tiga (3) pemimpin atasan (SUB/Pengarah/ Ketua Unit Bahagian/Unit dan ke atas) mengikuti program kepimpinan digital |
| **Keutamaan** | Sederhana |

### 7.5.2 Program 2: Pengukuhan Program Kolaborasi dan Inovasi Digital Strategik

Program Kolaborasi dan Inovasi Digital Strategik adalah untuk mempercepatkan penciptaan nilai dan penyelesaian digital yang berimpak tinggi melalui perkongsian pengetahuan dan sumber. Program ini dapat memupuk pemikiran kreatif malahan dapat mengenal pasti peluang baharu dan meningkatkan kualiti perkhidmatan. Selain itu, ia dapat mengukuhkan hubungan sinergi antara pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan inisiatif digital adalah relevan, mampan dan sejajar dengan matlamat strategik organisasi.

Skop bagi pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

(a) Mengadakan sesi libat urus secara berkala dengan pemain industri teknikal ICT bagi membina *networking*;
(b) Meningkatkan penggunaan teknologi inovatif dengan menggalakkan eksplorasi dan implementasi AI, *Big Data*, *Blockchain*, pembelajaran mesin (ML) dan *Emerging Technology*;
(c) Pendekatan Perkongsian Pintar (Smart Sharing) antara agensi dan kementerian untuk aplikasi yang telah berjaya pelaksanaan;
(d) Menggalakkan penyertaan dalam pertandingan inovasi digital di pelbagai peringkat; dan
(e) Mengiktirafkan inovasi digital seperti produk, perkhidmatan, proses kerja dan teknologi yang berjaya meraih anugerah dan pengiktirafan di pelbagai peringkat.

Butiran terperinci berkaitan subprogram ini adalah seperti di **JADUAL 7-12**.

**JADUAL 7-12: PENGUKUHAN PROGRAM KOLABORASI DAN INOVASI DIGITAL STRATEGIK**

| | |
|---|---|
| **Objektif** | a. Mewujudkan ekosistem inovasi berterusan.<br>b. Memperkukuhkan kolaborasi/sinergi di pelbagai peringkat.<br>c. Menyediakan platform untuk pertukaran idea, amalan terbaik, serta penyelidikan dalam bidang pendigitalan dan teknologi baharu.<br>d. Meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran teknologi tempatan. |
| **Tempoh Masa** | Jan 2026 – Dis 2030 |
| **Pemilik** | • BPM<br>• BKP |
| **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** | **2026 – 2030**<br>**Setiap Tahun**<br>Sekurang-kurangnya satu (1) sesi libat urus program jaringan kolaborasi strategik dengan pihak berkepentingan dilaksanakan |

| | |
|---|---|
| | **<u>Setiap Tahun</u>**<br>Sekurang-kurangnya satu (1) program Perkongsian Pintar (*Smart Sharing*) antara agensi dan kementerian dilaksanakan<br>**<u>Setiap Tahun</u>**<br>Sekurang-kurangnya satu (1) program pengiktirafan inovasi kementerian dilaksanakan |
| **Keutamaan** | Sederhana |

## 7.6 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, Bab ini telah membincangkan tentang Teras Strategik 4: Memperhebat Tatakelola dan Kepimpinan Digital yang telah menumpukan kepada empat (4) strategi pelaksanaan iaitu Pemantapan Dasar dan Pematuhan Tatakelola Kesihatan Digital; Pengukuhan Organisasi dan Tatakelola Digital Kementerian; Pemantapan Kompetensi ICT dan Pembudayaan Persekitaran Digital; dan Pengukuhan Kapasiti Modal Insan dan Kepimpinan Digital. Strategi tersebut juga diharap dapat memenuhi objektif teras ini iaitu memperkukuh dasar, pematuhan dan rangka kerja tatakelola digital bagi memastikan integriti, keselamatan dan keberkesanan sistem kesihatan digital dan membangunkan keupayaan, kompetensi dan kepimpinan modal insan melalui pembudayaan kemahiran digital, inovasi strategik dan pengurusan perubahan yang berkesan. Sebanyak sembilan (9) program dan tujuh (7) subprogram telah dirancang untuk memperhebat tatakelola dan kepimpinan digital bagi tempoh 2026–2030.

Sebagai rumusan, teras ini telah memberi tumpuan kepada pengukuhan dasar, pematuhan dan keselamatan siber melalui pelaksanaan tatakelola digital yang berintegriti dan berkesan bagi menjamin keselamatan serta kebolehpercayaan sistem kesihatan digital. Pada masa yang sama, ia juga menekankan kepada pembangunan modal insan digital dengan memperkukuh keupayaan, kompetensi dan kepimpinan warga kerja melalui pembudayaan kemahiran digital, inovasi strategik dan pengurusan perubahan. Pendekatan ini memastikan ekosistem digital KKM sentiasa berdaya saing, adaptif dan mampan seiring dengan perkembangan teknologi serta keperluan perkhidmatan kesihatan masa hadapan.

# 8

## BAB 8: ENTERPRISE ARCHITECTURE (EA)


8.1 Pembangunan *Enterprise Architecture* Kementerian Kesihatan Malaysia 8-1

8.1.1 Latar Belakang EA

8.1.2 Objektif Pembangunan EA

8.1.3 Skop Pembangunan EA

8.1.4 Fasa Pembangunan EA Strategik

8.2 Hasil Pembangunan EA Peringkat Strategik KKM 8-3

8.2.1 *Motivation View*

8.2.2 *Landscape Map View* (LMV)

8.3 Rumusan 8-20

## 8.1 PEMBANGUNAN *ENTERPRISE ARCHITECTURE* KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Pembangunan *Enterprise Architecture* (EA) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertujuan mewujudkan rangka kerja menyeluruh bagi menyelaras struktur, proses, sistem dan teknologi digital di seluruh ekosistem kesihatan. EA menjadi rangka kerja untuk memastikan semua komponen ICT KKM bersepadu, efisien dan sejajar dengan dasar pendigitalan nasional melalui empat (4) domain utama iaitu Bisnes, Data, Aplikasi dan Teknologi.

### 8.1.1 Latar Belakang EA

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bilangan 1 Tahun 2020 bertajuk MyGovEA: Pelaksanaan Pendekatan Reka Bentuk Berstruktur Ekosistem Organisasi Perkhidmatan Awam menjadi rujukan asas pelaksanaan amalan *Enterprise Architecture* (EA) di sektor awam.

MyGovEA menyediakan pendekatan untuk menganalisis, mereka bentuk, merancang, dan melaksanakan strategi secara menyeluruh, berasaskan prinsip *Whole of Government* (WoG) dan saling kendali (interoperability).

Bagi KKM, pembangunan EA adalah kritikal untuk:
(a) Menyokong transformasi pendigitalan kesihatan negara;
(b) Mengintegrasikan rekod perubatan elektronik (EMR);
(c) Mengukuhkan keselamatan maklumat pesakit; dan
(d) Mengadaptasi *emerging technologies* seperti *Artificial Intelligence* (AI), *Internet of Medical Things* (IoMT), *blockchain*, *genomics* dan *precision medicine*.

Dengan itu, EA KKM berfungsi sebagai penghubung strategik antara visi PSP KKM 2026–2030, aspirasi RMK13, Kertas Putih Kesihatan, Rancangan Pendigitalan Sektor Awam (RPSA) 2026–2030 dan Pelan Strategik KKM 2026–2030.

### 8.1.2 Objektif Pembangunan EA

Objektif pembangunan EA KKM adalah untuk:
(a) Memperkukuh penyampaian perkhidmatan kesihatan digital secara menyeluruh;
(b) Mewujudkan perkongsian data kesihatan yang selamat, terkawal, dan bersepadu;
(c) Mengoptimumkan kapasiti sumber dan infrastruktur digital KKM melalui tadbir urus berpusat;
(d) Memastikan pematuhan kepada piawaian data kesihatan global;
(e) Menyokong penggunaan teknologi *Artificial Intelligence* (AI) dan *Emerging Technologies* dalam diagnostik, survelan serta pengurusan kesihatan;

(f) Memperkasa tenaga kerja kesihatan melalui literasi digital dan kesiapsiagaan IR4.0; dan
(g) Meningkatkan kecekapan tadbir urus digital KKM bagi menyokong prinsip saling kendali dan WoG.

### 8.1.3 Skop Pembangunan EA

Skop pembangunan EA KKM adalah di peringkat strategik yang akan digunakan sebagai asas penentuan sasaran pelaksanaan meliputi hala tuju organisasi dan perkhidmatan kesihatan. Rajah arkitektur yang terdiri daripada *Motivation Viewpoint, Landscape Map Viewpoint* (As-Is) dan *Landscape Map Viewpoint* (To-Be) dihasilkan memberikan gambaran keseluruhan tentang fungsi utama KKM, merangkumi:

(a) *Person Care* (penjagaan individu: primer, sekunder, tertiary, pergigian, farmasi);
(b) *Population Health* (kesihatan awam, kawalan penyakit, kesihatan keluarga, pemakanan, pergigian, farmasi, pendidikan kesihatan);
(c) *Management Services* (sumber manusia, kewangan, ICT, undang-undang, perolehan, komunikasi korporat, audit dalam); dan
(d) *Functional Support* (penyelidikan, penguatkuasaan, pemantauan, piawaian, latihan, polisi pembangunan).

### 8.1.4 Fasa Pembangunan EA Strategik

Sebagai langkah awal dalam usaha membangunkan *Enterprise Architecture* (EA) peringkat strategik bagi KKM, dua (2) artifak utama telah diberi keutamaan iaitu *Motivational Viewpoint* (MV) dan *Landscape Map Viewpoint* (LMV). Artifak ini dipilih kerana ia membentuk asas pelaksanaan strategik dan pemetaan menyeluruh terhadap perkhidmatan kesihatan sedia ada dan aspirasi masa hadapan, selaras dengan kerangka Malaysia Government EA (MyGovEA) dan pendekatan TOGAF/ArchiMate.

Proses pembangunan MV dan LMV telah dilaksanakan secara berperingkat, melibatkan libat urus pelbagai lapisan pemegang taruh termasuk pihak pengurusan tertinggi KKM, Ketua Pegawai Digital (CDO), bahagian, jabatan, institusi dan fasiliti kesihatan (hospital dan klinik) serta fasilitator EA.

Pelaksanaan fasa pembangunan EA peringkat strategik yang mengandungi dua (2) artifak ini telah dibangunkan melalui input dari sesi temubual dengan pihak pengurusan tertinggi dan beberapa beberapa siri bengkel yang berstruktur. Fasa pembangunan EA di peringkat strategik adalah seperti **RAJAH 8-1** berikut:




**RAJAH 8-1: FASA PEMBANGUNAN EA PERINGKAT STRATEGIK UNTUK PSP KKM 2026–2030**

Pendekatan ini membolehkan:

(a) Penyelarasan aspirasi strategik KKM (RMK13 dan Kertas Putih Kesihatan) ke dalam elemen MV seperti *drivers, goals, constraints* dan *outcomes*;

(b) Pemahaman holistik terhadap persekitaran semasa (As-Is) dan hala tuju masa hadapan (To-Be) dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan digital.

(c) Penyediaan asas yang kukuh bagi pembangunan artifak EA yang lebih terperinci dalam fasa seterusnya seperti *Business Process View* (BPV), *Application Usage View* (AUV), dan *Technology Usage View* (TUV) yang akan datang.

Fasa pembangunan MV dan LMV ini juga telah menjadi instrumen penting dalam merangka naratif transformasi pendigitalan kesihatan bagi PSP KKM 2026–2030 serta merintis integrasi prinsip *Whole-of-Government (*WOG) dalam transformasi pendigitalan sektor kesihatan negara.

## 8.2 HASIL PEMBANGUNAN EA PERINGKAT STRATEGIK KKM

Bagi menyokong pelaksanaan Pelan Strategik Pendigitalan KKM 2026–2030, pembangunan *Enterprise Architecture* (EA) di peringkat strategik telah dilaksanakan dengan menggunakan notasi ArchiMate 3.0. Hasil pembangunan ini menghasilkan tiga (3) artifak utama yang menggambarkan penjajaran antara strategi, proses, aplikasi, dan teknologi kesihatan digital KKM.

Artifak yang dihasilkan adalah seperti berikut:

(a) *Motivation View*
Menggambarkan pemacu (drivers), penilaian semasa (assessments), matlamat (goals), prinsip (principles), kekangan (constraints) serta hasil (outcomes) yang membentuk asas strategi pendigitalan KKM.

(b) *Landscape Map View* (As-Is)
Menunjukkan keadaan semasa sistem dan perkhidmatan KKM secara menyeluruh termasuk stakeholder, medium perkhidmatan, aplikasi, data, dan teknologi yang digunakan.

(c) *Landscape Map View* (To-Be)
Menggambarkan keadaan masa hadapan (2026–2030) yang menekankan integrasi sistem EMR, penggunaan cloud, teknologi IR4.0 (AI, IoMT, blockchain), serta konsolidasi aplikasi kesihatan.

Artifak-artifak ini telah dibangunkan bersama pasukan projek PSP KKM dengan bimbingan pakar perunding EA, bagi memastikan notasi dan piawaian yang digunakan adalah selaras dengan kerangka Malaysia Government Enterprise Architecture (MyGovEA).

Seiring dengan aspirasi PSP 2026–2030, artifak ini akan menjadi asas dalam merangka pelaksanaan pendigitalan KKM secara lebih teratur, mampan, dan bersepadu, di samping menyokong prinsip *Whole of Government* (WoG) dan pendekatan transformasi pendigitalan kesihatan.

### 8.2.1 *Motivation View*

*Motivation View* (MV) menggambarkan aspirasi KKM dalam mengarusperdanakan pendigitalan kesihatan. Elemen-elemen MV utama termasuk:

(a) *Stakeholder* (Pemegang Taruh)
- (i) Pengurusan Tertinggi KKM (Menteri, KSU, KPK, CDO, TKSU(P), TKPK)
- (ii) Warga KKM (JKN, KK, Klinik Pergigian, Hospital dan Institusi)
- (iii) Penyelaras Digital (BPM)
- (iv) Pengguna (Rakyat, Industri, Sektor Kerajaan, Sektor Swasta, NGO)

(b) *Driver* (Pemacu)
- (i) Fragmentasi Sistem dan Data
- (ii) Ancaman Keselamatan Siber
- (iii) Kelemahan Infrastruktur dan Kebergantungan Vendor
- (iv) Ketidaksamarataan (Jurang) Akses Digital
- (v) Aspirasi Nasional Digital dan Reformasi Dasar
- (vi) Permintaan Kecekapan Digital
- (vii) Pengurusan Sumber

(c) *Assessment* (Penilaian Semasa)
- (i) Ketiadaan *interoperability* antara sistem utama KKM
- (ii) Wujudnya sistem silo tanpa kawalan pelan *Enterprise Architecture* (EA)
- (iii) Shadow IT tanpa kawalan keselamatan berpusat
- (iv) Ketiadaan Sistem SIEM dan kawalan log audit
- (v) Peralatan dan perisian mencapai akhir hayat (EOL/EOS)
- (vi) Ketergantungan kepada vendor spesifik (vendor *lock-in*)
- (vii) Peruntukan kewangan ICT yang tidak mencukupi

(viii) Tahap kompetensi digital petugas kesihatan rendah
(ix) Sistem tidak mesra pengguna, tidak responsif
(x) Polisi digital sedia ada lapuk atau tidak dipatuhi
(xi) Jurang infrastruktur antara fasiliti kesihatan bandar dan luar bandar
(xii) Penempatan petugas ICT tidak menyeluruh di semua negeri dan daerah
(xiii) Penggunaan platform yang berbeza dan tidak telus
(xiv) Tiada penyelarasan sumber

(d) *Goal* (Matlamat)
(i) Menyepadukan sistem dan data kesihatan ke arah satu (1) rekod pesakit nasional (LHR)
(ii) Memastikan keselamatan siber kesihatan yang kukuh dan dipercayai
(iii) Sistem baharu menyokong *cloud-native* dan *multi-tenant*
(iv) Meningkatkan keterangkuman digital dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan nasional
(v) Menjajarkan pendigitalan kesihatan dengan dasar pendigitalan di peringkat nasional dan sektor awam
(vi) Meningkatkan kecekapan, kebolehgunaan dan keberkesanan sistem digital kesihatan
(vii) Mengoptimumkan pengurusan sumber melalui pendigitalan yang bersepadu, real-time dan telus.

(di) *Principle* (Prinsip)
(i) *Interoperability* Terbuka
(ii) Keselamatan Siber
(iii) Fokus Pesakit dan Inklusiviti
(iv) Kepercayaan Digital dan Tadbir Urus Terkemuka (Governance-First)
(v) Satu (1) Platform Berpusat


(dii) *Constraint* (Kekangan)
(i) Tiada sokongan terhadap piawaian terbuka (contoh: HL7 FHIR)
(ii) Ketiadaan seni bina terbuka dan endpoint API yang seragam
(iii) Sistem keselamatan tidak menyokong MFA dan kawalan RBAC
(iv) Tiada pelaksanaan ujian keselamatan berkala
(v) Ketiadaan sokongan mod luar talian dan mekanisme penyegerakan
(vi) Reka bentuk UI tidak mesra pengguna atau tidak dwibahasa
(vii) Tiada mekanisme pemantauan dan rekod aktiviti pengguna
(viii) Kepatuhan terhadap perundangan data masih lemah
(ix) Struktur penyimpanan tidak berpusat
(x) Penggunaan platform ICT tidak seragam di seluruh kementerian

(g) *Outcome* (Hasil Akhir)
   (i) Rekod kesihatan pesakit bersepadu diwujudkan menjelang 2030
   (ii) Pengurangan insiden keselamatan siber menjelang 2030
   (iii) Sistem melalui peralihan secara berfasa
   (iv) Kadar capaian sistem digital kesihatan meningkat
   (v) Prestasi pendigitalan perkhidmatan kesihatan dapat mencapai aspirasi pendigitalan
   (vi) Kadar kepuasan pengguna sistem digital kesihatan meningkat
   (vii) Pengguna hospital, klinik kesihatan dan klinik kesihatan ibu dan anak akan memohon aset perubatan dan mengemaskini status sumber manusia melalui satu platform digital terpusat menjelang tahun 2026

**RAJAH 8.2** menunjukkan lakaran MV yang berperanan sebagai peta pemikiran strategik awal, serta sebagai instrumen penjajaran antara aspirasi Kementerian, keperluan lapangan, dan keupayaan digital semasa. Ia akan menjadi landasan kukuh bagi memastikan Pelan Strategik Pendigitalan KKM 2026–2030 dapat dibangunkan secara inklusif, realistik dan berpaksikan nilai kepada rakyat. **JADUAL 8-1** menunjukkan notasi Archimate yang digunakan untuk MV.

**JADUAL 8-1: NOTASI ARCHIMATE (MV)**

| Notasi | Penggunaan |
|---|---|
|  | Pemegang Taruh/Pemegang Kepentingan |
|  | Pemacu |
|  | Penilaian |
|  | Matlamat |
|  | Hasil |
|  | Prinsip |
|  | Keperluan |
|  | Kekangan/Sekatan |




**RAJAH 8-2: MOTIVATION VIEW KKM**

### 8.2.2 Landscape Map View (LMV)

*Landscape Map View* (LMV) dihasilkan untuk menunjukkan arkitektur peringkat strategik (high level architecture) yang menggambarkan perkhidmatan Kementerian secara *end-to-end* dan holistik. LMV membolehkan pihak berkepentingan memahami siapa yang terlibat, maklumat yang diperlukan, aplikasi yang digunakan dalam setiap proses, serta teknologi yang menyokong penyampaian perkhidmatan kesihatan.


Pembangunan LMV PSP KKM 2026–2030 dilaksanakan melalui sesi bengkel, libat urus, serta pemurnian oleh *Subject Matter Expert* (SME) dan fasilitator EA.

Elemen utama yang terkandung dalam LMV termasuk:

(i) *Stakeholder* (Pemegang taruh) – penerima dan penyedia perkhidmatan kesihatan serta agensi pengawalseliaan.
(ii) Medium Perkhidmatan – saluran perkhidmatan seperti aplikasi mudah alih, portal, telemedicine, kaunter, dan media sosial.
(iii) *Journey Step* (Fungsi Utama) – proses kesihatan utama seperti *Person Care*, *Population Health*, *Management Services* dan *Functional Support*.
(iv) Pencetus (Trigger) – faktor yang menggerakkan penggunaan perkhidmatan seperti rawatan, imunisasi, pelesenan, atau kawal selia.
(v) Proses Utama – aliran perkhidmatan kesihatan yang dijalankan oleh fasiliti dan bahagian KKM.
(vi) Aplikasi – sistem maklumat kritikal yang menyokong fungsi utama KKM.
(vii) Data – set maklumat kesihatan, demografi, kewangan, epidemiologi dan rekod klinikal yang digunakan.
(viii) Teknologi – infrastruktur ICT, *cloud,* rangkaian, keselamatan, serta *emerging technologies*.

#### a. *Landscape Map View* (As-Is)

*Landscape Map View* (As-Is) menggambarkan persekitaran semasa perkhidmatan kesihatan di KKM, termasuk struktur perkhidmatan, peranan *stakeholder*, aplikasi sedia ada, jenis data dan infrastruktur teknologi yang digunakan. Keadaan semasa ini masih menunjukkan ciri *fragmented systems*, integrasi data yang terhad, serta tahap kesediaan (readiness) teknologi yang berbeza antara fasiliti. *Landscape Map View* (As-Is) KKM ditunjukkan seperti di **RAJAH 8.3** dan penerangan tentang *Landscape Map View* (As-Is) KKM di ringkaskan di **JADUAL 8-2**.




**RAJAH 8-3: LANDSCAPE MAP VIEW (AS-IS) KKM 2025**

**JADUAL 8-2: PENERANGAN LANDSCAPE MAP VIEW (AS-IS) KKM 2025**

| Elemen | Keterangan | Perincian |
|---|---|---|
| ***Stakeholder*** | Pemegang taruh dalam penyampaian dan penerimaan perkhidmatan kesihatan | • Pengguna<br>• Penyedia perkhidmatan (hospital, klinik, farmasi, makmal, NGO)<br>• Agensi regulatori (NPRA, MDA, MMC, Lembaga Pergigian, Lembaga Farmasi, Bahagian TCM, BSKB)<br>• Agensi luar (JPN, KPM, Imigresen, PERKESO, DOSH, KASTAM) |

| Elemen | Keterangan | Perincian |
|---|---|---|
| **Medium Perkhidmatan** | Saluran perkhidmatan kesihatan kepada pengguna | • Aplikasi Mudah Alih (Mobile Apps)<br>• Portal dan Aplikasi Atas Talian<br>• Emel Rasmi KKM<br>• Kaunter Fizikal<br>• SMS dan Notifikasi Mudah Alih<br>• Media Sosial Rasmi (FB, IG, Twitter) |
| ***Journey Step* (Fungsi Utama)** | Perkhidmatan teras kesihatan KKM | • *Person Care*: Penjagaan dan rawatan individu<br>• *Population Health*: Kesihatan awam dan populasi<br>• *Management Services*: Tadbir urus, kewangan, logistik, sumber manusia<br>• *Functional Support*: Penguatkuasaan,latihan, ICT, aset, perolehan, audit |
| **Pencetus (Trigger)** | Faktor penggunaan perkhidmatan | • Rawatan Kesihatan<br>• Imunisasi dan kawalan penyakit<br>• Pelesenan dan kawal selia<br>• Penyelidikan dan dasar |
| **Perkhidmatan & Proses Utama** | Proses teras perkhidmatan KKM | • *Person Care* (rawatan, pendaftaran, ubat, follow-up)<br>• *Population Health* (pencegahan, saringan, imunisasi, surveillance)<br>• *Management Services* (pengurusan kewangan, HR, ICT, audit)<br>• *Functional Support* (penyelidikan, kawal selia, latihan, polisi) |
| **Aplikasi Utama (As-Is)** | Sistem maklumat kesihatan dan sokongan | • Terdapat 99 sistem maklumat kesihatan dan sokongan seperti di Rajah 8-4: *Landscape Map View* (As-Is) KKM 2025 |
| **Data** | Set data yang menyokong proses kesihatan | • Maklumat Demografi<br>• Rekod Perubatan dan Vaksinasi<br>• Notifikasi Penyakit<br>• Data Kematian, Bayaran, Transfusi, Audit<br>• Maklumat Pendidikan Kesihatan, Latihan, Transplantasi |

| Elemen | Keterangan | Perincian |
|---|---|---|
| | | • Data Agensi Luar (MyKad, Murid, GL, PERKESO, Imigresen) |
| **Teknologi** | Infrastruktur dan kemudahan ICT | • Infrastruktur ICT: Server, storan, rangkaian MyGovNET, APIM, DRC<br>• Sokongan Aplikasi & Hosting: Virtualisasi, *Web Application Layer*, MyGovUC<br>• Peralatan ICT/Bukan ICT: *Barcode reader*, *printer*, *mobile device*<br>• Keselamatan ICT: *Firewall, Antivirus*, Pemantauan Trafik<br>• Teknologi Baharu (Emerging): *Cloud-ready platforms*, integrasi *wearables*, AI *support* (seperti DrRED.ai)<br>• *Data Platform*: MyHDW, *Databases, Backup Systems* |

Secara keseluruhannya, LMV (As-Is) 2025 menunjukkan:
(a) Kewujudan banyak sistem aplikasi yang beroperasi secara silo;
(b) Integrasi data kesihatan terhad antara hospital, klinik, dan agensi luar;
(c) Infrastruktur ICT tidak seimbang antara fasiliti bandar dan luar bandar;
(d) Kebergantungan kepada pusat data *on-premise* masih tinggi walaupun migrasi ke MyGovCloud telah bermula; dan
(e) Tahap kesediaan terhadap *AI* dan *emerging technologies* masih rendah.

Keadaan ini menjadi asas kepada penyediaan LMV (To-Be) yang lebih bersepadu, mampan, dan selari dengan perancangan dalam PSP KKM 2026–2030.

### b. *Landscape Map View* (To-Be)

*Landscape Map View* (To-Be) memberikan gambaran arkitektur strategik masa hadapan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tempoh 2026–2030. LMV ini menggambarkan jangkaan perubahan dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan secara *end-to-end* yang melibatkan:
(a) *Stakeholder* yang terlibat dalam perkhidmatan;
(b) Medium penyampaian perkhidmatan;
(c) Fungsi utama (*Journey Step*);
(d) Aplikasi yang menyokong proses;
(e) Data yang digunakan; dan

(f) Teknologi dan infrastruktur yang terlibat.

Model ini disusun mengikut pendekatan *Enterprise Architecture* (TOGAF/ArchiMate-style) dan menyokong aspirasi RMK13, Kertas Putih Kesihatan dan MyDigital serta peralihan sistem kesihatan negara kepada persekitaran *digital-first* dan *data-driven*.

i. *Stakeholders* (Pemegang taruh)

*Stakeholders* yang terlibat dalam penyampaian dan penerimaan perkhidmatan kesihatan termasuk:

- Pengurusan Tertinggi KKM (Menteri, KSU, KPK, CDO, TKSU(P), TKPK)
- Warga KKM (Ibu Pejabat KKM, Jabatan, Fasiliti Kesihatan dan Institusi)
- Penyelaras Digital (BPM)
- Pengguna (Rakyat, Industri, Sektor Kerajaan, Sektor Swasta, NGO)

ii. Medium Perkhidmatan

Saluran pelbagai untuk penyampaian perkhidmatan kesihatan:

- Aplikasi Mudah Alih (*Mobile Apps*)
- Portal dan Aplikasi Atas Talian
- Media Sosial
- E-mel
- Kaunter fizikal
- SMS

iii. Perkhidmatan Utama (*Journey Step*)

Fungsi utama KKM telah distrukturkan kepada empat domain strategik berikut:

(a) *Person Care* –fokus kepada penjagaan kesihatan individu merangkumi penjagaan kesihatan primer, sekunder, *tertiary*, pergigian; dan amalan farmasi.

(b) *Population Health* – fokus kepada penjagaan kesihatan di peringkat komuniti merangkumi Kesihatan Awam, Kesihatan Keluarga, Kawalan Penyakit, Kualiti Pemakanan, Kesihatan Pergigian, Pengawalan Farmasi dan Pendidikan Kesihatan.

(c) *Functional Support* – fokus kepada fungsi yang menyokong bisnes utama KKM seperti Polisi dan Pembangunan, Penyelidikan, Pemantauan, Kawalan dan Penguatkuasaan, Standard dan Perundangan serta Latihan dan Pentauliahan.

(d) *Management Services* –fokus kepada keperluan pengurusan seperti Kewangan dan Akaun, Pengurusan Sumber Manusia, Perkhidmatan Teknologi Maklumat, Undang-undang, Audit Dalam, Komunikasi Korporat, Perolehan dan Lain-lain fungsi pentadbiran.

iv. Aplikasi Digital KKM

Aplikasi digital KKM bagi tempoh 2026–2030 telah diklasifikasikan mengikut empat (4) domain fungsi utama iaitu *Person Care, Population Health, Functional Support* dan *Management Services*. Pengelasan ini bukan sahaja membantu dalam pemetaan aplikasi yang lebih berfokus dan berasaskan perkhidmatan, malah membolehkan konsolidasi dan integrasi sistem yang lebih terancang.

- **Domain *Person Care***

Sistem dalam domain ini menyokong perkhidmatan penjagaan individu secara langsung di fasiliti kesihatan. Aplikasi ini dikategorikan kepada aplikasi utama dan sokongan *Electronic Medical Records* (EMR) yang menumpukan kepada penjagaan kesihatan primer, sekunder, *tertiary*, pergigian dan amalan farmasi. Terdapat 12 sistem *To-Be* dicadangkan bagi menyokong perkhidmatan di bawah domain *Person Care*. **JADUAL 8-2** menunjukkan senarai sistem *To-Be* bagi domain *Person Care*.

**JADUAL 8-3: SENARAI SISTEM *TO-BE* BAGI DOMAIN *PERSON CARE***

| Bil. | Senarai Sistem *To-Be* |
|---|---|
| 1. | Cloud Based Clinic Management System (CCMS) |
| 2. | Total Hospital Information System (THIS) |
| 3. | Dental Information System (DIS) |
| 4. | Picture Archiving and Communication System (PACS) dan Radiology Information System (RIS) - (RISPACS) |
| 5. | MyTransplant Immunology Information System (MyTRIIS) |
| 6. | Hospital Information System (HIS) |
| 7. | Critical Care Information System (CCIS) |
| 8. | Maternal and Child Mortality System (MyMis) |
| 9. | Pharmacy Information System (MyPhIS) |
| 10. | Forensic Information System (FRIS) |
| 11. | Sistem Informasi Onkologi (OIS) |
| 12. | Blood Bank Information System (BBIS) |

- **Domain *Population Health***

Sistem di bawah domain p*opulation health* menyokong penjagaan kesihatan di peringkat komuniti yang melibatkan kesihatan awam, kesihatan keluarga, kawalan penyakit, kesihatan pergigian, pemantauan populasi, kualiti pemakanan, pengawalan farmasi, pendidikan kesihatan Fokus utama ialah pada penganalisisan data populasi untuk

perancangan, pemantauan, pencegahan, kawalan dan tindakan. Terdapat sembilan (9) aplikasi *To-Be* dicadangkan bagi menyokong perkhidmatan di bawah domain *Population Health*. **JADUAL 8-4** menunjukkan senarai sistem *To-Be* bagi domain *Population Health.*

**JADUAL 8-4: SENARAI SISTEM *TO-BE* BAGI DOMAIN *POPULATION HEALTH***

| Bil. | Senarai Sistem *To-Be* |
|---|---|
| 1. | Malaysia Nutrition Information System (MyNIS) |
| 2. | Malaysian Health Data Warehouse (MyHDW) |
| 3. | Electronic National Centre for Disease Control (eNCDC) |
| 4. | Sistem MyUBAT |
| 5. | Sistem IT MENTARI 3.0 (MITS3.0) |
| 6. | MySejahtera |
| 7. | National Health Interoperability Platform (NHIP) |
| 8. | Sistem National Diabetes Registry (NDR) |
| 9. | Sistem Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan di Malaysia (VeDa) |

- **Domain *Functional Support***

Domain ini terbahagi kepada beberapa sub kategori seperti kawalan dan penguatkuasaan, latihan dan pentauliahan, standard dan perundangan, pemantauan, penyelidikan serta polisi dan pembangunan. Terdapat 59 aplikasi di bawah domain *Functional Support To-Be* yang akan dibangunkan, dinaik taraf dan diperluaskan dari tahun 2026 hingga 2030. **JADUAL 8-5** menunjukkan senarai sistem *To-Be* mengikut sub kategori domain.

**JADUAL 8-5: SENARAI SISTEM *TO-BE* BAGI DOMAIN *FUNCTIONAL SUPPORT***

| Bil. | Senarai Sistem *To-Be* |
|---|---|
| **A.** | **Kawalan dan Penguatkuasaan** |
| 1 | Sistem Data Penguatkuasaan Farmasi (eDPF) |
| 2 | Sistem Pengurusan Kes Digital Forensik (CyForS) |
| 3 | Food Safety Information System Of Malaysia (FoSIM) |
| 4 | MyMedical Radiation System (MyRADIA) |
| 5 | Sistem Digital Inspektorat dan Perundangan (SDIP) |
| 6 | Medical Device Centralised Online Application System (MEDCAST) 3.0 |
| 7 | Medical Register Information and Technical System (MeRITS) 2.0 |
| 8 | Sistem Maklumat Penguatkuasaan Kesihatan Awam - Public Health Enforcement Information System (PHEIS) |
| **B.** | **Latihan dan Pentauliahan** |
| 9 | ILKKM LUMINA (Learning Universe with Modern Interactive Navigation & Assessment) |
| 10 | Learning Management System |

| Bil. | Senarai Sistem *To-Be* |
|---|---|
| **C.** | **Standard dan Perundangan** |
| 11 | Healthier Choice Logo (HCL) |
| 12 | Sistem Pembangunan Integrated Quality, Efficacy and Safety System (QUEST 5) |
| 13 | National DRG (Sistem DRG Kebangsaan) |
| **D.** | **Pemantauan** |
| 14 | Sistem Online Monitoring of Continuing Professional Development (myCPD) |
| 15 | Medical Programme Information System (MPIS) |
| 16 | Sistem Maklumat Farmasi (My.Pharma-C 2.0) |
| 17 | e-Pemantauan Iklan Perubatan Berasaskan AI |
| 18 | Pharmaceutical Track & Trace System (PTTS) |
| 19 | Sistem Pelaksanaan, Pemantauan dan Pelaporan, Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan (SP-NPANM) |
| 20 | Registri Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (ePPKZM) |
| 21 | Sistem Pengurusan Maklumat Jururawat Malaysia (SPMJM) |
| 22 | Mynda Call Center |
| 23 | Sistem Bekalan Air & Kebersihan Alam Sekitar (eBAKAS) |
| 24 | Sistem Kualiti Mutu Air Minum (KMAM) |
| 25 | Asset And Services Information System (ASIS) |
| 26 | Sistem Computerised Maintenance Management System (CMMS) |
| 27 | Sistem eCML |
| 28 | National T&CM Services Repository (NTCMR) |
| 29 | Sistem ImpactWise AI |
| 30 | Sistem Reward MyCHAMPION |
| 31 | Aplikasi Mudah Alih Wellness |
| 32 | Sistem Saringan Resilien MyRAT-25 |
| 33 | Sistem MyHPIS V2 |
| 34 | Integrasi Hub bagi Inisiatif Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan (DLKK) |
| 35 | Large Language Model (LLM) Kesihatan |
| 36 | Medical Device Centralized Reporting System (MEDCREST) |
| 37 | Sistem Pelaporan Kemajuan Inisiatif Organisational Anti Corruption Plan KKM (SPKI) |
| 38 | Aplikasi Reten Makmal Patologi Kesihatan Primer |
| 39 | Sistem Inventori Reagen |
